

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Perspektif Falsafah Dalam Pendidikan

Perkembangan ilmu falsafah pada masa kini sangat menggalakkan disebabkan aktiviti-aktiviti intelektual seperti perbahasan dan penyelidikan oleh ahli-ahli falsafah dalam mencari hakikat kebenaran dan tabiat sesuatu ilmu berdasarkan kemampuan akal (Azka Zihni Mohamad@Mohamaed, 2007). Aktiviti tersebut mencakupi penyelidikan tentang rahsia-rahsia alam, persoalan metafizik dan juga perkaitan dengan persoalan nilai, etika dan estetika yang berkait rapat dengan proses mencari hakikat kebenaran dan tabiat sesuatu ilmu itu (Abdul Jalil Hasan, 1973). Takrifan falsafah adalah sejagat seperti kecintaan terhadap ilmu, kebenaran, akhlak dan sistem metafizik menerusi kewarasan akal yang jitu (Mat Rofa Ismail, 2006).

Falsafah merupakan satu komponen yang penting dalam perbincangan bagi pelaksanaan sesuatu sistem pendidikan. Falsafah yang dibina akan membentuk objektif, metodologi, wasilah, sistem dan prasarana pendidikan (Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri, 2011). Kewujudan falsafah adalah sebagai memenuhi keperluan kepada tujuan pendidikan yang telah ditetapkan supaya ianya dapat digapai dan menjadi tunjang kepada pelaksanaan sesuatu sistem pendidikan bagi sesebuah negara.

Seorang tokoh pendidikan, ‘Abd al-Ghani ‘Ubud (1993) mendefinisikan falsafah sebagai sesuatu yang merujuk kepada asas utama yang mendasarinya iaitu, terbina oleh faktor sejarah, kebudayaan dan persekitaran bagi sesuatu negara. Falsafah merupakan perbincangan tentang kemunculan alam dan unsur-unsur yang membentuknya (Imam Abdul Fattah Imam, 2000). Falsafah pendidikan di setiap negara adalah tidak sama. Kepelbagaiannya tersebut adalah disebabkan oleh faktor sejarah yang berbeza-

beza. Falsafah dibentuk supaya dapat mengekalkan identiti bangsa dan juga mengekalkan survival negara bangsa tersebut ('Ubud, 1993).

Falsafah pendidikan adalah asas kepada berlangsungnya suatu proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam sesebuah institusi pendidikan. Ia menjadi kayu ukur kepada hala tuju institusi pendidikan tersebut (Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri, 2011). Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri (2011) menyatakan pendidikan diwujudkan adalah bertujuan untuk membentuk kualiti individu masyarakat yang dikehendaki berdasarkan kepada falsafah bagi sesebuah institusi pendidikan yang dibina itu.

Perspektif falsafah pendidikan dalam Islam membincangkan berkenaan peranan dan tujuan utama manusia diciptakan di muka bumi ini (Mohd Anuar Mamat, 2011). Falsafah mempunyai perkaitan yang begitu rapat dengan pendidikan; Pendidikan itu sendiri adalah suatu bentuk falsafah yang menjawab bagaimana suatu ilmu yang benar dapat diperolehi dan apakah hubung kait penciptaan manusia ini di muka bumi Allah SWT (Wahbah al-Zuhayli, 2000). Mohd Anuar Mamat (2011) menyatakan perkara utama dalam proses pembelajaran adalah kembali kepada individu itu sendiri. Proses pendidikan adalah sebagai mekanisma untuk membentuk manusia yang akhirnya dapat mencapai kriteria-kriteria tujuan kepada penciptaan mereka dan juga peranan yang akan dipikul (Mohd Anuar Mamat, 2011).

Al-Quran sendiri telah menyatakan berkenaan kriteria-kriteria tersebut dengan menjelaskan tentang tujuan mereka diciptakan hanyalah semata-mata untuk mengabdikan diri dan mengajak manusia (dakwah) kepada Allah SWT. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam Surah Al-Dzariyat (51), ayat 56 dan Surah Al-Nahl (16), ayat 36 seperti berikut:

وَمَا حَلَقْتُ أَلْجِنَ وَأَلْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥١﴾

Al-Quran, Surah Al-Dzariyat (51): 56

“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadah kepada-Ku.”

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَّسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الظَّغْرُوتَ
فَمِنْهُمْ مَنْ هَدَى اللَّهُ وَمِنْهُمْ مَنْ حَقَّتْ عَلَيْهِ الظَّلَلَةُ فَسِيرُوا فِي
الْأَرْضِ فَانْظُرُوا كَيْفَ كَانَ عِبَقَةُ الْمُكَذِّبِينَ ﴿٣٦﴾

Al-Quran, Surah Al-Nahl (16): 36

“Dan Sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): “Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Taghut”. Maka di antara mereka (yang menerima seruan Rasul itu), ada yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpah kesesatan. Oleh itu mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan Rasul-rasul-Nya.”

Muhammad Jarir (1992) dan ‘Umar (2004) menyatakan bahawa tujuan penciptaan manusia adalah untuk beribadah kepada Allah SWT dan menzahirkan pengakuan syahadah (kepercayaan dan ketaatan) melalui ibadah dengan rasa rendah diri dalam melaksanakan segala suruhan-Nya. Istilah ‘*liya’budun*’ didefinisikan sebagai ‘*liya’rifun*’ yang bermaksud untuk mengenali Allah SWT yang mana kedua-dua istilah ini membawa pendefinisian bahawa pendidikan merupakan alat untuk mengenali Allah SWT dan mengabdikan diri kepada-Nya (Al-Attas, 1978).

Mereka berpandangan bahawa konsep pendidikan ini adalah suatu proses ‘ubudiyah (pengabdian) kepada Allah SWT yang bertindak sebagai dasar utama kepada tujuan hidup manusia dengan berprinsipkan kepada syarat keikhlasan yang bulat dan kepercayaan kepada-Nya. Tanggungjawab sebagai khalifah dengan memikul amanah sebagai hamba yang taat pula adalah sebagai manifestasi kepada tujuan hidup yang dibincangkan sebelum ini. Objektif pendidikan dalam Islam itu sendiri bertindak untuk melahirkan manusia yang mempunyai sifat kehambaan dan mampu mengurus dan mentadbir amanah sebagai khalifah sepanjang kehidupan di dunia sebelum bertemu alam akhirat nanti dengan baik.

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلِيفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَتٍ
لِيَبْلُوَكُمْ فِي مَا أَتَنَّكُمْ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ

Al-Quran, Surah Al-An'aam (6): 165

“Dan Dia lah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan sesetengah kamu atas sesetengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Dia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakan-Nya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksa-Nya, dan Sesungguhnya Dia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

* وَإِلَى ثُمُودَ أَخَاهُمْ صَلِحًا قَالَ يَقُولُونَ أَعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِّنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ
هُوَ أَنْشَأَكُمْ مِّنَ الْأَرْضِ وَأَسْتَعْمَرْكُمْ فِيهَا فَاسْتَغْفِرُوهُ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ إِنَّ رَبَّ

قریبٌ مُحِبٌ

Al-Quran, Surah Hud (11): 61

“Dan kepada kaum Thamud, Kami utuskan saudara mereka: Nabi Soleh ia berkata: ‘Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! Sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripada-Nya. Dia lah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu

memakmurkannya. Oleh itu mintalah ampun kepada Allah daripada perbuatan syirik, kemudian kembalilah kepada-Nya dengan taat dan tauhid. Sesungguhnya Tuhanku sentiasa dekat, lagi sentiasa memperkenankan permohonan hamba-Nya.”

Tambahan pula, manusia juga diperintahkan untuk memikul sebuah amanah ketaatan yang diberikan oleh Allah SWT mencakupi tanggungjawab ketaatan dalam bentuk ibadah umum dan juga amanah melakukan kefardhuan yang telah ditetapkan.

إِنَّا عَرَضْنَا أَلَّا مَانَةً عَلَى الْسَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْتَ أَنْ تَحْمِلَنَا
وَأَشْفَقْنَاهُمْ إِنَّهُ كَانَ ظُلُومًا جَهُولًا

Al-Quran, Surah Al-Ahzab (33): 72

“Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (ingatlah) Sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.”

وَكُلَّ إِنْسَنٍ أَلْزَمْنَاهُ طَيْرَهُ فِي عُنْقِهِ وَخُرُجُ لَهُ يَوْمَ الْقِيَمَةِ كِتَابًا يَلْقَاهُ
مَنْشُورًا ﴿١٣﴾ أَقْرَأْ كِتَابَكَ كَفَى بِنَفْسِكَ الْيَوْمَ عَلَيْكَ حَسِيبًا

Al-Quran, Surah Al-Isra' (17): 13 – 14

“Dan tiap-tiap seorang manusia Kami kalungkan bahagian nasibnya di lehernya, dan pada hari kiamat kelak Kami akan keluarkan kepadanya kitab (suratan amalnya) yang akan didapatinya terbuka (untuk ditatapnya). (Lalu Kami perintahkan kepadanya): ‘Bacalah kitab (suratan amalmu), cukuplah Engkau sendiri pada hari ini menjadi penghitung terhadap dirimu (tentang segala yang telah Engkau lakukan).’”

كُلُّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ رَهِينَةٌ

Al-Quran, Surah Al-Muddaththir (74): 38

“Tiap-tiap diri terikat, tidak terlepas daripada (balasan buruk bagi amal jahat) yang dikerjakannya.”

Hadis juga ada menyatakan bahawa setiap manusia itu adalah pemimpin yang bertanggungjawab ke atas setiap amanah yang dipikulnya kerana ia pasti dipersoalkan di hadapan Allah SWT pada hari akhirat kelak. Sebagaimana sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari melalui jalur periwayatan Ibn Umar RA,

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ كُلُّكُمْ رَاعٍ فَمَسْئُولٌ
عَنْ رَعِيَّتِهِ، فَالْأَمْيَرُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُمْ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ
بَيْتِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُمْ وَالمرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى بَيْتِ بَعْلِهَا وَوَلَدِهِ وَهِيَ مَسْئُولَةٌ عَنْهُمْ،
وَالْعَبْدُ رَاعٍ عَلَى مَالِ سَيِّدِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُ، أَلَا فَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ
رَعِيَّتِهِ

Mawsu'ah al-Hadith, Sahih Bukhari. (2000a)

“Daripada Ibn Umar RA, saya telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: setiap orang adalah pemimpin dan akan diminta pertanggungjawaban atas kepemimpinannya. Seorang kepala negara akan diminta pertanggungjawaban perihal rakyat yang dipimpinnya. Seorang suami akan ditanya perihal keluarga yang dipimpinnya. Seorang isteri yang memelihara rumah tangga suaminya akan ditanya perihal tanggungjawab dan tugasnya. Bahkan seorang pembantu/ pekerja rumah tangga yang bertugas memelihara barang milik majikannya juga akan ditanya dari hal yang dipimpinnya. Dan kamu sekalian pemimpin dan akan ditanya (diminta bertanggungjawab) dari hal hal yang dipimpinnya” (HR. Bukhari).

Selain itu, sarjana Barat turut membincangkan aspek falsafah pendidikan dengan berpandangan bahawa pendidikan perlu bermula pada peringkat awal usia lagi sehingga ke akhir hayat (Hyde, 1913; Idris Zakaria, 2000). Ia bertepatan dengan pandangan Ibn Sina yang menyatakan pendidikan perlu diberikan selepas sahaja anak-anak tamat penyusuan dan perlu dimulai dengan pendidikan akhlak (Ibn Sina, 1982). Mereka menjelaskan pendidikan adalah satu platform pembentukan manusia sehingga lahir sebuah negara yang ideal dan terbentuk sebuah keluarga yang bahagia (Idris Zakaria, 2000).

Fazlur Rahman menyatakan perkembangan pendidikan itu sendiri telah melalui beberapa tahapnya, iaitu bermula pada peringkat awal lagi (Teguh, 2009). Penyampaian ilmu yang diamalkan bermula secara persendirian sehingga mencapai zaman kegemilangan dengan terbinanya banyak institusi-institusi pendidikan selaras dengan falsafah yang digariskan tanpa terkeluar dari panduan Islam (Teguh, 2009). Kemajuan dalam bidang pendidikan sedang dikecapi oleh generasi kini selari dengan taraf kecanggihan teknologi mengikut zamannya.

Namun, pencapaian yang gemilang ini sebenarnya didasari oleh kehebatan Nabi Muhammad SAW yang berperanan sebagai seorang pendidik. Pendekatan yang digunakan dalam menyebarluaskan ilmu kepada manusia sehingga mampu mengubah keperibadian seseorang tidak dapat dinafikan lagi. Nabi Muhammad SAW telah berjaya membuat satu revolusi kepada bangsa Arab yang hidup dalam keadaan jahiliyah berubah menjadi satu bangsa yang bertamadun (Abu Ghuddah, 2011).

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأَمَّةِنَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتَلَوُ عَلَيْهِمْ ءَايَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ

وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ

“Dia lah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummiyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad SAW) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan ke-esaan Allah dan kekuasaan-Nya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad (kepercayaan/ keyakinan) yang sesat), serta mengajarkan mereka kitab Allah (Al-Quran) dan hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak). dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.”

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَةً لِلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلِكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ



“Dan tiadalah Kami mengutusmu (Wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman), dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar); akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu).”

Pengaruh yang positif yang dapat dilihat dalam tamadun Islam kini adalah kejayaan nabi Muhammad SAW membina falsafah pendidikan dan doktrinasi yang berpaksikan kepada ajaran Islam. Falsafah pendidikan yang dibina bertujuan melahirkan manusia yang seimbang dari segi intelek, jasmani dan emosi. Pembinaan ketamadunan manusia tersebut adalah berpandukan kepada batasan kerohanian sehingga mampu menyerlahkan keperibadian dan pakej sebagai seorang hamba yang lengkap di sisi Allah SWT dan makhluk ciptaan yang lain bagi mencapai tujuan penciptaan yang dibincangkan sebelum ini (Khurshid Ahmad, 1975; Yusof Al-Qaradhawi, 1980).

1.2 Pengintegrasian Perspektif Agama dan Sains (Latar Belakang Kajian)

Tidak dapat dinafikan bahawa agama dan sains merupakan dua perspektif yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Namun, apabila sains telah mula diagungkan dan dijadikan sebagai kiblat untuk mencapai kemewahan material dan mencari hakikat kebenaran sesuatu kejadian tanpa disandarkan dengan nilai agama, ia secara tidak langsung telah mencalar dan mengurangkan pengaruh agama itu sendiri (Haque, 1998). Contohnya dalam mencari hakikat penciptaan alam ini, terdapat segolongan yang menganggap kejadian ini sebagai suatu kebetulan sahaja. Mereka melakukan penyelidikan saintifik melalui pemerhatian dan pengumpulan data berdasarkan pendekatan rasional dan logik akal sahaja tanpa merujuk kitab-kitab agama (Sidek Baba, 2011). Sidek Baba (2011) menyatakan mereka ini sebagai golongan yang lahir dalam ‘rahim’ sekular yang tidak menjadikan aspek akidah dan akhlak sebagai tunjang ilmu. Implikasi pada akhirnya adalah melahirkan masyarakat yang tidak mampu menguasai persoalan ilmu yang mempunyai perkaitan dunia dan akhirat. Jelas, kelompok ini tidak menepati ciri-ciri falsafah pendidikan dalam Islam yang dibincangkan sebelum ini.

Saintis Islam menjadikan akidah, iman dan takwa sebagai asas untuk membezakan mereka dengan saintis Barat dalam sesuatu bidang penyelidikan. Mereka menghubungkan kajiannya dengan kewujudan Pencipta supaya lahir keyakinan kepada Allah SWT sehingga mendorong mereka untuk mengadaptasi peranan sebagai khalifah dengan sifat kehambaan dan pengabdian kepada-Nya. Sedangkan saintis Barat hanya terhenti setakat mendapatkan data dan fakta untuk menghasilkan satu hipotesis sebagai usaha memahami kejadian sesuatu fenomena dan menghubungkaitkannya sebagai faktor semula jadi (Sidek Baba, 2011). Hal ini hanya melahirkan masyarakat yang sompong dan tidak merendah diri.

Amat malang sekali apabila mereka menganggap kedua-dua aspek agama dan sains ini bertentangan antara satu sama lain. Sedangkan di dalam Al-Quran telah dinyatakan dengan jelas perihal penciptaan tersebut seperti mana di dalam surah al-Baqarah (2), ayat 164,

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَآخْتِلَافِ الْلَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَالْفُلْكِ الَّتِي تَجْرِي
فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَاءٍ فَأَحْيَا بِهِ
الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ وَتَصْرِيفِ الرِّيحِ وَالسَّحَابِ
الْمُسَخَّرِ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

Al-Quran, Surah al-Baqarah (2): 164

“Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta Dia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada Kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; Sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan ke-Esaan Allah kekuasaan-Nya, kebijaksanaan-Nya, dan keluasan rahmat-Nya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran.”

Konflik antara kedua-dua aspek agama dan sains ini sebenarnya merupakan isu lama yang telah diperdebat dan dibahaskan. Para ahli psikologi yang berfahaman sekular hanya mengaitkan kesemua urusan berkaitan kehidupan ini terjadi semata-mata oleh proses sains itu sendiri tanpa menerima unsur agama yang mempengaruhi. Malah mereka menganggap agama adalah kuno (Haque, 1998). Sidek Baba (2011) juga menjelaskan terdapat segolongan lain yang berpendapat bahawa ilmu Islam dan Barat adalah serupa. Golongan ini beranggapan bahawa ilmu bersifat neutral iaitu berkecuali;

dalam ilmu Barat itu semuanya ada pada ilmu Islam (Islamik), manakala dalam ilmu Islam itulah yang ada pada ilmu Barat (Sidek Baba, 2011). Pada mereka mempelajari semua ilmu dari Barat dan Timur merupakan aspek paling penting untuk bersaing dengan masyarakat lain.

Selain mencari titik persamaan antara dua disiplin agama dan sains ini, Haque (1998) juga berpandangan kefahaman terhadap kepercayaan dan keyakinan agama dapat ditangani sekiranya perkara ini tidak diabaikan dalam pelaksanaan sains masa kini. Sidek Baba (2011) menyatakan hal ini sebagai suatu konsep yang dinamakan integrasi atau lebih dikenali sebagai Islamisasi ilmu yang perlu diperhalusi dengan cermat dan teliti. Maka pengintegrasian atau proses Islamisasi antara agama dan sains ini merupakan usaha mengurangkan jurang pemisahan dan pemahaman masyarakat yang terdiri dari pelbagai latar belakang kepakaran akibat pemisahan dua bidang perspektif itu tadi terhadap pelbagai aspek yang berkaitan seperti pendidikan. Integrasi bermaksud bagaimana ilmu dan teknologi diberikan nilai, etika dan adab. Islamisasi pula bermaksud bagaimana asas akidah, akhlak dan syariah dijadikan sumber membangunkan ilmu (Sidek Baba, 2011).

Osman Bakar (2008) menyatakan hubungan antara agama dan sains sebagai satu perbincangan yang telah lama diperhalusi khususnya dalam disiplin ilmu sains alam dan matematik sebelum campur tangan Barat. Penggunaan istilah ‘Sains Islam’ digunakan hasil persamaan maklumat dalam pengkajian terhadap hubungan erat antara agama dan sains yang menunjukkan bahawa elemen sains sendiri terdapat dalam peradaban Islam itu sendiri (Osman Bakar, 2008). Osman Bakar (2008) juga menyatakan tunjang utama dalam integrasi antara dua disiplin ilmu, iaitu agama dan sains adalah doktrinasi elemen ketauhidan (tentang ke-Esaan Allah SWT). Hal ini disebabkan agama menjadi sandaran dan intipati utama terhadap setiap urusan kehidupan manusia (Osman Bakar, 2008).

1.3 Pernyataan Masalah

Berdasarkan penemuan kajian-kajian neurosains terdahulu, terdapat isu-isu yang berbeza dibincangkan daripada perspektif Islam. Isu-isu tersebut dibincangkan di bawah pelbagai topik dan turut melibatkan persoalan hukum-hakam. Kekangan pengasingan pengkhususan bidang pengajian telah mengakibatkan kekeliruan dan/atau konflik dalam kalangan masyarakat Islam yang menceburi pelbagai bidang sains konvensional ketika ini. Isu-isu ini lazimnya dibincangkan secara berasingan di antara sains konvensional dan perspektif Islam. Golongan yang berlatarbelakangkan bidang pengajian Islam mempunyai pemahaman dan penggunaan istilah yang sukar untuk diperjelaskan kepada golongan yang berpendidikan sains konvensional. Pemahaman yang tidak menyeluruh mengakibatkan pertembungan pandangan dan salah faham kepada masyarakat.

Pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman dalam penghafazan Al-Quran dilihat sebagai salah satu isu dalam sains konvensional atau sains tingkah laku. Aktiviti penghafazan Al-Quran merupakan salah satu tingkah laku kompleks dengan memperoleh maklumat yang baru untuk membentuk dan menyimpan memori, seterusnya dapat mengakses memori tersebut (Kandel et al., 2013). Kecekapan memori boleh didorong/ ditingkatkan apabila diteguhkan dengan pemberian ganjaran dan hukuman.

Sehingga kini, maklumat berkenaan pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman yang dianjurkan dalam sains tingkah laku dan tradisi Islam masih belum didokumentasikan dengan baik. Pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman yang lazim dipraktikkan oleh para guru di sekolah tempatan di Malaysia juga masih kurang atau belum ada pendokumentasian. Penyelarasaran pemberian ganjaran dan hukuman yang diamalkan di sekolah sebagai peneguhan dalam pembelajaran ke atas maklumat sains kelakuan dan tradisi Islam juga masih kurang atau tidak wujud lagi.

Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan mengenalpasti dan mengumpul maklumat pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman daripada aspek sains kelakuan dan tradisi Islam, supaya kedua-dua maklumat dapat diselaraskan dan dikenalpasti persamaan dan perbezaan isu-isu yang berkaitan untuk didokumentasikan. Selain mengenalpasti pemberian ganjaran dan hukuman yang lazim diamalkan di sekolah kajian, tahap pemahaman dan penerimaan guru dan murid turut dinilai. Dapatkan dijadikan sebagai perkongsian dan cadangan untuk penambahbaikan pelaksanaan sistem pendidikan di Malaysia.

1.4 Objektif Kajian

Dalam tesis ini objektif kajian yang telah digariskan adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti pengamalan pemberian ganjaran (sama ada berbentuk ganjaran positif dan/atau ganjaran negatif) dan hukuman dalam pendidikan daripada aspek:
 - a) Sains kelakuan
 - b) Tradisi Islam (Al-Quran, hadis dan penulisan sarjana-sarjana Islam)
2. Mengenalpasti penyelarasian persamaan dan perbezaan isu-isu berkaitan pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman dalam pendidikan daripada aspek sains kelakuan dan tradisi Islam.
3. Mengenalpasti pemberian ganjaran dan hukuman yang lazim diamalkan di sebuah sekolah menengah agama tempatan yang terpilih di peringkat menengah rendah di Terengganu.

4. Menilai pemahaman dan penerimaan para pendidik dan pelajar berkaitan pemberian ganjaran dan hukuman yang diamalkan di sebuah sekolah menengah agama tempatan terpilih di peringkat menengah rendah di Terengganu.

1.5 Soalan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mencari jawapan bagi persoalan berikut:

1. Bagaimanakah pengamalan pemberian ganjaran (sama ada berbentuk ganjaran positif dan/atau ganjaran negatif) dan hukuman dalam proses pendidikan yang dianjurkan oleh sains kelakuan dan tradisi Islam?
2. Adakah terdapat penyelarasan maklumat berkenaan kaedah dan isu-isu berkaitan pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman dalam pendidikan mengikut sains kelakuan dan tradisi Islam?
3. Bagaimanakah pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman yang lazim diamalkan dalam pendidikan di sebuah sekolah menengah agama tempatan yang terpilih di peringkat menengah rendah di Terengganu?
4. Bagaimanakah pemahaman dan penerimaan berkenaan pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman dalam kalangan pendidik dan murid di

sebuah sekolah menengah agama tempatan yang terpilih di peringkat menengah rendah di Terengganu?

1.6 Signifikan Kajian

Kajian ini merupakan langkah awal pengintegrasian bidang sains kelakuan dan tradisi Islam. Tujuannya adalah untuk mengharmonikan salah tanggap dan mengurangkan jurang pemahaman/kekeliruan masyarakat terhadap pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman dalam pendidikan, disamping menilai pemahaman dan penerimaan pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman dalam penghafazan Al-Quran di sebuah sekolah menengah agama di Terengganu dalam kalangan guru dan murid.

Sehubungan itu, usaha pengumpulan maklumat berkenaan isu pengamalan ganjaran dan hukuman daripada perspektif sains kelakuan dan tradisi Islam dapat didokumenkan dengan baik untuk dijadikan rujukan kepada masyarakat serta dijadikan sebagai sorotan kajian yang berkaitan.

Penyelarasan maklumat berkenaan pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman ini dilihat sangat penting supaya penemuan baru dapat didokumentasikan dengan jelas disamping meningkatkan tahap pemahaman dan mengurangkan kekeliruan para pendidik, murid dan masyarakat. Akhirnya kajian ini akan mengemukakan cadangan dan juga saranan berkenaan amalan peneguhan yang sesuai diaplikasikan dalam sistem pendidikan di Malaysia..

1.7 Limitasi Kajian

Empat kekangan telah dihadapai sepanjang mengendalikan kajian ini. Kajian ditangguhan selama sebulan disebabkan penglibatan dalam program *Outbound* yang dianjurkan pihak IPS di Center of Religious and Cross-cultural Studies (CRCS), Universitas Gadjah Mada, Yogyakarta, Indonesia. Program ini bermula dari 23 September 2010 sehingga 22 Oktober 2010.

Tambahan pula, sebahagian kerja kajian lapangan yang tergendala tersebut perlu dilakukan mengikut jadual sesi persekolahan yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian Malaysia. Kelulusan menjalankan penyelidikan secara lapangan juga perlu diperolehi terlebih dahulu daripada pihak kerajaan Negeri melalui Yayasan Terengganu dan pihak sekolah.

Selain itu, proses penulisan dan analisis dapatan yang diperoleh turut terganggu disebabkan masalah peribadi/ keluarga yang dihadapi sewaktu menjalankan kajian. Masalah kesihatan yang dialami oleh salah seorang penyelia bersama, Prof. Madya Dr. Durriyyah Sharifah Hasan Adli, sejak tahun 2009 juga merupakan salah satu faktor menyumbang kepada penangguhan ini. Beberapa perancangan yang telah ditetapkan oleh beliau telah tidak dapat diikuti mengikut jadual yang ditetapkan dan sebaliknya terpaksa diselaraskan semula bergantung kepada tahap kesihatan beliau.

BAB 2: KAJIAN LITERATUR

Penemuan-penemuan baru dalam penyelidikan yang melibatkan penggabungan atau pengintegrasian ke atas beberapa isu yang dibincangkan daripada perspektif sains dan tradisi Islam masih belum banyak lagi diterokai sehingga kini. Beberapa penemuan penyelidikan lepas telah dikenalpasti dan dijadikan sebagai sorotan kajian awal untuk melanjutkan penyelidikan berkaitan isu pengamalan pemberian ganjaran (sama ada ganjaran positif dan/atau ganjaran negatif) dan hukuman dalam penghafazan Al-Quran daripada aspek sains tingkah laku dan tradisi Islam. Kajian ini merupakan satu penemuan baru yang dapat memberikan sumbangan baik dalam sektor pendidikan di Malaysia.

Durriyyah Sharifah Hasan Adli et al. (2003) menyatakan penemuan-penemuan dalam kajian neurosains telah menimbulkan pelbagai persepsi dan persoalan kepada masyarakat umum khususnya dalam memahami sesuatu isu yang dibincangkan dalam perspektif Islam. Isu yang timbul adalah disebabkan oleh kekangan pengasingan bidang penyelidikan sehingga menyebabkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat. Ahli-ahli saintis Barat telah mengemukakan pelbagai isu berkaitan neurosains yang boleh dibincang secara mendalam menurut kaca mata Islam. Isu-isu yang dihuraikan dalam kertas kerja tersebut meliputi isu yang sukar untuk dibincangkan dan sukar mencari titik temu yang baik jika disorot daripada kedua-dua perspektif, sains dan Islam. Tujuh isu yang dibincangkan adalah berkaitan dengan sistem tubuh dan fungsi struktur manusia yang melibatkan beberapa aspek yang sukar dibincangkan daripada perspektif sains dan mempunyai pemahaman yang berbeza dalam masyarakat.

- a) Perbezaan manusia dan makhluk lain
- b) Roh
- c) Kematian otak
- d) Jantung dan otak
- e) Proses pembelajaran dan penghasilan memori melalui deria
- f) Proses penuaan dan nyanyuk
- g) Tidur

Baru-baru ini, terdapat satu kajian ke atas aktiviti pembelajaran yang memfokuskan kepada kaedah penghafazan Al-Quran (pembentukan memori) yang dijalankan ke atas sebuah sekolah menengah agama di Terengganu. Penyelidikan tersebut melibatkan pengumpulan dan pendokumentasian maklumat berkenaan aktiviti-aktiviti dan isu-isu berkaitan kaedah hafazan daripada sumber sains konvensional dan tradisi Islam (Zulfa Izza Mohamed@Hashim, 2013). Selain itu, kajian tersebut juga membincangkan penyelarasan maklumat dengan melihat persamaan dan perbezaan yang diperoleh daripada analisis kandungan dan pengamalan kaedah hafazan yang dilaksanakan di sekolah kajian.

Penghafazan Al-Quran merupakan aktiviti pembelajaran berasaskan sains tingkah laku atau dikenali sebagai *behaviourisme*. Aktiviti hafazan merupakan satu aktiviti mental yang dijana oleh otak melalui pemprosesan maklumat yang diterima untuk membentuk memori (Kandel et al., 2013). Memori ini boleh ditingkatkan kecekapannya apabila diberikan rangsangan luar berbentuk ganjaran dan/atau hukuman yang bertindak sebagai peneguhan.

Kandel et al. (2013) menyatakan pemberian ganjaran dan hukuman ini melibatkan hubungan suatu rangsangan dengan tingkah laku individu. Pendekatan ini berkait rapat dengan teori pelaziman *operan* atau pelaziman cuba jaya yang dipelopori

oleh Edward Thorndike (1874–1949) dan Burrhus Frederic Skinner (1904–1990). Bagi Thorndike dan Skinner, prinsip asas pembelajaran (tingkah laku) adalah dipengaruhi oleh unsur peneguhan (peneguhan positif dan/atau peneguhan negatif) yang boleh mendorong individu meningkatkan tingkah laku, dan denda yang boleh menghentikan tingkah laku yang tidak diingini (Mahmood Nazar Mohamed, 2005).

Khalim Zainal (2008) menyatakan perasaan, pemikiran dan tingkah laku murid dapat dikawal, diukur, dan diramal setelah peneguhan dan dendaan diberikan kepada mereka. Pemberian peneguhan dan dendaan yang diberikan ketika proses pembelajaran bertindak meneguhkan tingkah laku dengan sangat efektif dan berkesan. Selain itu, pembentukan tingkah laku juga boleh disesuaikan dengan tahap pemberian peneguhan secara bersistematik menggunakan kaedah menarik keluar peneguhan dan menggunakan dendaan sehingga dapat mencetuskan tingkah laku yang dikehendaki.

Selain pemberian ganjaran dan hukuman, Khalim Zainal (2008) menyatakan guru juga mempunyai peranan yang sangat penting dalam membentuk tingkah laku murid yang bermasalah menjadi kepada murid yang bertingkah laku positif di dalam kelas. Tingkah laku murid dapat dibentuk berdasarkan pengalaman dengan menyelami perasaan serta pemikiran mereka melalui beberapa pendekatan seperti memberi nasihat atau perbincangan secara tertutup (Hyman, 1997; Khalim Zainal, 2008). Pendekatan ini juga mampu mendorong tingkah laku yang tidak diingini menjadi tingkah laku yang lebih positif (Alberto & Troutman, 1990; Axelrod, 1983; Bandura, 1977; Skinner, 1968; Skinner, 1982).

Pemberian token merupakan salah satu peneguhan berbentuk pemberian ganjaran positif yang membantu meneguhkan tingkah laku murid di dalam kelas. Nora Amirah Roslan dan Mohd. Eddy Abdullah (2011) menyatakan tingkah laku murid ketika di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran perlu diurus dengan baik supaya

suasana kelas yang baik dan selesa dapat dibentuk. Berdasarkan penyelidikan yang dijalankan pemberian token kepada murid hanya akan diberikan apabila murid bertingkah laku positif (peneguhan positif), dan akan ditarik balik jika berkelakuan negatif (peneguhan negatif). Peneguhan tingkah laku juga boleh dikawal dan dibentuk dengan memberikan skema-skema peneguhan secara berterusan dan berkala. Pemberian token ini bertindak sebagai peneguhan positif yang membantu memotivasi murid pada peringkat awal pembelajaran (Kadzin, 1977).

Cavanagh et al. (2011) mengkaji bagaimana tekanan sosial dapat mempengaruhi fungsi kognitif individu yang mudah tersinggung (mempunyai sensitiviti terhadap hukuman), dan mempengaruhi keadaan tindak balas individu tersebut (penyebab yang memberikan kesan negatif) dalam proses pembelajaran. Individu yang mempunyai tahap sensitiviti terhadap hukuman yang rendah diramal akan memberikan kesan yang baik dalam aktiviti pembelajaran jika diberikan unsur berbentuk ganjaran kepada mereka. Manakala individu yang mempunyai tahap sensitiviti terhadap hukuman yang tinggi pula diramal akan memberikan kesan yang baik dalam aktiviti pembelajaran jika diberikan hukuman kepada mereka. Tindak balas tekanan sosial individu yang mudah tersinggung ini mengubah fungsi otak semasa berlaku proses pembelajaran apabila diberikan peneguhan.

Penyelidikan yang dijalankan oleh Guitart-Masip et al. (2012) membincangkan interaksi/hubungkait antara penyebab (melibatkan ganjaran dan hukuman) dan kesan (melibatkan aktiviti tindak balas, menggiatkan dan merencatkan sesuatu perkara) kepada sesuatu tingkah laku itu berlaku. Interaksi tersebut diukur setelah ganjaran dan hukuman diberikan untuk menentukan sama ada ia memberikan kesan atau sebaliknya. Dalam kajian ini didapati responden yang diuji akan lebih berjaya dalam pembelajaran jika diberikan ganjaran, dan akan pasif jika diberikan hukuman.

He et al. (2013) menjalankan kajian berkaitan motivasi dengan mengkaji kesan marah ke atas kecenderungan/tumpuan kanak-kanak berbangsa Cina berumur 5 dan 6 tahun terhadap isyarat ganjaran dan hukuman yang diberikan. Kajian dijalankan ke atas tiga kelompok kanak-kanak yang mempunyai sifat mudah marah. Keputusan menyatakan kanak-kanak yang marah dan mudah marah lebih cepat memberikan tumpuan terhadap isyarat ganjaran berbanding hukuman dalam kajian tersebut. Kajian menunjukkan pemberian rangsangan berbentuk ganjaran sesuai diberikan kepada individu yang mudah marah bersesuaian dengan naluri yang suka berkaitan dengan keseronokan.

Walau bagaimanapun, isu yang dibincangkan daripada perspektif Islam pula dilihat tidak banyak didokumentasikan. Sharifah Norshah Bani Syed Bidin (2009) menggunakan pendekatan *tabsyir* dan *indhar* dalam pemberian ganjaran dan hukuman ke atas pesalah kes juvana dalam kajianya di sekolah pemulihan yang terpilih. Pesalah juvana ini terdiri dari kalangan remaja berumur antara 10-18 tahun. Pemberian peneguhan ini berfungsi meneguhkan tingkah laku baik terhadap pesalah juvana. Kajian berkaitan pemberian *tabsyir* adalah berbentuk ganjaran yang ditetapkan oleh sekolah pemulihan juvana supaya mendorong pesalah juvana meningkatkan tingkah laku yang baik. Pemberian *indhar* pula sebagai suatu bentuk hukuman yang diberikan kepada pesalah juvana yang tidak mengikuti peraturan yang ditetapkan supaya menimbulkan keadaan yang tidak selesa dalam kalangan pesalah juvana.

Mohd. Yakub@Zulkifli Mohd. Yusoff dan Sharifah Norshah Bani Syed Bidin (2006) menjelaskan kisah/peristiwa yang terdapat di dalam Al-Quran dan hadis adalah digambarkan membawa maksud ganjaran dan hukuman, pujiyan dan peringatan, serta dorongan dan ancaman. Ahmad Ali Budaiwi (2002) menyatakan tradisi Islam melalui Al-Quran telah menyatakan konsep ganjaran dan hukuman menggunakan istilah Arab seperti *targhib* (dorongan melakukan kebaikan), *tarhib* (dorongan mengurangkan

tingkah laku yang salah), dan ‘*uqubah* (hukuman ke atas kesalahan yang dilakukan).

Pendekatan ini berkaitan dengan naluri manusia yang sukakan ganjaran dan keseronokan, dan berkaitan dengan rasa takut kepada hukuman.

Kelompongan aspek pengumpulan dan penyelarasan maklumat berkaitan pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman daripada perspektif sains kelakuan dan tradisi Islam telah dikenalpasti. Penemuan kajian dan pemahaman konsep pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman ini merupakan sorotan kajian yang sangat baik untuk dijadikan kerangka teori yang mendasari kajian ini. Terdapat persamaan konsep dalam pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman yang digunakan oleh kedua-dua perspektif tetapi menggunakan istilah yang berbeza.

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN


3.1 Pengenalan

Wiersma dan Jurs (2009) menyatakan penyelidikan merupakan satu proses sistematis yang melibatkan pengumpulan dan penganalisan maklumat untuk tujuan tertentu. Aktiviti penyelidikan juga adalah satu proses penerangan dan pemahaman sesuatu masalah atau isu yang timbul dalam sesuatu penyelidikan yang akan/sedang dijalankan (Noraini Idris, 2010). Lazimnya, sesuatu kajian yang dijalankan bertujuan untuk menyelesaikan persoalan-persoalan yang sebelum ini tidak atau belum lagi pernah dilakukan (Idris Awang, 2009). Penyelidik kebiasaannya akan menggunakan maklumat dari sumber yang primer bagi menjawab persoalan-persoalan tersebut.

Akhiar Pardi dan Shamsina Shamsuddin (2011) menyatakan penyelidikan dalam bidang pendidikan merupakan proses mendapatkan sesuatu pengetahuan baru melalui pengumpulan data dan maklumat yang tujuannya khusus untuk menyelesaikan masalah pendidikan. Oleh itu, dapatannya nanti boleh digunakan dalam peningkatan kualiti pengamalan pendidikan. Penyelidikan yang dijalankan bertujuan untuk mengkaji pola tingkah laku murid, guru, pentadbir dan pekerja di sesebuah sekolah atau institusi pendidikan yang lain.

Aktiviti penyelidikan perlu melalui beberapa proses penyelidikan yang sistematis untuk memastikan hasil kajian yang sah dan mempunyai kebolehpercayaan yang baik. Lima proses umum dalam aktiviti penyelidikan adalah melibatkan; 1) pengenalpastian masalah penyelidikan, 2) penelitian maklumat, 3) pengumpulan maklumat, 4) analisis data, dan 5) pembentukan kesimpulan.

Proses-proses tersebut dapat digambarkan seperti Rajah 3.1 yang berikut:



Rajah 3.1: Proses dalam Penyelidikan (Wiersma & Jurs 2009)


3.2 Reka Bentuk dan Fasa Kajian

Idris Awang (2009) menyatakan penyelidik perlu membuat persediaan yang rapi terlebih dahulu sebelum kajian dijalankan. Reka bentuk kajian dibina berdasarkan persoalan kajian yang ditimbulkan. Pemilihan kaedah penyelidikan juga dipilih berdasarkan kepada kesesuaian menjawab persoalan dan isu yang ditimbulkan dalam kajian.

Kaedah penyelidikan secara kualitatif telah dipilih dalam kajian ini. Kaedah ini dilihat sesuai digunakan bagi mendapatkan maklumat berkenaan pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman berdasarkan persoalan kajian yang ditimbulkan. Kajian ini melibatkan dua fasa, iaitu; (a) Fasa I, kajian kandungan dokumen (kajian tekstual), dan (b) Fasa II, kajian kes (kajian lapangan).

- (a) **Fasa I Kajian.** Kajian kandungan dokumen (kajian tekstual) merupakan proses pengumpulan maklumat yang diperoleh melalui kajian perpustakaan. Penyelidik mengenalpasti terlebih dahulu maklumat-maklumat yang sedia ada berkaitan pengamalan pemberian ganjaran (sama ada ganjaran positif dan/atau ganjaran negatif) dan hukuman dalam proses pembelajaran dalam fasa ini. Maklumat-maklumat dipilih daripada sumber sains (pengamalan saintis Barat dalam psikologi pendidikan dan sains kelakuan), dan tradisi Islam (Al-Quran, hadis dan pandangan sarjana Islam). Data terkumpul diselaraskan dan dianalisis untuk mengenalpasti persamaan dan perbezaan yang timbul dalam pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman.
- (b) **Fasa II Kajian.** Sebelum menjalankan kajian sebenar, kajian awalan dilakukan terlebih dahulu untuk memantapkan persediaan kajian sebenar. Kajian kes di lokasi kajian yang telah dipilih dimulakan setelah melakukan persediaan awal seperti urusan mendapatkan kebenaran menjalankan penyelidikan daripada pihak berwajib. Urusan tersebut dilakukan beberapa bulan sebelum memulakan penyelidikan. Kajian kes melibatkan; 1) pengutipan data bahan kajian yang diperoleh di sekolah kajian seperti dokumen buku panduan modul hafazan Al-Quran, dan 2) temu bual ke atas penggubal modul, guru, dan murid. Data-data pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman yang diperoleh di sekolah kajian dikenalpasti untuk pendokumentasian.

Aliran dan tema yang wujud dalam dapatan kajian kandungan dokumen dan kajian kes dikenalpasti. Dapatan daripada kedua-duanya dikaitkan untuk membentuk rumusan kajian. Kaedah penyelidikan yang melibatkan kajian kandungan dokumen dan kajian kes akan dibincangkan secara terperinci di akhir bab ini.



Rajah 3.2: Reka Bentuk Kajian

3.3 Kajian Kandungan Dokumen (Kajian Tekstual)

Kaedah analisis secara konseptual dan semantik merupakan bentuk kajian kandungan dokumen yang digunakan dalam penyelidikan ini. Analisis konseptual merupakan satu analisis yang menghurai dan menjelaskan konsep sesuatu kandungan yang dikaji, iaitu berkaitan konsep pengamalan pemberian ganjaran (sama ada ganjaran positif dan/atau ganjaran negatif) dan hukuman dalam pendidikan secara tekstual. Analisis semantik pula merupakan analisis berkenaan hubungan konsep-konsep yang berkaitan dengan kandungan sesuatu yang hendak dikaji. Teori dan konsep pemberian ganjaran dan hukuman dianalisis daripada aspek sains kelakuan dan tradisi Islam. Analisis persamaan dan perbezaan dilakukan setelah memperolehi data daripada sumber rujukan seperti Al-Quran, hadis, penulisan sarjana-sarjana Islam, buku, jurnal dan lain-lain. Tema dibentuk daripada data-data yang dianalisis berdasarkan persoalan dan objektif kajian.

3.3.1 Prosedur Pengumpulan Data Kajian Kandungan Dokumen

Analisis kandungan dokumen yang dijalankan dalam fasa ini mengambil data daripada sumber perspektif sains. Penyelidik merujuk kepada pengamalan-pengamalan saintis Barat terhadap psikologi pendidikan dan sains kelakuan. Contohnya, Kandel dan Jessell dengan merujuk buku bertajuk *Principles of Neural Science*. Teori dan konsep pembelajaran berdasarkan pendekatan *behaviourisme* yang diperkenalkan oleh tokoh dan saintis Barat seperti Thorndike dan Skinner menonjolkan teori peneguhan (penggunaan ganjaran dan hukuman) dalam proses pembelajaran melalui teori pelaziman operan.


Sumber daripada tradisi Islam pula, penyelidik merujuk kepada sumber yang berautoriti. Sumber tradisi Islam terdiri daripada ayat kandungan Al-Quran yang diambil daripada kitab Tafsir Ibnu Katsir, karangan Abdullah bin Muhammad, dan Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian Al-Quran, karangan oleh Sheikh Abdullah Basmeih. Hadis-hadis pula dipetik daripada ensklopedia hadis yang terdiri daripada sahib Muslim, sahib Bukhari, sunan Ibn Majah, sunan Abi Da'ud, sunan Tirmizi dan *Al-Mu'jam al-Kabir Li at-Thobrani*. Manakala pandangan sarjana-sarjana Islam tentang isu pendekatan pendidikan ini dirujuk daripada tokoh sarjana Muslim seperti Abdullah Naseh Ulwan melalui buku *Tarbiatul Awlad fil Islam*, dan Muhammad 'Ustman Najat melalui buku Psikologi Rasulullah SAW.

Pencarian maklumat juga adalah melalui carian atas talian dengan menggunakan enjin gelintar seperti *Google* dan *Google Scholar*, pengkalan data seperti *ScienceDirect* dan laman sesawang yang berautoriti. Perisian *EndNote Library X7* juga turut digunakan dalam mencari maklumat-maklumat berkaitan dengan kajian. Kata kunci yang digunakan dalam carian tersebut adalah seperti “*reward*”, “*punishment*”, “*positive reinforcement*”, “*negative reinforcement*”, “*hippocampus*”, “*brain*”, “*learning*”, “*tsawab*”, “*tabsyir*”, “*targhib*”, “*tarhib*”, dan “*uqubah*” (Jadual 3.1). Pemilihan istilah dalam carian ini merujuk kepada penggunaan istilah ganjaran, hukuman dan bahagian-bahagian otak yang terlibat secara langsung dalam proses pembelajaran.

Jadual 3.1: Penggunaan Istilah bagi Carian Kata Kunci

Bil	Istilah	Kaitan dengan Kajian
1	<i>Reward</i>	Istilah Bahasa Inggeris bagi ganjaran
2	<i>Punishment</i>	Istilah Bahasa Inggeris bagi Hukuman
3	<i>Positive Reinforcement</i>	Istilah Bahasa Inggeris bagi pengukuhan positif
4	<i>Negative Reinforcement</i>	Istilah Bahasa Inggeris bagi pengukuhan negatif
5	<i>Hippocampus</i>	Istilah Bahasa Inggeris bagi bahagian otak, hipokampus
6	<i>Brain</i>	Istilah Bahasa Inggeris bagi otak
7	<i>Learning</i>	Istilah Bahasa Inggeris bagi pembelajaran
8	<i>Tsawab, Tabsyir, Targhib</i>	Istilah Bahasa Arab bagi ganjaran positif
9	<i>Tarhib</i>	Istilah Bahasa Arab bagi ganjaran negatif
10	<i>'Uqubah</i>	Istilah Bahasa Arab bagi hukuman

Maklumat yang terkumpul daripada perspektif sains kelakuan dan tradisi Islam diselaras dan disusun secara sistematik. Seterusnya analisis maklumat kedua-dua perspektif ini dilakukan bagi mencari persamaan dan perbezaan isu pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman dalam pembelajaran. Fasa ini merupakan fasa kritikal yang melibatkan proses hubungkait maklumat daripada dua perspektif disiplin ilmu. Aliran tema dikenalpasti wujud dalam bentuk perbandingan (persamaan dan perbezaan). Rajah 3.3 adalah prosedur kajian tekstual yang telah dilakukan.



Rajah 3.3: Prosedur Kajian Tekstual

3.4 Penyelidikan Kajian Kes

Kualitatif merupakan salah satu metode kajian dalam penyelidikan sains sosial dan tingkah laku, termasuklah sosiologi, antropologi dan psikologi (Akhiar Pardi & Shamsina Shamsuddin, 2011). Kaedah penyelidikan ini merupakan kajian semulajadi yang tidak melibatkan nombor-nombor statistik dan hanya melibatkan penumpuan kepada satu sampel yang kecil sahaja.

Wiersma dan Jurs (2009) menyatakan kualitatif merupakan salah satu metode penyelidikan yang menekankan suatu fenomena atau sebab suatu isu itu ditimbulkan. Penyelidikan kualitatif bertujuan memahami sebab-sebab berlakunya sesuatu tingkah laku, persepsi, sikap, budaya dan gaya hidup bagi sekelompok manusia. Selain menggunakan fakta, maklumat, pernyataan, ulasan, tanggapan, persepsi, simbol, perasaan atau apa sahaja yang boleh menjelaskan sesuatu fenomena, kualitatif juga menyentuh berkaitan penerokaan isu-isu, memahami fenomena, dan menjawab beberapa soalan seperti apa, mengapa dan bagaimana melalui beberapa kaedah yang sememangnya diamalkan (Idris Awang, 2009).

Kajian kes (kajian lapangan) merupakan salah satu pendekatan yang diamalkan dalam penyelidikan kualitatif, selain pendekatan kajian etnografi, kajian sejarah dan kajian naratif (Akhiar Pardi & Shamsina Shamsuddin, 2011). Kajian ini dilakukan secara deskriptif dengan memfokus kepada penyelidikan ke atas satu unit kecil sosial seperti individu, satu keluarga, satu komuniti atau satu masyarakat bergantung kepada tujuan kajian tersebut (Noraini Idris, 2010).

Penyelidikan dalam kajian ini melibatkan pendekatan kajian kes yang dilakukan ke atas pelajar-pelajar dalam penghafazan Al-Quran di sebuah sekolah menengah agama yang terpilih di Terengganu. Kajian kes dilakukan untuk mengumpul maklumat

berkenaan pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman yang diperaktikkan di sekolah kajian untuk tujuan pendokumentasian.

3.4.1 Prosedur Kajian Kes

Pelaksanaan kajian kes dalam penyelidikan ini telah mengikuti prosedur yang ditetapkan oleh penyelidik. Penyelidik telah menjalankan kajian awalan terlebih dahulu sebelum memulakan kajian sebenar. Pengutipan data dalam kajian kes ini melibatkan dua proses yang penting, iaitu: (a) temu bual, dan (b) dokumen buku panduan. Kaedah temu bual dan pengutipan data daripada dokumen buku panduan hafazan dilakukan untuk mengumpul data yang diperlukan. Penyelidik telah melakukan persediaan awal melibatkan beberapa urusan rasmi di antara pihak universiti dan pihak Yayasan Terengganu. Perjumpaan bersama wakil Jabatan Pendidikan dan Yayasan Terengganu pada 24 April 2011 bagi tujuan pemberian surat secara rasmi untuk mendapatkan kebenaran menjalankan penyelidikan di sebuah sekolah yang terpilih di bawah kelolaan Yayasan Terengganu di Kuala Terengganu telah berlangsung dengan sempurna (lihat Lampiran A). Kebenaran secara rasmi juga telah diperolehi daripada pihak sekolah yang terpilih untuk menjalankan kajian yang sebenar.

3.4.2 Kajian Awalan

Sebelum memulakan kajian lapangan yang sebenar, penyelidik telah membuat dua kajian awalan. Penyelidik memilih sebuah sekolah menengah agama di Terengganu untuk dijadikan sebagai uji kaji yang pertama bermula pada 29 Jun 2010 sehingga 1 Julai 2010. Kajian awalan yang kedua pula telah dilakukan pada 4 Oktober 2010 sehingga 7 Oktober 2010 di sebuah sekolah agama moden di Yogyakarta, Indonesia.

Kajian ini dilakukan ketika penyelidik mengikuti program *outbound* di Universitas Gadjah Mada (UGM) selama sebulan.

Kajian awalan merupakan satu proses yang dijalankan sebagai pemantapan dan persiapan diri penyelidik yang masih di peringkat awal (*novis*) untuk memahirkkan dan menyesuaikan diri dengan tatacara kerja kajian lapangan seperti mengendalikan temu bual bersama responden yang mempunyai latar belakang yang berbeza. Selain itu, kajian awalan dapat membantu memantapkan set protokol temu bual yang telah dirangka untuk mendapatkan data-data pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman yang diperlukan semasa temu bual dijalankan.

Setelah menjalankan kajian awalan, terdapat penambahbaikan dalam set protokol temu bual. Pada persediaan awal protokol temu bual, penyelidik telah merangka pertanyaan berkaitan pengalaman responden sepanjang pembelajaran berlangsung di dalam kelas. Contohnya, soalan seperti: 'Apakah perasaan adik setelah didenda?'. Berdasarkan maklum balas, didapati responden menghadapi kesukaran dan tidak dapat memberikan maklum balas yang tepat. Responden hanya menjawab seperti, 'ok' dan 'biasa'. Setelah melakukan penambahbaikan, rangka soalan diubah menjadi soalan yang lebih fokus seperti, 'Apabila didenda, adakah adik lebih bersemangat untuk menghafaz?', atau adik merasa 'down' (kecewa)/tiada semangat untuk terus menghafaz?. Soalan yang lebih spesifik membuatkan responden memberikan maklumat yang dikehendaki.

3.4.3 Kajian Sebenar

Kajian sebenar dijalankan di sebuah sekolah menengah agama yang terpilih di Terengganu. Kajian dijalankan bermula pada 25 April sehingga 28 April 2011. Persediaan yang melibatkan aktiviti kajian lapangan seperti menyusun jadual temu bual,

persediaan alat rakaman, dan kamera telah dilakukan. Kajian ini dibantu oleh seorang penyelidik bagi membantu urusan teknikal ketika rakaman temu bual dibuat.

3.4.3.1 Temu bual

Kaedah temu bual telah digunakan dalam kajian kes ini untuk mengutip dan mengumpul maklumat berkenaan pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman yang diamalkan di sekolah kajian. Mok (2009) menyatakan data daripada temu bual boleh diperolehi secara langsung melalui lisan dalam pertemuan di antara penyelidik dan responden. Penggunaan bahasa yang mudah, tepat dan sesuai dengan situasi dan keadaan responden digunakan dalam aktiviti temu bual supaya responden dapat memberikan maklum balas/data yang baik dan sempurna.

Penyelidik telah menyediakan set protokol temu bual terlebih dahulu (lihat Lampiran B) untuk digunakan dalam kajian. Penyediaan set protokol temu bual ini merangkumi empat (4) perkara utama yang merujuk kepada persoalan dan objektif kajian, iaitu: (a) latar belakang pendidikan awal responden, (b) pandangan responden terhadap aktiviti hafazan Al-Quran, (c) pandangan responden berkenaan pengamalan pemberian ganjaran (positif dan/atau negatif) dan hukuman di sepanjang kelas hafazan Al-Quran, dan (d) pandangan responden berkenaan kesan dan kewajaran pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman di dalam kelas hafazan Al-Quran. Secara umumnya, penyediaan set protokol temu bual melibatkan dua (2) peringkat, iaitu:

- i. **Penyediaan Set Protokol Temu Bual:** Penyelidik telah membina draf set protokol temu bual sebagai instrumen asas dalam penyelidikan yang melibatkan kaedah ini. Draf protokol ini dibina sebelum penyelidikan sebenar dijalankan di sekolah kajian. Pembinaan kerangka protokol temu bual ini adalah berdasarkan kepada persoalan dan objektif penyelidikan yang hendak dicapai. Dua bentuk draf set protokol temu bual telah dibina, iaitu: draf temu bual murid, serta draft temu bual guru dan penggubal buku panduan modul.

- ii. **Pemantapan dan Pemurnian Set Protokol Temu Bual:** Setelah draf protokol temu bual siap dibina, penyelidik menyerahkan kepada penyelia yang pakar dalam kajian kes ini untuk semakan dan penilaian ke atas kekuatan dan kemampuan set protokol tersebut. Setelah melalui beberapa kali proses semakan, pembetulan dan penambahbaikan protokol temu bual dilakukan. Set protokol temu bual ini telah diuji dalam kajian awalan di dua buah sekolah yang mempunyai ciri dan konsep yang sama dengan sekolah kajian untuk dimantapkan dan dimurnikan lagi sebelum digunakan dalam kajian sebenar.


Kajian ini melibatkan temu bual di antara penyelidik dengan seorang (1) daripada penggubal buku panduan, enam (6) orang guru, dan sepuluh (10) orang murid tingkatan 2. Responden dalam kalangan mereka ini dipilih mengikut kriteria yang ditetapkan seperti perbincangan di akhir Bab 3 ini. Temu bual ke atas seorang daripada penggubal buku panduan dijalankan di pejabat Yayasan Terengganu setelah membuat temu janji dan mendapat keizinan daripada pihak pentadbiran Yayasan Terengganu pada 24 April 2011. Temu bual bersama enam (6) orang guru pula telah dijalankan secara berselang-seli di sepanjang tempoh kajian. Jadual temu bual adalah bergantung kepada waktu dan kelapangan guru-guru tersebut. Kebiasaanya temu bual dilakukan

selepas waktu pengajaran dan pembelajaran dan waktu rehat di bilik guru. Temu bual bersama sepuluh (10) orang murid pula dilakukan di sebuah kelas yang kosong pada waktu petang selepas murid-murid habis waktu persekolahan. Murid-murid telah ditemu bual seorang demi seorang mengikut giliran yang telah ditetapkan.

Temu bual kesemua responden dihentikan sebaik sahaja mendapat maklum balas dan pengulangan data yang sama (*saturation*). Pada keseluruhannya, sebanyak tiga responden melibatkan temu bual seorang daripada penggubal buku panduan, enam orang guru, dan sepuluh orang murid telah dijalankan. Temu bual ke atas responden telah dirakam menggunakan perakam suara supaya tiada data yang tertinggal. Setelah data temu bual ditranskripsi (lihat Lampiran C), data tersebut dianalisis supaya tema dapat dikenalpasti dalam bentuk matriks analisis temu bual (lihat Lampiran D).

3.4.3.2 Dokumen Buku Panduan

Selain menggunakan kaedah temu bual, penyelidik juga telah mengumpul dokumen di sekolah kajian, iaitu buku panduan dan brosur. Buku panduan digunakan oleh sekolah tersebut sebagai panduan kepada guru untuk memilih jenis peneguhan yang sesuai digunakan. Brosur pula adalah dokumen yang mengandungi jadual berkaitan aktiviti hafazan Al-Quran yang dijalankan oleh murid dan konsep yang diterapkan di sekolah. Data-data yang diperolehi daripada buku panduan dan brosur dikumpul untuk dianalisis daripada aspek jenis pengamalan peneguhan.



Rajah 3.4: Prosedur Penyelidikan Kajian Kes

3.4.4 Pemilihan Tapak dan Sampel Kajian

3.4.4.1 Tapak Kajian

Sebuah sekolah menengah agama tempatan di Terengganu dipilih sebagai lokasi kajian ini. Sekolah ini dipilih sebagai lokasi kajian kerana ia mewakili perspektif Islam dan menepati kriteria yang ditetapkan, iaitu: sekolah berasrama penuh yang mempunyai kurikulum yang mengamalkan pemberian peneguhan, sekolah yang mempunyai guru yang terlatih dan berkelayakan, dan sekolah terdiri daripada murid-murid yang cemerlang dan layak dalam temuduga untuk memasuki sekolah ini.

Sekolah kajian ini merupakan sekolah berasrama penuh yang mempunyai jadual kurikulum dan ko-kurikulum yang sangat padat. Penghafazan Al-Quran merupakan salah satu kurikulum yang wajib diambil dan wajib lulus oleh setiap murid. Kurikulum pengajian Islam di sekolah ini mengamalkan pemberian jenis peneguhan melibatkan pemberian ganjaran (sama ada ganjaran positif dan/atau negatif), dan hukuman dalam penghafazan Al-Quran. Pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman ini adalah berpandukan dokumen buku panduan sekolah yang telah disusun oleh pihak Yayasan Terengganu. Pemberian peneguhan tersebut adalah selaras dengan tujuan pembangunan program *Ulul al-Bab* yang menjadi dasar falsafah dan objektif pendidikan di sekolah ini. *Ulul al-Bab* merupakan program yang dirangka untuk melahirkan murid-murid yang berdaya saing dan mempunyai jati diri yang kental disamping mampu menguasai elemen-elemen yang digariskan seperti *quranik*, *ensaiklopedik* dan *ijtihadik* (Yayasan Terengganu, t.t).

Tambahan pula, guru-guru Al-Quran yang ditugaskan memantau dan mengajar murid-murid mempunyai latar belakang pengajian Islam dan pendidikan hafazan Al-Quran semenjak di bangku sekolah lagi. Guru-guru tersebut mempunyai pengalaman yang luas dan kelayakan dalam bidang hafazan Al-Quran.

Selain itu, sekolah tersebut juga terdiri daripada murid-murid yang mempunyai latarbelakang pendidikan yang cemerlang dalam akademik. Murid-murid ini telah melalui temuduga dan ujian hafazan sebelum melayakkan diri mereka memasuki sekolah ini.

3.4.4.2 Sampel Kajian

Sampel yang dipilih dalam kajian ini adalah seorang (1) penggubal buku panduan, enam (6) orang guru, dan sepuluh (10) orang murid menengah rendah tingkatan 2 yang masing-masing diwakili oleh lima orang murid lelaki dan lima orang murid perempuan. Kesemua sampel ini terlibat secara langsung dalam aktiviti penghafazan Al-Quran di sekolah kajian. Sampel kajian terdiri daripada sumber primer yang ditemu bual untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat berkenaan pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman di sekolah kajian.

Sampel dalam kalangan guru dipilih adalah berdasarkan kepakaran mereka mengajar dan membimbing murid dalam bidang hafazan Al-Quran. Guru-guru ini juga mempunyai kelulusan pengajian dalam ilmu Al-Quran termasuk ilmu tajwid dan seni bacaan Al-Quran disamping mahir dalam pengurusan. Guru-guru tersebut juga mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang hafazan Al-Quran kerana menguasai pendidikan hafazan Al-Quran semenjak di bangku sekolah lagi. Guru-guru ini ditugaskan untuk memantau tahap perkembangan hafazan murid-murid setiap hari.

Murid menengah rendah di tingkatan 2 dipilih sebagai responden dalam temubual kajian ini. Pemilihan murid ini adalah disebabkan mereka masih tidak dibebani oleh peperiksaan seperti PMR, SMA dan SPM, selain mempunyai pengalaman berkaitan pengamalan pemberian peneguhan dalam penghafazan Al-Quran semasa berada di tingkatan 1. Sampel juga dipilih berdasarkan prestasi keseluruhan dalam hafazan Al-Quran mereka. Murid yang berada di tingkatan 1 tidak terpilih disebabkan kajian ini dijalankan pada awal sesi persekolahan bermula. Pada fasa ini, pihak sekolah masih belum lagi memulakan pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman sepenuhnya. Murid tingkatan 3 juga tidak dipilih disebabkan fokus mereka dalam pembelajaran akademik sebagai persediaan menghadapi peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Manakala murid menengah atas iaitu tingkatan 4 dan tingkatan 5 masing-masing mempunyai jadual pembelajaran yang padat dalam persiapan untuk menduduki peperiksaan Sijil Menengah Agama (SMA) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

BAB 4: DAPATAN KAJIAN TEKSTUAL (ANALISIS KANDUNGAN DOKUMEN)

4.1 Pendekatan Aspek Tingkah Laku dalam Pendidikan

Pendekatan sains kelakuan dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) dilihat sebagai salah satu aspek penyelidikan dalam neurosains yang melibatkan sistem saraf pusat, terutamanya otak. Penglibatan aktiviti otak turut dikaitkan dengan kajian psikologi yang sangat berkait rapat dengan emosi yang boleh mempengaruhi dan memberikan kesan kepada tingkah laku manusia. Kajian-kajian terdahulu mengenai teori-teori yang dipelopori oleh ahli psikologi Barat mengaitkan aspek jiwa dalam proses pembentukan tingkah laku manusia.

Istilah psikologi berasal dari bahasa Greek (Yunani), iaitu *psyche* yang bererti kajian jiwa, dan *logos* pula membawa maksud ilmu/kajian/penyelidikan (Harper, 2013). Rujukan terawal dengan penggunaan istilah bahasa Inggeris *psychology* di dalam kamus *Dictionary of Psychology*, telah diperkenalkan oleh Steven Blankaart pada tahun 1694 dengan merujuk kepada anatomi yang merawat badan, dan psikologi yang merawat jiwa (Colman, 2012). Kamus Dewan pula menyatakan psikologi sebagai kajian tentang proses mental dan pemikiran, terutamanya berhubung dengan perlakuan manusia dan haiwan (Kamus Dewan, 2010). Maka, secara etimologinya psikologi bererti ilmu yang berkaitan dengan jiwa.

Kajian tentang konsep pemikiran Islam mengenai tingkah laku telah dihuraikan oleh para ilmuwan dan psikologi Islam bermula sejak abad ke 20 dan 21 dan sangat berkait rapat dengan perbincangan akal dan jiwa (Haque, 2004). Kajian berkenaan psikologi bertujuan untuk memahami keperibadian manusia itu dengan baik,

memperbaiki tingkah laku yang telah menyimpang dan memandu manusia untuk menikmati kehidupan dengan tenteram, aman dan bahagia (Muhammad 'Ustman Najat, 2008). Haque (2004) menyatakan ‘Psikologi Islam’ dikenali sebagai kajian tentang ilmu jiwa seperti yang dirujuk oleh sarjana Islam Muhammad ‘Ustman Najat (2008) sebagai *Madrasah Islam Ilmu Jiwa*. Pelbagai isu diperdebatkan kerana wujudnya perbezaan metodologi dalam pendekatan yang diamalkan berbanding dengan kajian ilmu jiwa moden (psikologi) Barat.

Proses P&P sering kali dibincangkan dan dikaitkan dengan pendekatan psikologi pendidikan. Psikologi pendidikan adalah suatu bidang berkenaan jiwa dan tingkah laku yang diterapkan kepada seseorang individu; melibatkan pendidikan guru kepada murid, pendidikan ibubapa kepada anak, dan tunjuk ajar majikan kepada pekerjanya. Dalam konteks pendidikan di sekolah, bidang psikologi bertujuan memahami dan merawat murid-murid yang mempunyai masalah tingkah laku semasa proses pembelajaran berlangsung, menggalakkan aktiviti intelektual dalam kalangan murid yang mempunyai bakat terpendam, dan menggalakkan persekitaran pembelajaran yang selamat serta berkesan.

Perbincangan mengenai proses P&P ini dihursti secara lanjut di dalam bab ini. Maklumat daripada perspektif sains kelakuan dan Islam di dalam kajian ini dihursti sebagai dapatan berbentuk analisis dokumen. Kajian memfokus perkaitan dan pengaruh pemberian ganjaran dan hukuman ke atas tingkah laku (aktiviti hafazan Al-Quran) murid yang terlibat. Persamaan dan perbezaan isu-isu yang timbul turut dibincangkan. Selain itu, perbincangan memfokus kepada elemen dan konsep pemberian ganjaran (ganjaran positif dan/atau ganjaran negatif) dan hukuman oleh guru yang bertindak sebagai rangsangan luar ke atas aktiviti hafazan Al-Quran dalam kalangan murid menengah rendah.

4.2 Perspektif Sains Kelakuan

Neurosains merupakan suatu bidang penyelidikan yang melibatkan kajian pelbagai pendekatan terhadap sistem saraf manusia dan haiwan (Kandel et al., 2013). Antara bidang-bidang yang muncul pada penghujung abad ke 19 berkaitan dengan neurosains ialah neuroanatomi, neurofisiologi, neurokimia, neurofarmakologi, neuropembentukan, neuropatologi, neurologi dan kajian tentang tingkah laku (Kandel et al., 2013). Perspektif neurosains menyatakan kajian berkaitan fungsi otak dikenali sebagai sains kelakuan. Aktiviti-aktiviti yang terbentuk seperti berjalan, melihat dan mendengar merupakan tingkah laku (fungsi) mudah yang dihasilkan oleh aktiviti otak, di samping fungsi rumit seperti perasaan, pembelajaran, pemikiran dan penulisan puisi (Durriyyah Sharifah Hasan Adli et al., 2003; Kandel et al., 2013). Kebanyakan ahli neurobiologi berpandangan bahawa akal adalah salah satu dari manifestasi fungsi yang dijana oleh otak. Manifestasi akal pula adalah kelakuan yang dizahirkan dalam tindakan fizikal sesuatu organisme. Kandel et al. (2013) menyatakan bahawa bidang neurosains adalah sebagai:

“The last frontier of the biological science - their ultimate challenge - is to understand the biological basis of consciousness and the mental processes by which we perceive, act, learn, and remember.”

Aktiviti pembelajaran adalah antara proses yang berkait rapat dengan perbincangan yang membabitkan fungsi otak ini. Sistem limbik (berkaitan emosi) yang melibatkan komponen hipotalamus dan hipokampus merupakan bahagian di dalam otak yang terlibat dengan kegiatan-kegiatan fungsi otak membabitkan aktiviti ingatan dan pembelajaran serta kaitan dengan emosi.

Aktiviti pemberian ganjaran (ganjaran positif dan/atau negatif) dan hukuman sebagai rangsangan luar yang bertindak meneguhkan dan memantapkan tingkah laku dalam proses P&P dibincangkan dengan terperinci dalam bab ini:

- a) Aktiviti Otak dan Pembentukan Tingkah Laku: Hubungkaitnya dalam Proses Pembelajaran
- b) Aspek Biologi yang Terlibat dalam Proses Pembelajaran
- c) Aktiviti Sel Saraf dan Penjanaan Isyarat Gerak Balas
- d) Pendekatan Behaviourisme dalam Pembentukan Tingkah Laku Pembelajaran


Maklumat-maklumat ini kemudiannya dibincangkan dengan membuat perbandingan dari perspektif Islam sebagai dapatan berbentuk analisis kandungan.

4.2.1 Aktiviti Otak dan Pembentukan Tingkah Laku: Hubungkaitnya dalam Proses Pembelajaran

Kajian-kajian neurosains eksperimental terdahulu dalam pelbagai pendekatan (contoh: aspek struktur, fungsi dan perkembangan, penemuan genetik, tindakan biokimia, fisiologi, farmakologi, aspek tingkah laku, dan moral) telah mempertanggungjawabkan ke atas neuron sebagai penghasil kepada kepelbagaiannya tingkah laku manusia. Sebagai komponen sistem saraf pusat, otak yang dianggarkan terdiri lebih kurang 10^{12} sel saraf merupakan salah satu anugerah terpenting bagi manusia dalam mengatur kehidupan sehari-hari dengan lebih sempurna dan berperancangan (Kandel et al., 2013; Schmidt, 1975). Salah satu keistimewaan otak adalah berkemampuan untuk menyimpan segala maklumat yang diperolehi sebagai

memori/ingatan, termasuklah hafalan Al-Quran, ilmu/pengetahuan dan pengalaman baru.

Oleh itu, otak mampu mengawal dan membentuk kelakuan yang baru hasil aktiviti pembelajaran; setelah memproses segala input/maklumat baru yang diperoleh dari persekitaran luar atau pengaruh dari organisma lain melalui mekanisma penjanaan isyarat gerak balas oleh sel saraf dan sel glia (Kandel et al., 2013). Aktiviti pembelajaran bertanggungjawab memproses maklumat; termasuklah menganalisis, menghurai, membanding, membeza, menghubungkait, mensintesis, menilai, menafsir dan membuat keputusan sehingga mampu mengurus kehidupannya sendiri.



Rajah 4.1: Aliran Isyarat Proses Pembelajaran di Otak

Aktiviti pengajaran pula merupakan suatu proses yang penting dalam melengkapkan proses pembelajaran. Pengajaran adalah proses yang berkaitan dengan aktiviti penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran tertentu, meliputi beberapa aktiviti utama seperti membuat perancangan, penyampaian dan penilaian untuk melihat sama ada proses P&P tersebut telah terlaksana dengan jaya atau sebaliknya.

Sains kelakuan menyatakan pembelajaran sebagai kegiatan yang melibatkan neuron dan mempunyai perkaitan yang rapat dengan pengaruh emosi sehingga berlaku perubahan dalam tingkah laku seseorang (Nicholls, 2002). Aktiviti mengeja, membaca, menulis, menghafal, memerhati dan meneliti merupakan kegiatan pembelajaran lazim yang dikaitkan dengan proses mendapatkan pengetahuan baru seiring dengan konsep fungsi otak itu sendiri (Durriyyah Sharifah Hasan Adli et al., 2003). Nana Sudjana (1995) menyatakan bahawa Clark menggariskan sebanyak 70% proses P&P di sekolah adalah dipengaruhi oleh kemampuan diri murid itu sendiri dan 30% lainnya pula dipengaruhi oleh faktor persekitaran. Faktor-faktor tersebut mencakupi aspek motivasi dalam proses pembelajaran, minat, perhatian, sikap dan disiplin, kebiasaan belajar, ketekunan, sosio-ekonomi, fizikal dan psikologi (Nana Sudjana, 1995).

Kandel et al. (2013) menyatakan pembelajaran adalah faktor persekitaran yang paling mustahak dalam mengubah tingkah laku sesuatu organisme. Ada yang menakrifkan pembelajaran sebagai satu perolehan tabiat, pengetahuan, sikap, tingkah laku atau kebolehan baru (yang sebelumnya tidak diketahui) dan juga sebagai proses input dan output (Crow & Crow, 1983; Fry et al., 2003; Goldenson, 1984). Ada juga yang merujuk pembelajaran sebagai suatu proses penyusunan cara berfikir yang disebabkan oleh pengalaman atau latihan yang diteguhkan oleh rangsangan berbentuk positif dan/atau negatif setelah diproses oleh otak dan disimpan sebagai memori (Lindgren, 1976; Mohamad Khairudin Bajuri et al., 2011). Oleh itu, pembelajaran merupakan perubahan tingkah laku yang diperteguhkan oleh penggunaan konsep ganjaran sama ada melalui peneguhan yang dikaitkan dengan keseronokan, keadaan tidak menyenangkan, keadaan emosi dan/ atau keadaan berkesan yang lain (Atrens & Curthoys, 1982).


Perubahan dalam tingkah laku organisma dan perubahan yang dihasilkan oleh pembelajaran adalah agak kekal, kecuali bila berlaku kerosakan di otak. Pembelajaran juga diteguhkan dengan latihan yang berterusan dan berulangan (Green & Seidman, 1980; Mok, 2003; Schacter et al., 2012). Perubahan tingkah laku akan berkekalan sehinggalah menerima sesuatu rangsangan yang lain untuk perubahan tingkah laku yang seterusnya (Mok, 2003).

Faktor persekitaran yang bertindak sebagai rangsangan luar melibatkan beberapa unsur seperti pemberian ganjaran, ugutan, ancaman fizikal dan propaganda yang berkait rapat dengan penglibatan emosi murid, mampu mempengaruhi perubahan tingkah laku (Green & Seidman, 1980). Sebagai contoh, pembelajaran formal yang melibatkan aktiviti hafazan dikukuhkan dengan pemberian ganjaran dan/atau hukuman (rangsangan luar) sebagai motivasi untuk meningkatkan tahap hafazan murid semasa berlangsungnya proses pembelajaran.

Apabila melihat hubung kait tindak balas rangsangan luar (pemberian ganjaran dan hukuman) sebagai pengukuhan tingkah laku, didapati proses berkaitan aktiviti mental di dalam sistem saraf tubuh manusia mempunyai hubung kait yang rapat dengan fungsi biologi lain. Kegiatan otak yang melibatkan penjanaan isyarat sel-sel neuron setelah maklumat baru diproses akan menghasilkan tindakan motor sebagai respons kepada rangsangan tadi.

4.2.2 Aspek Biologi yang Terlibat dalam Proses Pembelajaran

4.2.2.1 Struktur Otak dan Fungsinya




Rajah 4.2: Struktur Sistem Saraf Manusia (HealthTap, 2015)

Sistem saraf terdiri dari dua komponen, iaitu: sistem saraf pusat dan sistem saraf periferi (Rajah 4.2). Sistem saraf pusat terdiri dari dua struktur, iaitu otak dan korda spina, manakala sistem saraf periferi pula terdiri dari 12 pasang saraf kranium dan 31 pasang saraf spina (Kandel et al., 2013).

Jadual 4.1: Struktur dan Fungsi Komponen Utama Sistem Saraf Pusat
(Kandel et al., 2013)

Struktur	Fungsi
Saraf Tunjang (Korda Spina)	<ul style="list-style-type: none"> terdiri dari empat segmen; serviks, toraks, lumbar dan sakrum. menyampaikan maklumat/ rangsangan luar yang diterima di bahagian tubuh (leher ke bawah) ke bahagian otak untuk diproses. menyampaikan maklumat dari otak ke bahagian lain tubuh (leher ke bawah) sebagai tindak balas/ kelakuan yang baru.
Rombensefalon/ Otak Belakang	<p>(a) <u>Medula dan Pons</u></p> <ul style="list-style-type: none"> perantaraan pelbagai maklumat yang belum dan telah diproses antara otak hadapan dan tengah dan saraf tunjang, serta beberapa fungsi khusus. medulla dan pons berperanan mengawal pernafasan, pergerakan refleks, penghadaman dan kadar degupan jantung. <p>(b) <u>Serebelum</u></p> <ul style="list-style-type: none"> mengawal ketegangan otot, mengordinasikan dan menyelaraskan pergerakan otot, keseimbangan badan dan pergerakan bebas badan.
Otak Tengah	<p>(a) <u>Kolikulus</u></p> <ul style="list-style-type: none"> pemprosesan rangsangan deria penglihatan dan pendengaran.
Otak Hadapan	<p>(a) <u>Talamus</u></p> <ul style="list-style-type: none"> pemprosesan rangsangan. <p>(b) <u>Hipotalamus</u></p> <ul style="list-style-type: none"> sistem saraf autonomik (sebagai perantara) terlibat dalam emosi manusia seperti makan, minum dan tingkah laku seks. mengawal homeostasis badan seperti suhu badan, tidur, aktiviti sistem endokrin dan pencernaan hormon-hormon daripada kelenjar tertentu di perut dan usus. <p>(c) <u>Hemisfera Serebrum</u></p> <ul style="list-style-type: none"> terbentuk dari empat lobus utama, iaitu lobus frontal, lobus temporal, lobus parietal dan lobus oksipital. menerima maklumat untuk diproses dan diterjemah. Kemudiannya dihantar ke bahagian tubuh badan yang berkaitan.

Jadual 4.1 menjelaskan struktur dan fungsi bagi komponen utama sistem saraf pusat dan Rajah 4.3 menunjukkan struktur tersebut.



Rajah 4.3: Struktur Otak Manusia (Kandel et al., 2013)


Ovak manusia terdiri daripada tiga bahagian utama, iaitu otak belakang, otak tengah dan otak hadapan (Kandel et al., 2013). Otak belakang merupakan bahagian yang paling kardal (hujung belakang) sekali dan terletak di pangkal tengkorak. Bahagian ini mempunyai tiga struktur penting, iaitu: medula, pons dan serebelum. Otak tengah pula adalah struktur kecil di hadapan otak belakang. Otak pada bahagian ini bertindak sebagai pusat penerimaan isyarat-isyarat dari organ deria mata dan telinga. Otak hadapan pula merupakan bahagian utama otak bagi manusia dan ia terdiri daripada beberapa bahagian struktur utama. Kelebihan manusia berbanding organisma lain adalah pada bahagian ini. Hemisfera serebrum merupakan struktur otak yang terbesar

dengan fungsi yang pelbagai. Lapisan paling luar serebrum yang dikenali sebagai korteks serebrum adalah kawasan yang menjadi tempat kegiatan otak paling aktif kerana di situ terkumpulnya neuron/sel saraf (Atrens & Curthoys, 1982). Terdapat empat bahagian lobus yang terbentuk, iaitu lobus frontal, lobus temporal, lobus parietal dan lobus oksipital. Kegiatan mental yang berlaku melibatkan pembelajaran, ingatan, dan emosi yang dikaitkan dengan fungsi pada bahagian struktur lobus temporal, khususnya struktur hipokampus (Kandel et al., 2013). Lobus temporal juga merupakan unjuran kawasan auditori (pendengaran) di dalam sistem saraf pusat manusia (Kandel et al., 2013).

4.2.2.2 Sistem Limbik dan Hipokampus


Sistem limbik dan hipokampus merupakan bahagian struktur otak yang terlibat di dalam proses pembelajaran, ingatan, emosi dan bahasa (Atrens & Curthoys, 1982). Struktur tersebut memainkan peranannya masing-masing dan juga mempunyai perhubungan yang rapat serta saling berinteraksi dengan struktur-struktur yang lainnya.

Sistem limbik diambil konsepnya daripada *lobus limbik* yang istilahnya berasal daripada bahasa Latin, iaitu *limbus* (batas). Ia merupakan istilah yang diperkenalkan oleh Pierre Paul Broca, untuk mencirikan bahagian otak bagaikan cecincin seperti yang digambarkan dengan kawasan berbintik seperti mana yang ditunjukkan di dalam Rajah 4.3 (Kandel et al., 2013).



Rajah 4.4: Sistem Limbik (Kandel et al., 2013)

Sistem limbik terdiri daripada dua bahagian utama di kedua-dua hemisfera serebrum, iaitu: (a) bahagian luar (sebagai korteks serebrum), dan (b) bahagian dalam. Bahagian luar terdiri daripada komponen-komponen serebrum: girus singulat, girus parahipokampus, dan girus subkalosal. Manakala bahagian dalam pula terdiri daripada komponen-komponen hipokampus, nukleus talamus anterior, jasad mamilari dan nukleus amigdaloid. Sistem limbik merupakan bahagian otak yang bertanggungjawab dalam pengawalan emosi dan tingkah laku terutamanya gerak balas terhadap ketakutan dan kemarahan, dan berfungsi sepenuhnya di dalam spesis mamalia (Mahmood Nazar Mohamed, 2005).




Rajah 4.5: Hipokampus (Myers, 2015)

Rajah 4.5 menunjukkan kedudukan dan struktur hipokampus (berwarna merah) yang merupakan salah satu struktur sistem limbik. Struktur yang terletak di sepanjang lantai tanduk inferior iaitu di ventrikel lateral, lobus temporal berbentuk seperti kepingan ladang, bersebelahan dengan amigdala.

Hipokampus adalah komponen sistem saraf manusia yang penting, khususnya kegiatan mental yang melibatkan proses pembelajaran. Hipokampus bertanggungjawab untuk menghasilkan ingatan baru dalam proses pembelajaran (Kandel et al., 2013). Selain itu, hipokampus menghantar memori keluar untuk disimpan di bahagian hemisfera serebrum bagi suatu jangka masa dan akan dapat digunakan apabila ia diperlukan. Kerosakan pada bahagian hipokampus ini boleh mengakibatkan ketidakupayaan untuk membentuk memori yang baru. Fungsi yang dilaksanakan oleh struktur hipokampus sangat berkait rapat dengan fungsi struktur otak yang lain untuk memastikan aktiviti pembelajaran yang kompleks ini berlaku.

Aktiviti penjanaan penjanaan oleh sel-sel saraf menghasilkan fungsi mental termasuklah keupayaan kognitif (contohnya: belajar, berfikir, membuat perancangan, memori dan penghafalan), tingkah laku fizikal (contohnya: gerak alih dan pergerakan anggota tertentu), kebijaksanaan, keupayaan menerima dan mentafsir deria (contohnya: rangsangan visual dan audio), emosi (contohnya: rasa sedih dan gembira), sifat peribadi (contohnya: pemurah dan agresif), dan pelbagai aktiviti/ fungsi lain yang dikaitkan dengan ‘kelebihan manusia’ (Durriyyah Sharifah Hasan Adli et al., 2003; Mahmood Nazar Mohamed, 2005). Ketidakfungsian sel-sel saraf ini diakibatkan oleh kematiannya, kecederaannya dan kerosakannya mengakibatkan kesan terhadap fungsi dan diekspresikan sebagai dementia/ nyanyuk, lumpuh dan lain-lain.

Sel saraf atau neuron merupakan unit asas yang membina dan menjalankan aktiviti peringkat sel sistem saraf (Kandel et al., 2013). Penglibatan sel tisu saraf atau neuron sebagai unit asas, bertanggungjawab memproses dan mentafsir impuls yang diperoleh melalui rangsangan dari reseptor organ deria. Kemudiannya, impuls yang telah diproses tadi memberikan arahan kepada bahagian tertentu sehingga mencetuskan sesuatu pelaksanaan gerak balas aktiviti/fungsi kompleks lain yang turut dilaksanakan.



Rajah 4.6: Anatomi Sel Neuron (Huk, t.t)

Proses pembelajaran berlaku apabila sel neuron ini menerima satu rangsangan luar yang baru untuk diproses. Setelah diproses, penterjemahan maklumat yang diterima dan diintegrasikan dengan info/ pengalaman/ memori yang ada, arahan akan ini dihantar ke bahagian-bahagian badan dan menghasilkan kelakuan. Perubahan kelakuan boleh dipengaruhi dengan rangsangan lain berbentuk peneguhan positif dan/atau negatif serta hukuman yang diproses oleh otak.

4.2.3 Pendekatan Behaviourisme dalam Pembentukan Tingkah Laku Pembelajaran

Kajian berkenaan pembelajaran berkait rapat dengan penyelidikan berasaskan tingkah laku atau lebih dikenali sebagai *behaviourisme*. Terdapat beberapa pandangan besar teori pembelajaran, dan para penyelidik serta pendidik telah menjadikan teori-teori ini sebagai rujukan mereka, khususnya berkaitan pendekatan *behaviourisme* yang

mengkaji tingkah laku dan persekitaran melalui pemberian ganjaran dan hukuman sebagai peneguhan dalam proses P&P.

Kajian berkenaan peneguhan bermula dengan kajian pembelajaran yang dilakukan Ivan Pavlov (1849 – 1936) ke atas anjing untuk mengukur tindak balas pengeluaran air liur terhadap makanan dan penggunaan bunyi loceng. Kajian lain seperti John Broadus Watson (1878 – 1958) pula adalah mengenai tindak balas refleks kanak-kanak berusia 11 bulan terhadap tikus putih yang digandingkan dengan bunyi yang kuat sebagai rangsangan yang bersifat menakutkan; oleh Edward Thorndike (1874 – 1949) ke atas kucing dengan menggunakan teori cuba jaya/ pelaziman operan, dan kajian lanjut yang dilakukan Burrhus Frederic Skinner (1904 – 1990) ke atas tikus dengan menggunakan kotak Skinner.


Penguasaan ke atas psikologi pendidikan menjadi asas pemahaman kepada proses P&P kerana ia merupakan suatu kaedah untuk memahami perubahan tingkah laku individu, khususnya terhadap tingkah laku murid-murid di sekolah. Perubahan tingkah laku yang ditunjukkan membuktikan bahawa terdapat tindak balas yang signifikan ke atas rangsangan yang diberikan dan penglibatan otak. Teori-teori (khususnya *behaviourisme*) yang dipelopori oleh psikologi Barat tersebutlah yang telah diperkenalkan dan pengamalannya telah diadaptasi di dalam sistem pendidikan sekolah-sekolah di Malaysia pada masa kini secara meluas.

4.2.3.1 Penemuan Awal Berkaitan Pembelajaran melalui Eksperimen

Pada asasnya penyelidikan berkaitan pembelajaran adalah melalui kajian saintifik secara lapangan dan/atau melalui uji kaji makmal ke atas haiwan mengenai proses seperti pembiasaan, pemekaan, pelaziman klasik dan pelaziman operan (Kandel et al., 2013). Proses pembelajaran melibatkan hubungan rapat antara suatu rangsangan

dengan rangsangan lain, atau suatu rangsangan dengan gerak balas organisma itu sendiri. Kajian khusus berkaitan proses pembelajaran adalah melalui pendedahan organisma kepada dunia luar seperti keseronokan, makanan, kesakitan dan penyiksaan (Kandel et al., 2013). Kajian awal ini telah menemukan dua jenis pembelajaran, iaitu: (a) pembelajaran tiada perkaitan/ tak sekutuan (*non-associative learning*), dan (b) pembelajaran dengan perkaitan/ sekutuan (*associative learning*).

Pembelajaran tiada perkaitan melibatkan kajian yang mendedahkan organisma kepada sejenis rangsangan tunggal sebanyak sekali atau berulang-ulang kali. Pembelajaran perkaitan pula melibatkan kajian yang mendedahkan organisma dengan suatu rangsangan serta rangsangan yang lain (dikenali sebagai pelaziman klasik) dan suatu rangsangan serta tingkah laku organisma (dikenali sebagai pelaziman operan) (Kandel et al., 2013). Rajah 4.7 menunjukkan penemuan di dalam kajian mengenai proses pembelajaran.



Rajah 4.7: Kajian tentang Proses Pembelajaran

Kebiasanya pembelajaran adalah bersifat tak sekutuan (*non-associative learning*), iaitu pembelajaran tentang sesuatu rangsangan yang tidak mempunyai perkaitan dengan rangsangan lain atau tingkah laku organisma lain; hanya didedahkan dengan satu rangsangan tunggal sahaja. Pembelajaran ini melibatkan proses pembiasaan

dan pemekaan (Kandel et al., 2013). Pembiasaan adalah suatu proses dalam pembelajaran yang menunjukkan penyusutan gerak balas refleks sesuatu tingkah laku organisma terhadap rangsangan yang tidak merbahaya secara berulangan. Contohnya, murid-murid telah terbiasa dengan suasana kelas yang begitu bising ketika ketiadaan cikgu di dalam kelas. Bermakna murid tidak lagi ambil tahu dengan setiap bunyi yang berulangan/ sering kali diterimanya kerana telah menganggapnya seperti biasa.

Namun tingkah laku ini boleh berubah sekiranya ada rangsangan/ bunyi kuat yang bersifat memberi ancaman kepada murid diberikan. Proses ini dinamakan sebagai pemekaan. Pemekaan adalah peningkatan gerak balas refleks terhadap rangsangan lain yang berfungsi menindas tingkah laku murid yang telah terbiasa. Murid yang terbiasa dengan bunyi bising akan terpeka setelah dimarahi oleh guru yang tiba-tiba datang ke kelas. Jadi, tingkah laku yang terbiasa tadi akan hilang digantikan dengan gerak balas refleks yang baru setelah dimarahi, iaitu berwaspada.


4.2.3.2 Pembelajaran Perkaitan dalam Model Pembelajaran Pelaziman Klasik

Pembelajaran yang berlaku melalui perkaitan dinamakan sebagai pelaziman, dan pembelajaran yang mempunyai perkaitan antara suatu rangsangan dengan rangsangan lain ini dikenali sebagai pelaziman klasik. Teori ini menyatakan perkaitan pembelajaran berlaku apabila sesuatu gerak balas terhadap sejenis rangsangan yang awalnya tidak memberikan apa-apa kesan, kini berkait dengan satu rangsangan spesifik yang lain. Pavlov dan Watson adalah ahli psikologi yang melakukan eksperimen dengan memberikan rangsangan perkaitan yang bersifat menyeronokkan dan menyakitkan ke atas haiwan dan manusia.

a) Model Pembelajaran Pelaziman Klasik Ivan Pavlov

Pembelajaran perkaitan (*associationism*) yang melibatkan pelaziman klasik merupakan salah satu pendekatan dalam penyelidikan tingkah laku dan ianya dipelopori oleh Ivan Pavlov. Beliau telah menggabungkan konsep falsafah yang dibawa oleh Aristotle dengan menyatakan pembelajaran sebagai suatu proses melibatkan perkaitan idea dan falsafah moden yang dibawa oleh Charles Sherrington yang menyatakan pembelajaran sebagai suatu tindak balas refleks terhadap suatu rangsangan yang diberikan. Pavlov mempelopor pandangan bahawa pembelajaran bagi sesuatu organisma sebenarnya melibatkan perkaitan rangsangan dan bukannya perkaitan idea. Penyelidikan beliau adalah menguji seekor anjing dengan dua rangsangan yang digandingkan bersama akhirnya menunjukkan tindak balas pengeluaran air liur anjing terhadap rangsangan bunyi loceng/ penala, walaupun makanan belum diberikan (Kandel et al., 2013).

Pelaziman klasik tidak boleh terlepas daripada membincangkan perkaitan dua jenis rangsangan yang diperkenalkan oleh Pavlov dalam kajian beliau, iaitu: (a) rangsangan terlazim (*conditioned stimulus*), dan (b) rangsangan tak terlazim (*unconditioned stimulus*) (Kandel et al., 2013). Pavlov melanjutkan kajiannya dengan menguji hipotesis, iaitu sesuatu organisma boleh diajar dengan menggandingkan rangsangan neutral dan rangsangan tak terlazim hingga menjadikan rangsangan neutral menghasilkan tindak balas terlazim. Rajah 4.8 menunjukkan eksperimen pelaziman klasik yang menerangkan mengenai pembelajaran perkaitan.



Rajah 4.8: Menjelir Lidah dan Mengeluarkan Air Liur Setelah Rangsangan Diterima (Sincero, 2011).

Pada peringkat sebelum pelaziman, anjing menjelirkan lidahnya secara spontan/semulajadi (tindak balas tak terlazim) setelah diberikan makanan (rangsangan tak terlazim), berbanding tidak menjelirkan lidah ketika diberikan penala (rangsangan neutral). Namun, setelah digandingkan dua jenis rangsangan tersebut, iaitu makanan (rangsangan tak terlazim) dan penala (rangsangan neutral) semasa proses pelaziman berulang kali, anjing akhirnya menunjukkan tindak balas terlazim, iaitu menjelirkan lidah hanya dengan rangsangan penala.

Hal ini disebabkan anjing telah menganggap penala sebagai rangsangan yang telah terlazim dengan makanan yang diberikan sebelum ini. Tindak balas terlazim yang ditunjukkan oleh anjing ini juga akhirnya akan terlupus sekiranya rangsangan terlazim tidak diberikan sekali dengan makanan (rangsangan tak terlazim). Pengeluaran air liur akan terhenti dengan sendirinya kerana rangsangan terlazim tadi tidak membawa apa-apa makna lagi untuk anjing.

b) Model Pembelajaran Pelaziman Klasik Watson ke atas Little Albert

John Broadus Watson seorang ahli psikologi yang menggunakan pendekatan teori pelaziman klasik secara jelas menolak bahawa unsur-unsur dalaman (contoh: mental dan jiwa) terlibat dalam perubahan tingkah laku. Beliau mempercayai bahawa tingkah laku boleh dibentuk dengan memanipulasikan unsur-unsur luaran dan alam sekitar (Mahmood Nazar Mohamed, 2005). Beliau juga mengkaji bahawa emosi manusia boleh dilazimkan secara klasik berdasarkan kajian beliau ke atas seorang budak lelaki bernama Albert yang berumur 11 tahun terhadap rangsangan perkaitan yang tidak menyeronokkan.



Rajah 4.9: Pendedahan Albert ke atas Tikus Putih dan Bunyi yang Menakutkan (Webb, 2008).

Rajah 4.9 menunjukkan kajian ke atas Albert ditunjukkan seekor tikus putih yang pada awalnya tidak menakutkannya. Namun, Albert kemudiannya mengalami perubahan tingkah laku menjadi takut setelah bunyi yang kuat disertakan bersama pemberian tikus tadi. Setelah proses pelaziman diulang beberapa kali, Albert masih menjadi takut walaupun hanya diberikan tikus tanpa disertakan dengan bunyi yang kuat. Bunyi yang kuat merupakan rangsangan perkaitan yang bersifat menakutkan yang

terlazim dengan rangsangan pendedahan tikus putih. Akhirnya Watson dapat merumuskan bahawa pengalaman pembelajaran sesuatu organisma boleh ditentukan dengan memberikan rangsangan sama ada ia bersifat menyeronokkan atau sebaliknya.

4.2.3.3 Pemberian Ganjaran dan Hukuman melalui Pelaziman Operan sebagai Peneguhan Pembelajaran Perkaitan

Pelaziman operan merupakan satu bentuk mekanisma kajian berkenaan pembelajaran perkaitan yang melibatkan hubungan suatu rangsangan dengan tingkah laku organisma. Menurut Kandel (2013), pelaziman ini juga dikenali sebagai pelaziman cuba jaya atau pelaziman alat (Kandel et al., 2013). Idea pelaziman operan telah diperkenalkan oleh Edward Thorndike, iaitu ahli psikologi pertama yang memperkenalkan teori ini. Thorndike telah melakukan kajian ke atas seekor tikus yang lapar dengan memerhatikan gerak balas refleks tikus di dalam sangkar yang dipasang pengumpil untuk membuka pintu bagi mendapatkan makanan di luar sangkar sebagai ganjaran. Kemudiaanya kajian ini dikembangkan dengan lebih lanjut oleh Burrhus Frederic Skinner dengan melakukan pengukuran pengaruh ganjaran dan dendaan terhadap gerak balas organisma yang dikaji.

Pemberian rangsangan seperti ganjaran (rangsangan menyeronokkan) dan hukuman (rangsangan menyakitkan) ke atas sesuatu organisma dapat bertindak sebagai peneguhan ke atas pembentukan tingkah laku organisma tersebut. Pemberian ganjaran (ganjaran positif dan/atau ganjaran negatif) dan hukuman semasa proses pembelajaran berlangsung boleh diukur pengaruhnya dengan melihat tindak balas yang akan ditunjukkan setelah rangsangan diberikan. Penggunaan ganjaran dan hukuman sebagai peneguhan dalam proses P&P merupakan isu yang menjadi topik penting yang telah lama dibincangkan oleh ahli-ahli psikologi Barat.

a) Model Pembelajaran Pelaziman Operan Thorndike


Organisma hanya akan melakukan sesuatu yang dapat memberikan faedah dan keseronokan kepada mereka sahaja, sebaliknya organisma akan mengelak daripada melakukan sesuatu jika ia akan menyakitkan atau membawa bahaya kepada diri mereka. Bagi Thorndike, prinsip asas pembelajaran (pembentukan tingkah laku) adalah dipengaruhi oleh unsur ganjaran dan denda yang diperoleh oleh sesuatu organisme. Pendekatan yang diperkenalkan oleh Thorndike ini merupakan satu pembentukan pembelajaran perkaitan berdasarkan ramalan antara gerak balas dengan rangsangan sebagai peneguhan kepada pembentukan tingkah laku (Mahmood Nazar Mohamed, 2005).

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, seekor tikus yang lapar telah dijadikan sebagai sampel kajian oleh Thorndike. Didapati tikus di dalam sangkar yang lapar bergerak secara rawak dan dalam usaha mencuba (cuba jaya) untuk keluar mendapatkan makanan (ganjaran) di luar. Ia telah tertekan pengumpil yang menyebabkan pintu terbuka dan dengan itu membenarkannya mendapatkan makanan. Didapati kadar penekanan pengumpil pada eksperimen berikutnya meningkat melebihi kadar yang spontan disebabkan keinginan tikus untuk mendapatkan makanan dan proses pembelajaran telah berlaku.

Thorndike berpendapat bahawa ganjaran (rangsangan) akan mendorong tikus mengulangi sesuatu gerak balas, sebaliknya denda pula boleh menyekat organisma daripada melakukan sesuatu gerak balas. Beliau mencadangkan agar pelajar diberikan rangsangan yang menyeronokkan dan pemberian ganjaran/peneguhan yang bersesuaian ketika P&P.

b) Model Pembelajaran Pelaziman Operan Skinner

Burrhus Frederic Skinner telah mengembangkan lagi pendekatan pelaziman operan yang diperkenalkan oleh Thorndike dengan melakukan pengukuran pengaruh ganjaran dan dendaan terhadap gerak balas yang dikenali sebagai “*Skinner box*”. Beliau melakukan kajian ke atas tikus dan burung merpati dengan mengubah frekuensi ganjaran dan dendaan, untuk mengukur proses pembelajaran. Rajah 4.10 menunjukkan dua bentuk peneguhan yang terdiri daripada pemberian ganjaran dan dendaan yang memberi pengaruh kepada pembentukan tingkah laku sesuatu organisma.



Rajah 4.10: Dua Bentuk Pengaruh Pembentukan Tingkah laku oleh Skinner

Menurut Skinner, pelaziman operan terdiri daripada dua pengaruh utama, iaitu peneguhan (*reinforcement*) dan dendaan (*punishment*) (Mahmood Nazar Mohamed, 2005). Peneguhan adalah perkara yang dilakukan untuk menggalakkan sesuatu perlakuan itu diulangi. Skinner membahagikan peneguhan berbentuk ganjaran kepada dua jenis, iaitu: (a) peneguhan berbentuk positif, dan (b) peneguhan berbentuk negatif. Peneguhan sangat penting untuk meningkatkan kekuatan dan kekerapan sesuatu tingkah laku itu berlaku. Di dalam bilik darjah, bentuk peneguhan yang hendak diberikan perlulah sesuai dengan keadaan murid supaya ia dapat mengekalkan tindak balas pada

masa kini atau masa akan datang, dan dapat bertindak mengurangkan tingkah laku mereka yang tidak diingini. Jadual 4.2 merupakan definisi dan contoh model pembelajaran perkaitan yang melibatkan eksperimen yang dijalankan oleh Skinner berkenaan pelaziman operan.

Jadual 4.2: Model Pembelajaran Perkaitan Pelaziman Operan Skinner

PENGGUNAAN GANJARAN		HUKUMAN/ DENDAAN
Peneguhan Positif	Peneguhan Negatif	
<p>Pemberian sesuatu ganjaran setelah sesuatu perlakuan organisma ditunjukkan. Rangsangan berbentuk ganjaran menyebabkan perlakuan itu diulangi atau kebarangkalian ia dilakukan dapat diperkuatkan lagi.</p> <p>Di dalam bilik darjah, peneguhan positif ini diberikan sebagai salah satu bentuk motivasi dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.</p>	<p>Penarikan/ menghilangkan keadaan tidak selesa atau menyakitkan selepas sesuatu tingkah laku ditunjukkan. Rangsangan tersebut bertindak meningkatkan kemungkinan pelajar untuk mengulangi tingkah laku yang dapat mengelak atau mengurangkan keadaan yang negatif ke atas diri mereka.</p> <p>Di dalam bilik darjah rangsangan berbentuk peneguhan negatif diberikan sebagai pendekatan supaya murid dapat fokus dalam pembelajaran dan mencapai sesuatu yang telah ditetapkan oleh guru.</p>	<p>Proses atau tatacara untuk melemahkan atau mengurangkan berulangnya tingkah laku yang tidak diingini. Dendaan adalah kesan negatif yang membawa kepada pengurangan dalam kekerapan berlakunya tingkah laku tersebut.</p> <p>Di dalam bilik darjah rangsangan ini diberikan sebagai hukuman yang mungkin menyebabkan murid mengurangkan/ meninggalkan tingkah laku yang tidak disukai atau menyalahi peraturan sekolah.</p>

Jadual 4.2, sambungan

PENGGUNAAN GANJARAN		HUKUMAN/ DENDAAN
Peneguhan Positif	Peneguhan Negatif	
<u>Contoh :</u> Tingkah laku: Murid kemukakan soalan yang baik. Ganjaran positif: Guru memuji murid tersebut. Kesan Peneguhan ke atas tingkah laku akan datang: Murid akan kemukakan soalan yang lebih baik untuk mendapat pujian.	<u>Contoh :</u> Tingkah laku: Murid menyiapkan tugas ikut masa yang ditetapkan. Ganjaran negatif: Guru tidak memarahi murid. Kesan Peneguhan ke atas tingkah laku akan datang: Murid akan menyiapkan tugas pada waktu yang telah ditetapkan untuk mengelak dimarah.	<u>Contoh :</u> Tingkah laku: Murid bising dalam kelas. Hukuman: Guru denda murid dengan berdiri di luar kelas. Kesan ke atas tingkah laku akan datang: Murid akan mengurangkan atau meninggalkan tingkah laku tersebut supaya tidak didenda.

Pengukuhan pembelajaran melalui penggunaan ganjaran sama ada berbentuk positif dan/atau negatif mempunyai perkaitan antara motivasi dan keperluan, serta berkait rapat dengan pengaruh emosi. Ganjaran berfungsi sebagai motivasi untuk murid terus konsisten dalam pelajaran. Menurut psikologi pendidikan, motivasi merupakan perangsang yang membangkitkan dan mengekalkan minat seseorang individu ke arah mencapai sesuatu matlamat tertentu.

4.3 Perspektif Islam

Proses pendidikan sudah bermula apabila ibu bapa menerapkan perkara-perkara yang baik ketika bayi masih di dalam kandungan lagi sehingga lah ditiupkan roh setelah melalui beberapa proses perkembangan fizikal di dalam rahim ibu (Muhamimin et al., 2008). Setelah dilahirkan, proses pembelajaran berlaku melalui beberapa cara sama ada

pembelajaran secara formal atau pembelajaran secara tidak formal setelah menerima rangsangan daripada pelbagai sensori atau deria, yang kemudian diproses sehingga mampu membentuk dua jenis tingkah laku, iaitu: (a) tingkah laku ringkas (contoh: menangis, ketawa dan senyum), dan (b) tingkah laku kompleks (contoh: perasaan, pemikiran dan penulisan puisi) (Mahmood Nazar Mohamed, 2005).

Proses tentang perkembangan kejadian manusia yang bermula dari proses persenyawaan ovum (sel baka perempuan) oleh sperma (sel baka lelaki) sehinggalah ditiupkan roh telah dinyatakan seperti mana di dalam surah al-Sajadah pada ayat 7-9 di bawah:

الَّذِي أَحْسَنَ كُلَّ شَيْءٍ خَلْقَهُ وَبَدَأَ خَلْقَ الْإِنْسَنِ مِنْ طِينٍ ۚ ثُمَّ جَعَلَ
نَسْلَهُ مِنْ سُلْنَلَةٍ مِّنْ مَّاءٍ مَّهِينٍ ۚ ثُمَّ سَوَّلَهُ وَنَفَخَ فِيهِ مِنْ رُوحِهِ
وَجَعَلَ لَكُمُ الْسَّمْعَ وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْعَدَةَ قَلِيلًا مَا تَشْكُرُونَ ۝

Al-Quran, Surah Al-Sajadah (32): 7-9

“(7) Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu dengan sebaik-baiknya, dan dimulakan-Nya kejadian manusia berasal dari tanah; (8) Kemudian ia menjadikan keturunan manusia itu dari sejenis pati, iaitu dari air (benih) yang sedikit dipandang orang; (9) Kemudian ia menyempurnakan kejadiannya, serta meniupkan padanya: roh ciptaan-Nya, dan ia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran), (supaya kamu bersyukur, tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur”.

Deria pendengaran didahulukan dalam ayat tersebut sebelum deria penglihatan dan menjadi panduan bahawa pembelajaran melalui pendengaran itu juga penting seperti apa yang dilihat, dan mungkin lebih lagi. Islam menganjurkan supaya anak-anak yang masih kecil dipupuk dengan nilai-nilai yang murni agar pertumbuhan fizikal dan rohani yang baik dapat dibentuk. Natijahnya, akhlak merangkumi keperibadian dan

tingkah laku yang baik juga dapat dibentuk dalam diri individu tersebut. Isu-isu berkaitan konsep anjuran/ galakan dan peringatan/ ancaman dalam pendidikan turut diterap dan diamalkan sebagai pendekatan untuk meneguhkan akhlak yang baik bagi seseorang Muslim menurut perspektif Islam. Beberapa isu berkaitannya seperti di bawah akan dibincangkan lanjut dan merangkumi beberapa aspek berkaitan pendidikan, iaitu:

- a) Perkembangan proses pendidikan dalam Islam
- b) Hakikat kejadian manusia dan keistimewaan akal sebagai sumber utama dalam pembangunan pendidikan
- c) Penerapan unsur peneguhan di dalam proses pendidikan

Aspek pendidikan merupakan satu teras terpenting dalam pembangunan ketamadunan akhlak (keperibadian dan tingkah laku) manusia. Dari perspektif neurosains, pendidikan telah dikaji melalui aktiviti fungsi otak, iaitu proses pembelajaran yang melibatkan aktiviti mental yang begitu kompleks, sama ada melalui uji kaji haiwan makmal mahupun tingkah laku manusia sendiri. Unsur peneguhan seperti pemberian ganjaran (ganjaran positif dan/atau ganjaran negatif) dan hukuman yang digandingkan dan dilazimi bertindak sebagai peneguh kepada pembentukan tingkah laku. Antara aktiviti pembelajaran yang utama dari perspektif Islam seperti membaca dan menghafaz Al-Quran boleh juga dikukuhkan apabila diterapkan unsur-unsur yang memotivasi, seperti ganjaran yang bersifat fizikal mahupun bukan fizikal (balasan baik dan/atau balasan buruk).

Penemuan dalam perbincangan ini merupakan dapatan maklumat yang berkaitan dengan pendekatan peneguhan ke atas proses pendidikan melalui pengukuhan akhlak (keperibadian dan tingkah laku) seseorang Muslim dari perspektif Islam. Pendekatan ini

dilihat sebagai kaedah yang bersesuaian dan seiring dengan proses pembelajaran berdasarkan prinsip Islam yang ingin diamalkan di beberapa buah sekolah agama, yang sepatutnya mewakili perspektif Islam itu sendiri. Maklumat-maklumat ini kemudiannya akan diintegrasikan dan diselaraskan dari aspek persamaan dan perbezaan dengan perspektif sains kelakuan sebagai satu dapatan penyelidikan baru dalam peringkat awal kajian.

4.3.1 Perkembangan Proses Pendidikan dalam Islam

Pendidikan diperihalkan di dalam Al-Quran melalui pelbagai bentuk pendekatan. Saranan menimba dan menyampaikan sesuatu ilmu telah digambarkan oleh Allah SWT di dalam Al-Quran melalui beberapa kisah bermula dengan kisah penciptaan Adam AS sebagai manusia pertama di muka bumi.¹ Peristiwa bagaimana Nabi Adam AS diajar secara langsung oleh Allah SWT tentang segala nama benda dan kegunaannya telah memperlihatkan ketinggian martabat akal dan pentingnya proses pendidikan bagi manusia, sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah, ayat 31-33:

وَعَلِمَ إِدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَئِكَةِ فَقَالَ أَنِّي عُونِي بِالْأَسْمَاءِ
هَؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٣١﴾ قَالُوا سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَمْتَنَا
إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ ﴿٣٢﴾ قَالَ يَعَادُمُ أَنْبِعَهُمْ بِالْأَسْمَاءِ إِنَّمَا أَنْبَاهُمْ
بِالْأَسْمَاءِ إِنَّمَا أَقْلَلُ لَكُمْ إِنِّي أَعْلَمُ غَيْبَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَعْلَمُ مَا
تُبَدِّلُونَ وَمَا كُنْتُمْ تَكْتُمُونَ ﴿٣٣﴾

Al-Quran, Surah Al-Baqarah (2): 31-33

¹ Adam dan Hawa telah dicampak ke bumi tanpa seurat benang bersama syaitan sebagai balasan kerana mengingkari perintah Allah SWT setelah memakan buah Khuldi yang terlarang.

“(31) Dan ia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu ia berfirman: ‘Terangkanlah kepada-Ku nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar’. (32) Malaikat itu menjawab: ‘Maha suci Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa yang Engkau ajarkan kepada kami; Sesungguhnya Engkau jualah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana’. (33) Allah berfirman: ‘Wahai Adam! Terangkanlah nama benda-benda ini semua kepada mereka’. Maka setelah Nabi Adam menerangkan nama benda-benda itu kepada mereka, Allah SWT berfirman: ‘Bukankah Aku telah katakan kepada kamu, bahwasanya Aku mengetahui segala rahsia langit dan bumi, dan Aku mengetahui apa yang kamu nyatakan dan apa yang kamu sembunyikan?’”

Peristiwa penurunan wahyu yang pertama kepada Nabi Muhammad SAW dalam sejarah Islam merupakan satu penghormatan Allah SWT kepada Baginda SAW sebagai Rasulullah semasa mengasingkan diri di Gua Hira’ (Al-Mubarakfury, 2002). Al-Quran adalah kalam Allah SWT yang diturunkan melalui Nabi Muhammad SAW sebagai pembimbing manusia yang mencakupi model pendidikan yang sangat lengkap selari dengan kehendak fitrah dalam kehidupan manusia meliputi aspek fizikal, rohani, dan emosi. Wahyu diturunkan ketika Baginda SAW berumur 40 tahun. Ketika itu Baginda SAW merupakan seorang yang *ummi*, iaitu seorang yang tidak tahu membaca dan menulis.

Wahyu merupakan satu bentuk pendidikan formal yang diturunkan Allah SWT kepada Baginda SAW secara langsung dengan beransur-ansur melalui beberapa cara, iaitu melalui perantaraan Jibril AS, mimpi, ilham, dan percakapan (Al-Mubarakfury, 2002). Sumber ilmu melalui wahyu berada pada kedudukan paling teratas dalam Islam kerana ia sangat bersifat ketuhanan. Penurunan wahyu adalah merupakan proses pembelajaran secara langsung dari Allah SWT kepada Baginda SAW sebagai sumber ilmu untuk menangani kejahilan yang membelenggu bangsa Arab pada masa itu. Setelah turun wahyu, Baginda SAW memulakan dakwah Islam dengan menyebarkan

risalah bermula di Mekah secara berperingkat-peringkat sehingga berkembang. Ayat 1-5 di dalam surah al-'Alaq di bawah merupakan wahyu pertama yang diturunkan kepada Baginda SAW sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah al-Alaq, ayat 1-5:

أَقْرَأَ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي حَلَقَ ﴿١﴾ حَلَقَ الْإِنْسَنَ مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾ أَقْرَأَ وَرَبُّكَ
الْأَكْرَمُ ﴿٣﴾ الَّذِي عَلَمَ بِالْقَلْمَرِ ﴿٤﴾ عَلَمَ الْإِنْسَنَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ﴿٥﴾

Al-Quran, Surah Al-Alaq (96): 1-5

“(1) Bacalah (Wahai Muhammad SAW) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), (2) Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; (3) Bacalah, dan Tuhanmu yang Maha Pemurah, (4) Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, (5) Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya”

Menelusuri sejarah perkembangan ilmu, bermula pada zaman Baginda SAW dan para sahabat, tidak terdapat madrasah-madrasah yang dibina secara teratur dan sistematik. Namun, terdapat aktiviti-aktiviti pembelajaran yang bersifat dakwah berbentuk *usrah* dan *halaqah* yang giat dijalankan setelah Baginda SAW menerima wahyu. Walaupun Baginda SAW menerima halangan yang cukup hebat daripada kaum musyrikin Mekah, Baginda SAW tetap meneruskan dakwahnya untuk menyampaikan risalah Islam di masjid-masjid² dan rumah-rumah para sahabat³ demi menyebarluaskan ilmu untuk membanteras kejahilan dengan amalan-amalan yang mensyirikkan Allah SWT pada ketika itu (Al-Mubarakfury, 2002). Proses penyebaran ilmu dan dakwah diteruskan sehingga ke Madinah apabila Baginda SAW mendapat perintah daripada Allah SWT agar berhijrah setelah mendapat tentangan yang begitu dahsyat di Mekah.

² Bermula tahun 622 Masihi, masjid-masjid telah dijadikan sebagai institusi pendidikan dengan penyampaian ilmu secara tidak formal sehingga kepada penubuhan masjid Quba' dan masjid Nabawi.

³ Nabi Muhammad SAW menjadikan rumah Baginda sebagai tempat perkembangan ilmu setelah menerima wahyu. Manakala aktiviti pembelajaran berbentuk usrah pula juga telah diadakan pada zaman Baginda SAW di rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam dari kabilah Bani Makhzum.

Setelah kewafatan Baginda SAW, aktiviti pengembangan ilmu semakin giat berlaku apabila para khulafa' ar-Rasyidin dan sahabat berlumba-lumba mempelajari, mengkaji, menghafal dan menyelidik pelbagai bidang ilmu yang terdapat di dalam Al-Quran dan hadis yang diperolehi semasa hidup bersama Baginda SAW. Kemudian, apabila para khulafa' dan sahabat pula meninggal dunia, umat Islam mula menuntut ilmu dengan membaca, menyelidik, dan menulis kembali hasil kajian dan hafazan-hafazan Al-Quran dan hadis kerana pada zaman para khulafa' dan sahabat masih tiada pendokumentasian yang sistematik. Mereka juga mengembara ke seluruh pelosok dunia untuk mencari dan menyebarkan ilmu pengetahuan yang belum diterokai.

Selepas itu, proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) ilmu dilihat terus meningkat dengan terbinanya pusat-pusat intelektual seperti madrasah-madrasah pada zaman para sahabat dan kegembilangan khilafah Islam⁴ seperti Madrasah Nizamiah di Baghdad. Pada ketika itu, institusi pendidikan mempunyai peranan yang sangat besar dalam memenuhi keperluan sosial masyarakat, khususnya dalam bidang pendidikan (Sukristanto, 2007). Ketika pemerintahan Raja Mamalik (655H-923H), banyak institusi pendidikan yang dibina dan pelbagai cabang ilmu telah dikembangkan, antaranya adalah tafsir, hadis, fiqh, sirah, ilmu perubatan, ilmu bintang, ilmu hisab, algebra, kimia dan sains. Para sarjana Islam terdahulu giat menyebarkan dan meneroka kepelbagaiannya bidang keilmuan seperti mana Ibnu Sina, Ibnu Rusyd, Ibnu Batutah, al-Khawarizmi dan sarjana-sarjana Islam kontemporari seperti Syed Muhammad Naquib al-Attas.

Antara kejayaan dan kesan aktiviti penyebaran ilmu ini adalah dengan penghasilan buku seperti *Muqaddimah* yang dikarang oleh tokoh Islam terkemuka, iaitu Abdul Rahman Ibnu Khaldun yang telah dikaji oleh Barat dan dijadikan rujukan oleh mereka sehingga kini. Selain itu, warisan khazanah ilmu dikembangkan melalui

⁴ Pendidikan Islam terus berkembang setelah kewafatan Nabi Muhammad SAW Perkembangannya bermula pada zaman Khulafa' ar-Rasyidin, zaman Bani Umayyah sehinggalah pada zaman Bani Abasiyyah dengan pertumbuhan madrasah-madrasah dan perpustakaan pada masa itu.

penerokaan pelbagai cabang keilmuan sebagai ijtihad oleh sarjana-sarjana Islam kontemporari. Ini termasuklah penerokaan bidang ilmu tipologi⁵ sains dan Islam yang memerlukan kepakaran dalam bidang sains dan Islam tanpa mengangung-agungkan Barat sebagai satu-satunya sumber dasarnya.

4.3.2 Hakikat Kejadian Manusia dan Keistimewaan Akal sebagai Sumber Utama dalam Pembangunan Pendidikan

Manusia dicipta oleh Allah SWT dengan sebaik-baik kejadian berbanding makhluk lain yang ada di muka bumi ini (Shahir Akram Hassan, 2012). Wan Suhaimi Wan Abdullah (2013) di dalam persidangan meja bulat ‘Islam dan Neurosains’ melalui kertas kerja yang dibentangkan ada menyatakan bahawa hakikat kejadian manusia ini terdiri daripada kombinasi unsur-unsur yang harmoni di antara fizikal dan spiritual.⁶ Hasil daripada kombinasi tersebut, maka lahirlah manusia yang mempunyai tugas dan amanah mencari kebenaran dan tujuan perjalanan hidupnya yang tidak hanya terhenti di dunia sahaja, tetapi akan berakhir di akhirat nanti (Wan Suhaimi Wan Abdullah, 2013). Hakikat kewujudan dan penciptaan manusia ini adalah semata-mata untuk pengabdian dan pelaksanaan ibadat kepada Allah SWT seperti mana yang dinyatakan dalam surah al-Dzariyat (51), ayat 56:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْأَنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ

Al-Quran, Surah Al-Dzariyaat (51): 56

“(56) dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.”

⁵ Bidang ilmu tipologi merupakan kajian yang melibatkan perkaitan atau hubungan antara sifat/ perwatakan dari dua bidang yang berbeza, contohnya penyelidikan yang melibatkan bidang sains dan Islam.

⁶ Kenyataan tersebut merujuk kepada fakta kejadian pertama manusia, iaitu Nabi Adam AS yang dicipta melalui gabungan dari unsur-unsur tanah dan peniupan roh sebagai nyawa. Penciptaan manusia pertama ini dinyatakan seperti mana yang dijelaskan di dalam surah al-Hijr (15), bermula pada ayat 26-29 sehingga berlakunya pengingkaran oleh Iblis.

Pendidikan merupakan sebahagian keperluan asasi bagi manusia dalam memenuhi tuntutan fitrah semulajadinya supaya menjadi manusia yang lebih bertamadun. Hakikatnya penghidupan manusia sering dikaitkan dengan pendidikan, dan berkait rapat dengan akal. Mohd Zaidi Ismail (2013) mengutarakan pandangan Ali bin Muhammad al-Jurjani mengenai akal yang ditakrifkan sebagai suatu yang bersifat rohani yang dapat berdiri dengan sendirinya setelah diciptakan oleh Allah SWT tetapi ada perhubungan yang rapat dengan jasad manusia yang berfungsi selaku pentadbir dan pelaksana (Mohd Zaidi Ismail, 2013). Akal juga adalah suatu perkara yang terpisah dari jasad yang mampu melakukan tanggapan yang tidak mampu dilaksanakan oleh pacaindera manusia yang lima (Muhammad, 1998).

Perbincangan mengenai akal di dalam Al-Quran lebih tertumpu kepada fungsinya itu sendiri yang bertindak sebagai wasilah bagi mencapai tujuan dan hakikat asal penciptaan manusia. Kewibawaan seseorang manusia adalah berdasarkan kepada hakikat kejadiannya yang dikaitkan dengan akal yang bertindak sebagai alat untuk mencapai ilmu yang benar dan yakin apabila ianya digunakan semaksima yang mungkin untuk mengenal dan mengakui kewujudan dan kekuasaan pencipta-Nya setelah mendapati kebenaran melalui ilmu tersebut (Wan Suhaimi Wan Abdullah, 2013).

Mohd Nurul Hisyam Mohamed (2012) menyatakan akal sebagai suatu tempat/pusat yang tidak ternilai kepada manusia yang membezakannya dengan makhluk lain. Di samping itu, akal telah mengupayakan manusia untuk mentadbir bumi dengan sebaiknya dan mampu membezakan dua perkara yang bertentangan (haq dan batil) dengan tujuan supaya tunduk dan akur kepada-Nya, di samping berperanan sebagai penghalang dari melakukan perbuatan dan kata-kata yang negatif (Mohd Nurul Hisyam Mohamed, 2012). Perkara ini telah melayakkan seorang insan itu diangkat sebagai khalifah disebabkan kewibawaannya itu berbanding Jin dan Malaikat (Wan Suhaimi

Wan Abdullah, 2013). Penciptaan manusia yang istimewa sebagai khalifah telah termaktub dengan ayat ke 20 di dalam surah al-Baqarah:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الْدِمَاءَ وَخَنْ حُنْ نُسَبِّحُ بِهِمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Al-Quran, Surah Al-Baqarah (2): 30

“Dan (ingatlah) ketika Tuhan-mu berfirman kepada Malaikat; ‘Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi’. Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): ‘Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuhan-bunuhan), padahal Kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mensucikan-Mu?’. Tuhan berfirman: ‘Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya’.

Di samping menjadi sumber ilmu, akal juga dikaitkan dengan istilah rasionaliti, iaitu sebagai pusat pengetahuan yang boleh menerima apa sahaja pandangan dan sebarang justifikasi hujah, dan dapat membezakan sesuatu yang baik dan buruk (Lacey, 1996). Hakikatnya pembangunan ilmu dan keperibadian manusia itu mempunyai perkaitan yang begitu rapat antara satu sama lain (Wan Suhaimi Wan Abdullah, 2013). Begitulah hebatnya akal atau minda. Namun, perbincangan dari perspektif Islam mengenai akal ini agak terbatas kepada perbincangan yang hanya melibatkan aspek akidah (tidak dapat mencapai hakikat tentang Allah SWT), hukum Islam dan perbincangan tentang akhlak (Asad, 1971; Abdul Halim Mahmud, 1995).

Kemampuan manusia untuk berfikir, mentadbir, mengurus, mengatur dan pelbagai lagi kelakuan yang kompleks adalah sebagai ukuran kepada fungsi akal tersebut. Menurut Shahir Akram Hassan (2012), manusia mampu untuk menjalankan

pelbagai aktiviti seperti makan, melahirkan zuriat dan mempunyai kebebasan untuk memilih sesuatu kerana mempunyai akal yang berperanan untuk berfikir menentukan sesuatu itu sama ada baik atau sebaliknya. Manakala makhluk lain, seperti haiwan hanya mampu menjalankan aktiviti yang lebih menjurus kepada naluri seperti makan dan berkembang biak tanpa dianugerahi akal seperti manusia.

Istilah bagi manusia yang berakal ada disebutkan di dalam Al-Quran sebagai golongan *Ulul al-Bab* kerana mereka menggunakan akal untuk berfikir tentang kejadian alam semulajadi yang diciptakan Allah SWT. Golongan *Ulul al-Bab* telah digambarkan melalui ayat-ayat Al-Quran sebanyak 16 kali. Jadual 4.3 menunjukkan analisis ciri-ciri *Ulul al-Bab* berdasarkan sepuluh surah tersebut. Ciri-ciri *Ulul al-Bab* telah dinyatakan di dalam Al-Quran berdasarkan sepuluh surah, iaitu surah al-Baqarah (3), surah Ali ‘Imran (2), surah al-Maidah (1), surah Yusuf (1), surah ar-Ra’id (1), surah Ibrahim (1), surah Saad (2), surah az-Zumar (3), surah Ghaafir/ al-Mu’min (1), dan surah at-Thalaq (1).

Jadual 4.3: Analisis Konsep dan Ciri-ciri *Ulul al-Bab* di dalam Al-Quran
(Idris Jusoh, 2008)

Bil.	Surah	Ayat	Intipati
1	Al-Baqarah	179	Berakal fikiran dan bertakwa
2	Al-Baqarah	197	Memelihara diri, bertakwa dan berakal.
3	Al-Baqarah	269	Mengambil peringatan sebagai pengajaran ke atas hikmah yang diberikan
4	Ali ‘Imran	7	Mendalami ilmu-ilmu agama dan mengambil pengajaran
5	Ali ‘Imran	190	Memerhati kejadian langit dan bumi serta mengingati-Nya
6	Al-Maidah	100	Memilih kebaikan dan menolak keburukan
7	Yusuf	111	Mengambil pengajaran dan iktibar dari sejarah Islam

Jadual 4.3, sambungan

Bil.	Surah	Ayat	Intipati
8	Ar-Ra'd	19	Menginsafi dan mengimani kebenaran Al-Quran
9	Ibrahim	52	Mengambil peringatan dan pengetahuan tentang kebesaran Allah
10	Saad	29	Mengambil faedah dan iktibar daripada Al-Quran
11	Saad	43	Mengambil peringatan ke atas rahmat dan bersabar jika ditimpa kemalangan
12	Az-Zumar	9	Berqiamullai dan mengharap rahmat Allah
13	Az-Zumar	18	Mengkaji ayat Al-Quran dan menurut hukum Agama
14	Az-Zumar	21	Memerhati dan mengambil iktibar dari kejadian alam sekitar
15	Ghaafir/ Al-Mu'min	54	Memperolehi petunjuk dan peringatan
16	At-Thalaq	10	Beriman dan takutkan azab Allah

Melalui perbincangan ini, jelas menunjukkan bahawa P&P merupakan satu kegiatan yang dituntut oleh Islam kepada manusia. Akal yang digunakan sebaiknya bertindak memandu otak manusia untuk bekerja agar dapat menerokai rahsia-rahsia alam seiring dengan pencirian golongan *Ulul al-Bab* (lihat lampiran E). Aktiviti yang berkaitan dengan proses pengukuhan dalam pendidikan juga berkait rapat dengan beberapa aspek melibatkan niat yang baik, adab-adab ketika menuntut ilmu, amalan-amalan ibadat tambahan (contoh: munajat), keikhlasan dan doa-doa yang diamalkan sebelum bermulanya sesi pembelajaran bagi seseorang Muslim.

4.3.3 Penerapan Unsur Peneguhan di dalam Proses Pendidikan

Penganjuran tempoh yang paling sesuai dalam proses pendidikan bagi pembentukan keperibadian dan tingkah laku yang baik adalah bermula semenjak dari dalam kandungan ibu sehingga sepanjang tempoh pembesaran. Ini kerana setiap manusia telah dibekalkan sejak awal kejadiannya dengan fitrah ketauhidan dan keagamaan yang luhur seperti mana yang ditetapkan dalam syariat Islam (Ulwan, 1998). Ini bertepatan dengan firman Allah SWT di dalam surah al-Rum pada ayat 30:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلّٰهِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللّٰهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ
لِخَلْقِ اللّٰهِ ذَلِكَ الْدِينُ الْقَيْمُ وَلَا كُبَرَ أَكْثَرُ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

Al-Quran, Surah Al-Rum (30): 30

“(Setelah jelas kesesatan syirik itu) Maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad SAW) ke arah Agama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) Agama Allah, iaitu Agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah Agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.”

Begitulah juga tentang gambaran terhadap peranan yang sepatutnya dimainkan oleh ibu bapa dalam memikul amanah membesarkan anak-anak untuk membentuk aqidah dan akhlak yang baik, seperti mana yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari di dalam kitabnya melalui jalur periwayatan Abu Hurairah RA seperti mana berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُلُّ مَوْلُودٍ يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبْوَاهُ يُهُودَانِهُ أَوْ يُنَصَّرَانِهُ أَوْ يُمَحْجَسَانِهُ كَثُلِ الْجَمِيعَةِ تُتَبَّعُ الْجَمِيعَةَ هَلْ تَرَى فِيهَا جَدْعَاءً؟

Mawsu'ah al-Hadith, Sahih Bukhari. (2000b)

“Daripada Abu Hurairah RA, katanya: Nabi Muhammad S.A.W telah bersabda:Tidak ada bayi yang dilahirkan kecuali ia dilahirkan dalam keadaan fitrah lalu ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi atau Nasrani (Kristian) atau Majusi seperti mana seekor haiwan ternakan melahirkan anaknya yang sempurna sifat, adakah kamu rasa akan ada yang akan menjadi cacat dengan sendirinya?” (HR. Bukhari).

Dalam proses pendidikan, Islam menggalakkan agar elemen-elemen yang positif dapat diterapkan ke dalam jiwa anak-anak kecil kerana keperibadian mereka mudah untuk dibentuk. Ibu bapa dipertanggungjawabkan agar dapat mencorakkan keperibadian mereka sama ada diajar dan dilazimkan dengan unsur-unsur yang baik atau sebaliknya. Menurut Muhammad Nur Abdul Hafizh Suwaid (2010), Syeikh al-Islam Imam al-Ghazali menyatakan di dalam *Manhaj at-Tarbiyyah an-Nabawiyyah lith Thifl* bahawa anak adalah kurniaan yang mempunyai hati yang masih bersih dan mudah condong kepada sesuatu yang diterapkan. Selain itu, terdapat juga beberapa pandangan sarjana Islam lain seperti Ibnu Khaldun dan Ibnu Jama'ah berkenaan pendekatan pendidikan yang baik terhadap anak-anak melalui konsep *targhib*, *tarhib* dan *'uqubah*.

Di dalam Al-Quran dan hadis terdapat banyak pendekatan pengukuhan dalam konteks pendidikan yang digunakan. Kisah-kisah dalam Al-Quran dan hadis seperti digambarkan dalam pendekatan sesuatu peristiwa adalah membawa maksud ganjaran dan hukuman, pujukan dan peringatan, dan dorongan dan ancaman (Mohd. Yakub@Zulkifli Mohd. Yusoff & Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, 2006). Pendekatan psikologi yang lazim diamalkan dalam pendidikan Islam ialah penerapan konsep berbentuk motivasi melalui pendekatan ganjaran dan hukuman, iaitu *targhib*,

tarhib dan ‘*uqubah*.⁷ Islam telah menempatkan konsep ganjaran dan hukuman melalui pendekatan Al-Quran, iaitu *targhib* sebagai penguat/pendorong kepada anjuran melakukan perilaku yang baik, *tarhib* sebagai pencegah daripada melakukan sesuatu tabiat yang buruk dan ‘*uqubah* sebagai tindakan hukuman untuk balasan kepada kesalahan yang dilakukan (Ahmad Ali Budaiwi, 2002). Uslub ini berkait dengan fitrah manusia yang berkeinginan kepada ganjaran dan keseronokan, dan berkait kepada rasa takut kepada hukuman dan akibat kesalahan sesuatu perbuatan. Seperti yang diusulkan oleh Skinner dalam psikologi moden.

4.3.3.1 Peneguhan Tingkah Laku melalui Pelaziman Pendekatan *Targhib* (Galakan/ Anjuran) dan Pemberian Ganjaran (*Tsawab*)

Targhib (ترغیب) berasal dari kata dasar *raghghiba* (رغب) yang bermaksud mencintai atau menyukai kepada yang baik. *Targhib* merupakan terminologi bahasa Arab yang bermaksud pendekatan pujukan atau seruan cara baik berbentuk galakan/ anjuran melalui pemberian ganjaran, nasihat, dan kaunseling yang bertujuan mendorong atau memotivasi manusia untuk mencintai kebaikan (Ahmad Ali Budaiwi, 2002). Menurut Kamus Istilah Hadis (2012) *targhib* adalah istilah yang digunakan dalam pendekatan hadis melalui pengumpulan periyawatan hadis-hadis yang bertujuan memberikan galakan/ anjuran untuk mengamalkan perkara-perkara yang dituntut oleh agama, contohnya galakan berbakti kepada ibu bapa (Ghouri, 2012). *Targhib* juga digunakan oleh Al-Quran melalui pendekatan yang sama konsepnya.

⁷ Dalam penulisan Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, beliau telah menggunakan terminologi pendekatan *tabsyir* dan *indhar* dalam membincangkan pendekatan penggunaan ganjaran ini di dalam tesis beliau yang bertajuk “*Impak uslub tabsyir dan indhar dalam membentuk personaliti: Kajian di Sekolah Henry Gurney, Teluk Mas, Melaka dan Batu Gajah, Perak*”. Istilah *tabsyir* adalah satu kaedah/ pendekatan yang memberikan sesuatu yang positif seperti pemberian ganjaran, manakala istilah *indhar* pula merupakan satu pendekatan yang digunakan untuk dijadikan peringatan/ ancaman.

Manakala ganjaran menurut Kamus Dewan adalah hadiah (untuk perbuatan baik) atau balasan (untuk perbuatan jahat) (Kamus Dewan, 2010). Ganjaran dalam bahasa Arab diistilahkan sebagai *tsawab* yang membawa maksud pahala, upah, balasan baik dan perihal yang membawa maksud menghadiahkan sesuatu kepada seseorang (Abu Abdullah Hanafi Dollah, 2013). Di dalam Al-Quran, penggunaan istilah *tsawab* ini banyak ditemui melalui perbincangan tentang balasan yang akan diterima oleh seseorang sama ada di dunia atau pun di akhirat berdasarkan amal perbuatan yang dilakukannya. Hasan Langgulung menggunakan istilah *tsawab* sebagai kata ganti ganjaran. Menurutnya, ganjaran diberikan untuk mengekalkan atau menguatkan tingkah laku yang diingini (Arief Armai, 2002). Menurut Muhammad Sa'id Mursi (2003) pula pemberian ganjaran diberikan supaya peningkatan prestasi yang ditunjukkan oleh seseorang itu dapat dikekalkan dan ditingkatkan lagi di samping berperanan sebagai motivasi kepada individu yang lain.

Sebagai contoh, janji Allah SWT kepada manusia yang melakukan amal yang kebaikan akan diberikan ganjaran/ balasan yang baik seperti mana di dalam surah Ali ‘Imran (3), ayat 145 dan 148 dan surah an-Nisa’ (4), ayat 134.

a) Surah Ali ‘Imran (3), ayat 145

وَمَا كَانَ لِنَفْسٍ أَنْ تَمُوتَ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ كَتَبَ مُؤْجَلاً وَمَنْ يُرِدُ ثَوَابَ
الْأَلْدُنْيَا نُؤْتِهِ مِنْهَا وَمَنْ يُرِدُ ثَوَابَ الْآخِرَةِ نُؤْتِهِ مِنْهَا وَسَنَجْزِي أَلْشَكِرِينَ



Al-Quran, Surah Ali ‘Imran (3): 145

“(145) Dan (tiap-tiap) makhluk yang bernyawa tidak akan mati melainkan dengan izin Allah, iaitu ketetapan (ajal) yang tertentu masanya (yang telah ditetapkan oleh Allah). dan (dengan yang demikian)

sesiapa yang menghendaki balasan dunia, Kami berikan bahagiannya dari balasan dunia itu, dan sesiapa yang menghendaki balasan akhirat, Kami berikan behagiannya dari balasan akhirat itu; dan Kami pula akan beri balasan pahala kepada orang-orang yang bersyukur.”

- b) Surah Ali ‘Imran (3), ayat 148

فَعَاتَهُمْ اللَّهُ ثَوَابَ الدُّنْيَا وَحُسْنَ شَوَّابٍ أَلَّا خِرَةٌ وَاللَّهُ تُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٤٨﴾

Al-Quran, Surah Ali ‘Imran (3): 148

“(148). Oleh itu, Allah memberikan mereka pahala dunia (Kemenangan dan nama yang harum), dan pahala akhirat yang sebaik-baiknya (nikmat syurga yang tidak ada bandingannya). dan (ingatlah), Allah sentiasa mengasihi orang-orang yang berbuat kebaikan.”

- c) Surah An-Nisa’ (4), ayat 134

مَنْ كَانَ يُرِيدُ شَوَّابَ الدُّنْيَا فَعِنَّدَ اللَّهِ شَوَّابُ الدُّنْيَا وَالْأَخِرَةِ وَكَانَ اللَّهُ

سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿١٣٤﴾

Al-Quran, Surah An Nisa’ (4): 134

“(134). Sesiapa yang mahukan pahala (balasan) dunia sahaja (maka rugilah ia), kerana di sisi Allah disediakan pahala (balasan) dunia dan akhirat. dan (ingatlah) Allah sentiasa mendengar, lagi sentiasa melihat.”

Dari aspek pendidikan, ayat-ayat yang berkaitan dengan pemberian *tsawab* dapat dikategorikan sebagai pemberian ganjaran yang baik oleh Allah SWT terhadap hamba-Nya yang melakukan amal atau tingkah laku yang baik (Atabik Ali & Ahmad Zuhbi Muhdlor, 1999). Pendekatan *tsawab* ini mempunyai sedikit perbezaan dengan pendekatan *targhib*. *Tsawab* lebih bersifat pemberian berbentuk kebendaan manakala *targhib* pula menggunakan pendekatan pengharapan sebagai pengukuh tingkah laku dari pelbagai aspek dalam kehidupan manusia, namun kedua-duanya mempunyai perkaitan

yang rapat sebagai pendekatan berbentuk ganjaran positif dalam konteks sains kelakuan pendidikan yang berfungsi sebagai motivasi.

Pendekatan *targhib* boleh dilihat melalui keteladanan Rasulullah SAW dalam penumpuan dakwah awal Baginda dengan menjanjikan pahala yang besar dan memperolehi syurga di akhirat kelak bagi mereka yang memperjuangkan ajaran agama Islam dan memerangi kemosyrikan pada ketika itu (Muhammad 'Ustman Najat, 2008). Ganjaran yang bersifat harapan yang dijanjikan oleh Allah SWT melalui Baginda SAW seperti pahala dan syurga ini adalah sebagai ganjaran positif yang membangkitkan kepercayaan kepada ajaran Islam. Sebagai contoh, sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari di dalam kitabnya melalui jalur periwayatan Abu Dzar RA, sebagaimana maksudnya:

“Daripada Abu Dzar menceritakan kepadanya, beliau berkata: ‘Aku datang kepada Nabi SAW, kudapati Baginda SAW sedang tidur memakai baju putih. Kemudian aku datang lagi, kudapati kali ini Baginda SAW telah bangun. Lalu Baginda SAW bersabda: ‘Tiada seorang hamba mengucapkan La illaha illallah lalu mati atas demikian itu melainkan ia masuk surga’. Bertanya Abu Dzar, ‘Walaupun berzina dan mencuri?’. Baginda SAW menjawab, ‘Walaupun berzina dan mencuri’. Bertanya lagi Abu Dzar, ‘Walaupun berzina dan mencuri?’. Baginda SAW menjawab, ‘Walaupun berzina dan mencuri’. Bertanya lagi Abu Dzar, ‘Walaupun berzina dan mencuri?’. Baginda SAW menjawab, ‘Walaupun berzina dan mencuri’. Sampai tiga kali, kemudian kali keempat Baginda SAW bersabda, ‘Walaupun tidak disukai Abu Dzar’. Maka keluarlah Abu Dzar dari tempat Rasulullah SAW sambil mengulang-ulang kata, ‘Walaupun tidak disukai Abu Dzar, Walaupun tidak disukai Abu Dzar.’ Berkata Abu Abdullah: Ini adalah ketika mautnya atau sebelumnya apabila dia telah bertaubat dan berazam untuk menyesali perbuatannya, kemudian dia berkata La Ilah Illa Allah, maka diampunkannya.”

Mawsu'ah al-Hadith, Sahih al-Bukhari. (2000c)

Di dalam hadis ini, terdapat janji yang diperuntukkan bagi manusia yang mahu memeluk agama Islam dan beriman kepada Allah SWT pada zaman kejahilan ketika itu. Janji berbentuk syurga diperuntukkan kepada golongan yang melakukan perubahan, kepercayaan dan pegangan akidah Islam, sekalipun pernah melakukan perbuatan dosa dan maksiat sebelumnya. Situasi ini berlaku pada awal aktiviti dakwah Islam atau sebelum turunnya pensyariatan hukum sebagai pujuhan dan galakan supaya manusia menjadi seorang Muslim yang beriman dan bertamadun.

Selain itu, pendekatan yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW melalui pujuhan tidak hanya terfokus kepada balasan janji pahala dan ganjaran masuk ke syurga sahaja semata-mata, akan tetapi pujuhan itu mengandungi pengertian yang luas kerana mencakupi keimanan kepada para utusan Allah SWT, kitab-Nya, kehidupan akhirat dan perhitungan hisab, serta syurga dan neraka. Pendekatan ini (janji syurga) dilihat sebagai suatu ganjaran positif yang memberikan motivasi dan memperkuatkan tingkah laku seseorang untuk melakukan kebaikan walaupun pernah melakukan kesalahan.

Selain itu, Rasulullah SAW melalui hadis yang lain telah menghuraikan tentang pentingnya pemberian hadiah atau bayaran/ upah secara langsung sebagai tanda terima kasih dan penghargaan kepada seseorang yang telah membantu atau bekerja untuknya. Pemberian hadiah atau bayaran/ upah yang diberikan secara langsung akan mempengaruhi psikologi yang bertindak sebagai motivasi dan galakan kepada mereka untuk berperilaku baik dan meningkatkan kualiti kerja dalam perkhidmatannya di samping mencapai kepuasan diri (Muhammad 'Ustman Najat, 2008). Sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan di dalam Sunan Ibn Majah melalui jalur periyawatan Abdullah ibn 'Umar mengenai gesaan Baginda SAW supaya melakukan

bayaran sebagai upah yang perlu diberikan kepada pekerja/ seseorang yang memberikan khidmatnya sebelum keringatnya mengering atau penatnya hilang.⁸

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَعْطُوا الْأَجِيرَ أَجْرَهُ، قَبْلَ أَنْ يَحْفَ عَرْقُهُ.

Mawsu'ah al-Hadith, Sunan Ibn Majah, (2000a)

“Daripada Abdullah ibn ‘Umar katanya, telah bersabda Rasulullah SAW: Berilah bayaran kepada seorang pekerja sebelum keringatnya mengering” (HR. Ibn Majah).

Di samping itu, Rasulullah SAW juga pernah menyatakan kepada sahabat melalui satu hadis yang diriwayatkan oleh Imam Tirmizi tentang pemberian hadiah yang membawa maksud bukan hanya bersifat material sahaja seperti pemberian kebendaan atau wang ringgit. Tetapi pemberian hadiah tersebut juga haruslah bersifat maknawi seperti pemberian kata-kata semangat, penghargaan, doa atau pujian yang akan mempengaruhi semangat dan memotivasi seseorang itu (Abdillah, 2008). Sebagaimana maksud sabda Rasulullah SAW di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Tirmizi di dalam kitabnya melalui jalur periyawatan Usamah bin Zaid,

عَنْ أُسَامَةَ بْنِ زَيْدٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " مَنْ صُنِعَ إِلَيْهِ مَعْرُوفٌ فَقَالَ لِقَاعِلِهِ: جَرَاكَ اللَّهُ خَيْرًا فَقْدَ أَبْلَغَ فِي الشَّتَاءِ "

Mawsu'ah al-Hadith, Sunan Tirmizi, (2000)

“Daripada Usamah bin Zaid berkata, Sabda Rasulullah SAW: ‘Sesiapa yang diberikan kepadanya kebajikan, lalu ia mendoakan orang itu dengan menyebut ‘Jazakallahu khairan’ (mudah-mudahan Allah SWT membalasmu dengan kebajikan yang lebih baik), maka seseorang itu sudah memenuhi hak sanjungan.’” (HR. Tirmizi)

⁸Pernyataan tentang “sebelum keringatnya mengering” adalah merujuk kepada pemberian hadiah/ upah secara langsung setelah kerja atau bantuan yang diberikan itu selesai. Secara psikologi, pemberian hadiah/ upah yang dilakukan sejurus sahaja selesai akan memberikan impak yang sangat positif kepada seseorang berbanding jika pemberian hadiah/ upah tersebut diberikan lewat.

Pemberian ganjaran yang baik ini tidak terhad kepada dewasa sahaja malah menurut Muhammad ‘Ustman Najat (2008), Rasulullah SAW pernah juga memberikan hadiah sebagai tanda kasih sayang dan penghargaan kepada kanak-kanak. Baginda SAW pernah berinteraksi bersama sekumpulan kanak-kanak dengan membuat permainan/ pertandingan di mana mereka diminta berdiri sebaris menghadap Baginda SAW dan berlari untuk mendapatkan Baginda SAW yang duduk jauh di suatu tempat yang lain. Sesiapa yang mendapatkan Baginda SAW terlebih dahulu akan diberikan hadiah; justeru, penghargaan kepada juara. Kemudian Baginda SAW memeluk mereka dengan penuh kasih sayang. Ganjaran positif fizikal dan bukan fizikal dibentuk. Ini bertujuan merangsang emosi dan jiwa kanak-kanak yang secara fitrahnya memerlukan sentuhan kasih sayang dan menyukai sesuatu yang berbentuk material di samping dapat memupuk mereka supaya berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan sesuatu.

Selain itu, pendekatan *targhib* di dalam Al-Quran pula dipamerkan melalui gesaan Allah SWT supaya manusia melakukan kebaikan dan tidak ingkar dengan perintah yang telah digariskan. Tujuannya juga sama supaya manusia mengenali hakikat kejadiannya di muka bumi ini untuk menjadi Muslim yang bertakwa. Sebagai contoh, pendekatan galakan supaya segera mendapatkan keampunan daripada Allah SWT dengan menjanjikan ganjaran syurga yang digambarkan dengan begitu menarik perhatian manusia melalui ayat Al-Quran di dalam surah Ali ‘Imran (3), ayat 133 seperti berikut:

﴿ وَسَارِعُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرَضَهَا أَلَّسْمَوَاتُ وَالْأَرْضُ
أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴾

Al-Quran, Surah Ali ‘Imran (3): 133

“(133) Dan bersegeralah kamu kepada ampunan dari Tuhan mu dan kepada syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertakwa.”

Tambahan itu, pendekatan *targhib* turut diguna pakai di dalam Al-Quran melalui gambaran peristiwa-peristiwa dan isu-isu yang berkaitan dengan muamalat/kemasyarakatan antara manusia.

Kemudian Allah SWT berfirman pula,

لِيُنْفِقَ دُونَ سَعَةٍ مِّنْ سَعَتِهِ وَمَنْ قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلَا يُنْفِقْ مِمَّا أَتَاهُ اللَّهُ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَا أَتَاهَا سَيَجْعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ سُرًّا

Al-Quran, Surah At-Thalaaq (65): 7

“(7) Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa yang di sempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepada-Nya. (orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.”

Kenyataan dari ayat ini menyatakan bahawa Allah SWT memberikan keringanan untuk membayar nafkah tersebut dengan sekadar kemampuan yang mampu bagi seseorang itu. Konsep pemberian mengikut kemampuan ditekankan dalam Islam.

Begitulah penggunaan konsep *targhib* dan pemberian *tsawab* (ganjaran baik) yang dapat digambarkan di dalam Al-Quran dan hadis.

4.3.3.2 Pendekatan *Tarhib* sebagai Peringatan dan ‘*Uqubah* sebagai Balasan dalam Elemen Peneguhan Tingkah Laku

Tarhib (ترهیب) berasal dari kata dasar *rahhiba* (رهب) yang bermaksud mengancam dengan menimbulkan perasaan yang takut. *Tarhib* merupakan terminologi bahasa Arab yang bermaksud penegasan tentang dosa dan neraka yang berbentuk ancaman, teguran dan peringatan kepada manusia supaya sentiasa beringat dan berwaspada. Istilah *tarhib* adalah pendekatan yang diamalkan melalui kumpulan periwayatan hadis-hadis yang bertujuan sebagai ancaman dan peringatan kepada manusia supaya berwaspada dan menghindarkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang ditegah oleh agama, contohnya amaran dan ancaman supaya tidak menderhakai ibu bapa (Ghouri, 2012). Jika masih juga ingkar melakukan perkara yang dilarang maka ganjaran dosa dan balasan yang buruk (hukuman) bakal diterima oleh mereka sama ada di dunia atau pun di akhirat nanti. Dalam konteks pendidikan Islam, *tarhib* ini dikategorikan sebagai penasihatan jenis ancaman.

Hukuman di dalam Kamus Dewan bermaksud sesuatu penderitaan yang dikenakan atas orang yang melakukan kesalahan, dan apa-apa bentuk hukuman yang dijatuhkan oleh hakim (membawa maksud Tuhan yang menghakimi hamba-Nya di hari perhitungan atau sesebuah kerajaan yang memerintah yang menjatuhkan hukuman) atas kesalahan yang dilakukan (Kamus Dewan, 2010). Hukuman atau seksaan dalam bahasa Arab diistilahkan sebagai ‘*iqab*’ (عقاب) dan ‘*uqbah*’ (عقوبة) (Abu Abdullah Hanafi Dollah, 2013). Menurut Kamus Al-Quran (2011), pengistilahan ‘*iqab*’ (عقاب) dan ‘*uqbah*’ (عقوبة) ini adalah berasal dari kata ‘*aqaba*’ (عقب) yang memberi maksud setiap sesuatu yang datangnya selepas yang lain-lain atau yang datang kemudian dan yang mengikutinya (Mohd Yakub@Zulkifli Mohd. Yusoff, 2011). Ia menjelaskan konsep hukuman adalah suatu perkara yang datangnya (diberikan) setelah melakukan dosa

(sesuatau yang tidak baik). Ia bertujuan menghukum dan supaya tingkah laku tidak baik itu akan berkurangan dan/atau tidak dilakukan lagi.

Penggunaan ayat dan konsep hukuman di dalam Al-Quran telah banyak diguna pakai dan didapati penggunaannya secara keseluruhan dimulakan dengan perkataan-perkataan yang pedih sifatnya dan menjurus kepada balasan buruk berbentuk azab yang sangat menyakitkan. Contohnya sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Ali ‘Imran (3), ayat 11 dan surah al-Anfal (8), ayat 13.

- a) Surah Ali ‘Imran (3), ayat 11

كَدَّأْبٍ إِلٰي فِرْعَوْنَ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ كَذَّبُوا بِيَوْمَيْنَا فَأَخْذَهُمُ اللَّهُ بِذُنُوبِهِمْ وَاللَّهُ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿١١﴾

Al-Quran, Surah Ali ‘Imran (3): 11

“(11). (Keadaan orang-orang kafir itu) sama seperti keadaan kaum Firaun, dan orang-orang yang terdahulu dari mereka; mereka mendustakan ayat-ayat keterangan kami, lalu Allah menyeksa mereka disebabkan dosa-dosa mereka. dan (ingatlah), Allah Maha berat azab seksa-Nya.”

- b) Surah al-Anfal (8), ayat 13

ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ شَاقُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَمَنْ يُشَاقِقِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَإِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿١٣﴾

Al-Quran, Surah Al-Anfal (8): 13

“(13). (perintah) yang demikian ialah kerana sesungguhnya mereka menentang Allah dan Rasul-Nya; dan sesiapa yang menentang Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya Allah Maha berat azab seksa-Nya.”

Berdasarkan kedua-dua ayat di atas didapati pemberian hukuman adalah bersifat menyakiti atau tidak menyenangkan dan merupakan balasan buruk akibat dari perbuatan jahat yang dilakukan oleh seseorang individu. Muhammin dan Abd. Mujib (1993) menyatakan bahawa hukuman yang diberikan perlulah digunakan sebagai jalan penyelesaian yang terakhir dan harus dilakukan secara minimum dan tidak memberikan kecederaan. Prinsip Islam memberikan hukuman pada dua fasa, iaitu di dunia dan di akhirat; hukum di akhirat adalah lebih merupakan ancaman. Tujuan utama dari pendekatan ini juga sebagai pengajaran berguna kepada seseorang dari mengulangi kesalahan-kesalahan yang dilakukan sebelum ini serta kepada khalayak yang mengetahuinya (Muhammin & Abdul Mujib, 1993).

Di dalam konteks pendidikan, penggunaan ‘iqab’ (عقاب) mempunyai sedikit perbezaan berbanding dengan *tarhib* (ترهيب). ‘Iqab’ merupakan sesuatu aktiviti fizikal yang menyakitkan seperti pukulan yang diberikan disebabkan tingkah laku yang salah ditunjukkan oleh anak didik. Sementara *tarhib* (ترهيب) pula bertindak sebagai peringatan yang bersifat menakutkan dan memberikan ancaman kepada individu lain agar tidak melakukan suatu tindakan yang menyalahi peraturan.

Terdapat sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim di dalam kitabnya melalui jalur periyawatan Jabir RA tentang gambaran hukuman yang merangkumi balasan atas dunia dan dosa yang berkait dengan keadaan di akhir hayat, di dalam kubur, hari kebangkitan dan keadaan ketika berada dalam syurga atau neraka.

عَنْ جَابِرٍ، قَالَ: أَتَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلٌ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، مَا الْمُوْجَبَاتُ؟ فَقَالَ: مَنْ مَاتَ لَا يُشْرِكُ بِاللَّهِ شَيْئًا دَخَلَ الْجَنَّةَ، وَمَنْ مَاتَ يُشْرِكُ بِاللَّهِ شَيْئًا دَخَلَ النَّارَ.

Mawsu'ah al-Hadith, Sahih Muslim, (2000)

Daripada Jabir RA, berkata: Seorang lelaki telah menemui Nabi Muhammad SAW, kemudian beliau bertanya: "Wahai Rasulullah, apa dua hal yang diwajibkan itu?" Baginda SAW menjawab: "Barang siapa yang meninggal dunia tidak menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu pun, maka dia masuk syurga. Barangsiapa yang menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu pun, maka dia masuk neraka." (HR. Muslim).

Sebagaimana kenyataan hadis di atas, seseorang yang melakukan dosa besar, iaitu menyekutukan Allah SWT dengan kewujudan Tuhan selain-Nya, maka balasannya adalah neraka. Hadis ini dengan jelas menyatakan balasan kepada mereka yang menyekutukan Allah SWT adalah di dalam neraka. Peringatan Allah SWT mengenai pembalasan neraka mendorong seseorang agar berwaspada untuk memelihara akidah Islam dan tidak menyekutukan Allah SWT dengan selain-Nya. Namun di dalam hadis ini, didapati penggunaan yang melibatkan pendekatan *targhib* dan *tarhib* ini digunakan bersekali. Penggunaan pendekatan *targhib* telah digunakan terlebih dahulu di dalam penceritaannya supaya dapat merangsang emosi manusia untuk sentiasa menjaga kesucian akidah dengan ganjaran syurga di akhirat kelak jika tidak menyekutukan Allah SWT. Kemudiannya diikuti pula oleh penggunaan *tarhib* yang bersifat memberi ancaman dan peringatan berbentuk balasan neraka supaya tingkah laku manusia untuk tidak mensyirikkan Allah SWT itu tadi dapat dikukuhkan.

Selain itu, contoh yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW tentang cara pendidikan anak-anak pada peringkat permulaan melalui peringatan secara *non-verbal* dan dalam masa yang sama mengingatkan mereka secara *verbal* seperti mana anjuran awal supaya menggantungkan rotan di rumah yang boleh dilihat oleh penghuninya. Sabda Rasulullah SAW melalui jalur periwayatan Ibn 'Abbas menceritakan seperti berikut:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: عَلَّقْ
سَوْطَكَ حَيْثُ بَرَاهُ أَهْلُكَ.

Mawsu'ah al-Hadith, Al-Mu'jam al-Kabir Li al-Thobrani, (2000)

“Daripada Ibn Abbas katanya, Rasulullah SAW bersabda: Gantunglah rotan supaya dapat dilihat oleh penghuni rumah kerana ia suatu didikan untuk mereka.” (HR. at-Thobrani)

Secara psikologi dalam aspek pendidikan, ia bertindak sebagai peringatan berbentuk ganjaran negatif kepada anak-anak khususnya, agar sentiasa berwaspada dengan peraturan dan sentiasa berkelakuan baik di dalam rumah. Ia dapat menggalakkan anak-anak melakukan perkara yang baik kerana mereka menyedari rotan tidak akan digunakan jika berkelakuan baik. Namun, jika anak-anak ingkar dengan peraturan yang ditetapkan, hukuman rotan, iaitu berbentuk hukuman fizikal akan diberikan sebagai pengajaran kepada mereka untuk tidak mengulanginya semula (mengurangi tingkah laku tidak diingini).

Di samping itu, Al-Quran melalui pendekatan ayat-ayat yang menggunakan konsep *tarhib* juga turut diamalkan pada hampir keseluruhan kandungannya dengan tujuan yang sama, iaitu menuntut manusia supaya menyedari hakikat penciptaan diri dan melakukan kebaikan (Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, 2009).⁹ Sebagai contoh, perihal pendekatan *tarhib* ini dapat dihayati sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah al-Tahrim, ayat ke 6:

⁹ Namun, Sharifah Norshah Bani Syed Bidin di dalam penulisan tesis beliau telah menggunakan penggunaan istilah *indhar* yang yang memberi maksud sesuatu pendekatan yang digunakan di dalam Al-Quran berbentuk amaran dan ancaman sebagai peringatan supaya berwaspada. Penggunaan pendekatan *indhar* mempunyai maksud dan konsep yang sama dengan penggunaan pendekatan *tarhib* yang digunakan di dalam penulisan tesis ini.

يَتَأْكُلُونَ إِنَّمَا قُوَّا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُوْدُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا
مَلَئِكَةُ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمْرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمِنُونَ

Al-Quran, Surah At-Tahrim (66): 6

“(6) Hai orang-orang yang beriman, peliharalah diri mu dan keluarga mu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, yang keras, yang tidak mendurhakai Allah SWT terhadap apa yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan.”

Dalam ayat ini tingkah laku memberi pemerhatian dan pengawasan terhadap keluarga dan anak-anak dipertingkatkan dan dengan itu azab api neraka dapat dielakkan (Ahmad Ali Budaiwi, 2002). Selamat dari azab neraka adalah ganjaran negatif kepada umat Islam yang meningkatkan tingkah laku yang baik. Ibn Katsir mengutarakan pandangan Mujahid tentang firman Allah SWT sebagai “Bertakwalah kepada Allah SWT dan berpesanlah kepada keluarga kalian untuk bertakwa kepada Allah SWT”. Manakala Qatadah pula menyatakan, “Iaitu, hendaklah engkau menyuruh mereka berbuat taat kepada Allah dan mencegah mereka dari menderhakai Allah. Dan hendaklah engkau menjalankan perintah Allah kepada mereka dan perintahkan mereka untuk menjalankannya, serta membantu mereka dalam menjalankannya. Jika engkau melihat mereka membuat maksiat kepada Allah, maka ingatkan dan cegahlah mereka (Muhammad, 2008).

Nasihat merupakan satu pendekatan yang menggunakan konsep peringatan yang dapat membantu dalam pembentukan keperibadian dan tingkah laku seseorang individu. Peringatan atau dalam istilah Arabnya dikenali sebagai *nadzir* (نذر) boleh dirujuk melalui kisah Nabi SAW yang pernah ditegur oleh Allah SWT agar Baginda SAW berlaku adil dalam menyampaikan peringatan kepada semua tanpa mengira status, iaitu sama ada golongan mulia atau golongan lemah, miskin atau kaya, terhormat atau hamba

sahaya, lelaki atau perempuan dan kanak-kanak atau dewasa. Kisah ini dihuraikan oleh Imam Ibnu Katsir di dalam tafsirnya pada surah ‘Abasa (80), ayat 1-16 dengan begitu baik:

عَبَسَ وَتَوَلَّ ۖ أَنْ جَاءَهُ الْأَعْمَىٰ ۚ وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّهُ يَزَّكَّىٰ ۚ أَوْ
 يَذْكُرُ فَتَنَفَعُهُ الْذِكْرَىٰ ۚ أَمَّا مَنِ اسْتَغْنَىٰ ۚ فَأَنْتَ لَهُ تَصَدَّىٰ ۚ
 وَمَا عَلَيْكَ أَلَا يَزَّكَّىٰ ۚ وَأَمَّا مَنْ جَاءَكَ يَسْعَىٰ ۚ وَهُوَ تَخْشَىٰ ۚ فَأَنْتَ
 عَنْهُ تَلَهُّىٰ ۚ كَلَّا إِنَّهَا تَذَكَّرَةٌ ۖ فَمَنْ شَاءَ ذَكَرَهُ ۚ فِي صُحْفٍ مُّكَرَّمَةٍ
 مَرْفُوعَةٍ مُطَهَّرَةٍ ۖ بِأَيْدِى سَفَرَةٍ ۖ كِرَامٍ بَرَّةٍ ۖ

Al-Quran, Surah ‘Abasa (80): 1-16

“(1). Dia (Muhammad) memasamkan muka dan berpaling. (2). kerana telah datang seorang buta kepadanya. (3). Tahukah kamu barangkali dia ingin membersihkan hatinya (dengan pelajaran agama yang didapatinya daripadamu). (4). atau dia ingin mendapat peringatan, supaya peringatan itu memberi manfaat kepadanya?. (5). adapun orang yang merasa keadaannya telah cukup, tidak berhajat lagi (kepada ajaran Al-Quran). (6). maka kamu bersungguh-sungguh melayaninya. (7). padahal tidak ada (celaan) atasmu kalau dia tidak membersihkan dirinya (dari keingkarannya). (8). Dan ada pun orang yang datang kepadamu dengan bersegera. (9). dengan perasaan takutnya (melanggar perintah-perintah Allah). (10). maka kamu berlengah-lengah (mengabaikan) melayaninya. (11). Sesungguhnya ajaran-ajaran rabb itu adalah pengajaran dan peringatan (yang mencukupi). (12). maka sesiapa yang mahukan kebaikan dirinya, dapatlah ia mengambil peringatan daripadanya. (13). Di dalam kitab-kitab yang dimuliakan. (14). yang tinggi darjatnya, lagi suci (dari segala gangguan). (15). (Terpelihara) di tangan malaikat-malaikat yang menyalinnya dari Luh Mahfuz. (16). (malaikat-malaikat) yang mulia, lagi berbakti.”

Dalam peristiwa tersebut ‘teguran’ kepada Baginda SAW merupakan ‘hukuman’ supaya Baginda SAW tidak lagi mengulang tingkah laku sedemikian.

Contoh lain penggunaan *tarhib* yang memperingatkan tentang ganjaran negatif di dalam Al-Quran boleh dirujuk melalui surah al-An'aam (6), ayat 70. Ayat ini merupakan ayat larangan dan tegahan yang diperuntukkan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya yang beragama Islam supaya tidak mempermain-mainkan agama Islam (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2007). Pendekatan ayat ini adalah mengenai 2 perkara: (1) galakan untuk tingkah laku menjauhkan diri dari mereka yang mempermainkan agama supaya tidak menerima azab, dan (2) hukuman keras daripada Allah SWT kepada mereka yang kufur secara sengaja mempermain-mainkan agama Islam, iaitu tidak diberikan peluang keampunan, dan di hari pembalasan nanti akan diberikan balasan dengan meminum air yang panas mendidih dan dicampakkan ke dalam api neraka.

وَذِرِ الَّذِينَ أَتَخْذُوا دِينَهُمْ لَعْبًا وَلَهُوَا وَغَرَّهُمُ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَذَكَرَ
 بِهِ أَن تُبَسَّلَ نَفْسٌ بِمَا كَسَبَتْ لَيْسَ لَهَا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِلَّهِ وَلَا شَفِيعٌ
 وَإِن تَعْدِلَ كُلَّ عَدْلٍ لَا يُؤْخَذُ مِنْهَا أُولَئِكَ الَّذِينَ أَبْسُلُوا بِمَا كَسَبُوا
 لَهُمْ شَرَابٌ مِّنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْفُرُونَ

Al-Quran, Surah Al-An'aam (6): 70

“(70) Dan jauhkanlah diri dari orang-orang yang menjadikan agama mereka sebagai permainan dan hiburan, dan mereka pula telah diperdayakan oleh kehidupan dunia dan peringatkanlah (mereka) dengan Al-Quran itu, supaya tiap-tiap diri (di akhirat kelak) tidak terjerumus (ke dalam azab neraka) dengan sebab apa yang ia telah usahakan (dari perbuatan yang buruk dan keji). Tidak ada baginya pelindung dan tidak juga pemberi syafaat yang lain dari Allah. Dan jika ia hendak menebus (dirinya) dengan segala jenis tebusan, (nescaya tebusan itu) tidak akan diterima daripadanya. Mereka itulah orang-orang yang dijerumuskan (ke dalam azab neraka) dengan sebab apa yang telah mereka usahakan. Bagi mereka disediakan minuman dari air panas yang menggelegak, dan azab seksa yang tidak terperi sakitnya, disebabkan mereka kufur ingkar (semasa hidupnya).”

Selain itu, konsep pendekatan *tarhib* dan ‘*uqubah* ini turut diamalkan dalam pengamalan pemberian hukuman hudud dan qisas. Allah SWT berfirman di dalam surah an-Nur (24) pada ayat ke 2,

الْزَانِيَةُ وَالْزَانِي فَاجْلِدُو أَكُلَّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذُ كُمْ بِهِمَا رَأْفَةً
فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَيَشَهَدَ عَذَابَهُمَا طَايِفَةٌ
مِنَ الْمُؤْمِنِينَ

Al-Quran, Surah An-Nur (24): 2

“(2) Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat; dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat; dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman.”

Pelaksanaan hukuman hudud yang perlu dilaksanakan di hadapan khalayak umum yang disaksikan oleh masyarakat setempat adalah hukuman/ balasan yang diterima kepada pelaku perbuatan zina. Pelaksanaan hukuman dikhalayak ini secara langsung akan memberi kesan dan mempengaruhi masyarakat dengan memperolehi pengajaran yang sangat menginsafkan dan memperingatkan mereka dengan azab siksaan hukuman yang dialami jika ianya berlaku kepada mereka.

Begitulah penggunaan konsep *tarhib* dan pemberian ‘*uqubah* (hukuman) yang dapat digambarkan melalui pendekatannya di dalam Al-Quran dan hadis. Terdapat banyak lagi contoh yang boleh diambil dari kedua-dua sumber Islam berkenaan pendekatan yang digunakan bersesuaian dengan sesuatu isu atau peristiwa-peristiwa yang berlaku.

4.3.3.3 Pandangan Sarjana Islam tentang Pendekatan Pendidikan dalam Kalangan Remaja

Terdapat beberapa bentuk pendekatan dalam proses pendidikan yang telah digariskan oleh sarjana Islam seperti Imam al-Ghazali bagi menangani permasalahan tingkah laku dan meningkatkan keperibadian dalam kalangan remaja (Mohd. Nasir Omar, 2013). Golongan remaja menjadi subjek yang difokuskan dalam pendekatan ini disebabkan dalam usia ini sikap dan keperibadian mereka agak mudah untuk dibentuk mengikut acuan yang diberikan. Dalam usia ini juga, jiwa dan tingkah laku mereka mudah untuk dipengaruhi dengan persekitaran-persekitaran yang ada di sekeliling mereka.

Abdullah Nasih Ulwan (1998) telah mengutarakan beberapa tahap/ peringkat yang perlu dilalui dalam proses pendidikan seperti mana yang pernah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW. Metodologi yang digunakan ini adalah bersifat membina/membangunkan jati diri seseorang yang pernah melakukan kesalahan sebelum ini. Menurut beliau, Rasulullah SAW telah memberikan contoh melalui beberapa peristiwa/pendekatan yang pernah dilakukan sendiri oleh Baginda SAW. Empat peringkat yang disusun adalah merangkumi; a) pendidikan melalui nasihat/ teguran secara baik dan berlembut, b) pendidikan melalui kaedah pemulauan/ pengasingan, c) pendidikan melalui pemberian hukuman yang bersesuaian dan tidak mencederakan, dan d) lain-lain: contoh tauladan. Kaedah-kaedah ini boleh diamalkan sebagai pengukuhan kepada pembelajaran.

- a) Pendidikan melalui nasihat/ teguran secara lembut

Tahap permulaan pendekatan dalam proses pendidikan yang digunakan oleh Rasulullah SAW untuk membentuk keperibadian/ tingkah laku remaja ialah dengan memberikan nasihat atau teguran secara baik dan berlembut (Ulwan, 1998). Di dalam Al-Quran, penggunaan ayatnya adalah secara berulang-ulang dengan gaya bahasa yang indah dalam penjelasan sesuatu peristiwa yang menjelaskan kepentingan saranan dan pengajarannya untuk dijadikan sebagai nasihat. Nasihat juga boleh berbentuk ajakan dan teguran berhikmah yang menjadi bimbingan dan mampu mengetuk hati dan akal fikiran pelbagai golongan manusia. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah Luqman melalui ayat ke 13 di bawah yang menceritakan bagaimana Luqman memberikan nasihat dan peringatan kepada anaknya tentang akibat dosa mensyirikkan Allah SWT.

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِأَبْنِيهِ وَهُوَ يَعْظُهُ يَبْنُي لَا تُشْرِكُ بِاللَّهِ إِنَّ الْشِرْكَ لَظُلْمٌ



Al-Quran, Surah Al-Luqman (31): 13

“Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya: "Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekuatkan Allah SWT (dengan sesuatu yang lain). Sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar.”

Rasulullah SAW pernah menegur kesalahan seorang remaja bernama Umar bin Abu Salamah tentang adab ketika makan. Rasulullah SAW menasihati remaja supaya makan dengan menyebut nama Allah, makan menggunakan tangan kanan dan memakan makanan yang paling hampir dahulu dengannya. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari mengenainya seperti berikut,

أَنَّهُ سَمِعَ عُمَرَ بْنَ أَبِي سَلَمَةَ، يَقُولُ: كُنْتُ عُلَامًا فِي حَجْرِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَكَانَتْ يَدِي تَطِيشُ فِي الصَّحْفَةِ، فَقَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يَا عُلَامُ، سَمِّ اللَّهُ، وَكُلْ بِيَمِينِكَ، وَكُلْ مِمَّا يَلِيكَ.

Mawsu'ah al-Hadith, Sahih Bukhari, (2000d)

“Sesungguhnya telah terdengar Umar bin Abu Salamah RA berkata: Aku dahulunya adalah seorang kanak-kanak yang berada dalam jagaan Rasulullah SAW dan kedua-dua tanganku bergerak ke sana dan ke sini di dalam dulang, maka Baginda SAW telah bersabda kepadaku: Wahai budak! Bacalah Bismillah, makanlah dengan tangan kananmu serta makanlah bermula dengan yang hampir denganmu.” (HR. Bukhari)

b) Pendidikan melalui kaedah pemulauan/ pengasingan

Sekiranya pendidikan pada peringkat pertama tadi tidak memberikan sebarang perubahan, maka para pendidik boleh menggunakan peringkat seterusnya berbentuk pendidikan secara pemulauan/ pengasingan (Ulwan, 1998). Terdapat sebuah kisah yang diriwayatkan oleh Imam Ibn Majah melalui jalur periwayatan Said bin Jubair tentang larangan oleh Rasulullah SAW dari melakukan *khazf*, iaitu melontar batu kecil dengan menggunakan ibu jari dan jari telunjuk ketika sedang berburu kerana hanya akan mencederakan binatang buruan sahaja tanpa membunuhnya. Namun, larangan ini tidak diendahkan oleh salah seorang dari keluarga Ibn Mughaffal yang masih belum baligh, setelah diingatkannya akan larangan tersebut. Lalu Ibn Mughaffal mengambil tindakan untuk memulaukannya tanpa bercakap sepatah pun sebagai tanda keseriusan akan larangan Rasulullah SAW itu tadi. Tindakan ini merupakan pendidikan yang menggunakan konsep hukuman bukan fizikal (secara psikologi) sebagai pengajaran

yang berguna supaya seseorang yang pernah melakukan kesilapan itu tidak akan melakukannya kembali.

عَنْ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ، أَنَّ قَرِيبًا لِعَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُعْقَلٍ حَذَفَ، فَنَهَا، وَقَالَ:
إِنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: هَذِي عَنِ الْحَذْفِ. وَقَالَ: إِنَّهَا لَا تَصِيدُ
صَيْدًا، وَلَا تَنْكَأُ عَدُوًا، وَلَكِنَّهَا تَكْسِيرُ السِّينَ، وَتَقْتَلُ الْعَيْنَ. قَالَ: فَعَادَ،
فَقَالَ: أَحَدِثُكَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَذِهِ عَنْهُ، ثُمَّ عَدْتَ، لَا
أُكَلِّمُكَ أَبَدًا!

Mawsu'ah al-Hadith, Sunan Ibn Majah, (2000b)

“Daripada Said bin Jubair, sesungguhnya seorang keluarga kepada Ibn Mughaffal telah melakukan Khazf (melontar batu kecil dengan menggunakan ibu jari dan jari telunjuk), lalu ia (Ibn Mughaffal) menegahnya dan berkata: ‘Rasulullah SAW milarang dari melakukan Khazf di mana Baginda SAW bersabda: ‘Sesungguhnya ia tidak dapat menghasilkan apa-apa binatang buruan, tidak dapat melukai dan membunuh musuh, akan tetapi ia hanya akan mematahkan gigi dan membutakan mata.’ Kemudian ia kembali melakukannya. Katanya lagi ‘Aku telah memberitahu kamu bahawa Rasulullah SAW telah milarang melakukannya, tetapi kamu masih melakukannya. Aku tidak akan sekali-kali bercakap denganmu!.” (HR. Ibn Majah).

- c) Pendidikan melalui pemberian hukuman yang bersesuaian dan tidak mencederakan

Kaedah pemberian hukuman fizikal merupakan jalan terakhir yang patut diambil oleh para pendidik sekiranya pendekatan peringkat awal pendidikan tidak membantu untuk mengubah tingkah laku yang tidak baik (Ulwan, 1998). Sebagai contoh, Baginda SAW telah menyampaikan mesej yang jelas mengenai pendekatan pendidikan anak yang perlu dimulakan dengan pengajaran rukun-rukun solat dan diteguhkan dengan latihan pembiasaan terlebih dahulu, dan diberikan hukuman jika masih degil

menunaikan solat (Ulwan, 1998). Dalam situasi ini, anak-anak perlu diberikan beberapa ruang tempoh untuk membiasakan diri dengan solat bermula pada umur 7 tahun. Kemudiannya, setelah mencapai umur 10 tahun anak-anak mesti diberikan hukuman fizikal seperti memukul mereka jika masih meninggalkan solat. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Da'ud di dalam kitabnya melalui jalur periwayatan ‘Amru ibn Shu’ain seperti berikut,

عَنْ عَمْرٍو بْنِ شُعَيْبٍ، عَنْ أَيْيَهِ، عَنْ جَدِّهِ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مُرُوا أَوْلَادُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ، وَاضْرِبُوهُمْ
عَلَيْهَا، وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرٍ وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ.

Mawsu’ah al-Hadith, Sunan Abu Da’ud, (2000)

“Daripada ‘Amru ibn Shu’ain, daripada ayahnya dan datuknya berkata: Sabda Rasulullah SAW: “Perintahkanlah anak-anak kamu menunaikan sembahyang ketika mereka berumur tujuh tahun dan pukul lah mereka kerana meninggalkan sembahyang apabila berumur 10 tahun dan asingkan lah mereka di tempat-tempat tidur.” (HR. Abu Da’ud)

d) Lain-lain - contoh tauladan

Selain itu, Abdullah Nasih Ulwan (2006) juga menyatakan beberapa pendekatan pendidikan anak-anak yang dianjurkan seperti menunjuk contoh tauladan, pendidikan dengan adat kebiasaan, dan pendidikan dengan pemerhatian dan pengawasan.

Keperibadian mulia yang ditampilkan oleh Rasulullah SAW adalah sebagai ikutan dan teladan kepada umat manusia sepanjang zaman. Ini kerana Allah SWT telah meletakkan Baginda SAW¹⁰ sebagai satu gambaran yang lengkap terhadap cara hidup Islam merangkumi akhlaknya yang begitu luhur (Ulwan, 1998). Baginda SAW adalah

¹⁰ Keperibadian Baginda SAW telah diumpamakan oleh isteri Baginda sendiri iaitu Sayyidatina ‘Aishah R.A. apabila ditanya, apakah akhlak Rasulullah SAW? Beliau menjawab akhlak Rasulullah SAW adalah al-Qur'an.

model terbaik dan ideal dalam kesempurnaan keperibadiannya yang sepatutnya dicontohi, sebagaimana firman Allah SWT mengenai akhlak Baginda SAW di dalam surah al-Ahzab (33), ayat 21 dan surah al-Qalam (52), ayat 4.

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أَسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ
وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Al-Quran, Surah Al-Ahzab (33): 21

“(21) Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah SAW itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) Allah SWT dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah SWT banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”.

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Al-Quran, Surah Al-Qalam (68): 4

“(4) Dan bahawa sesungguhnya Engkau (Muhammad SAW) mempunyai akhlak yang amat mulia.”

Pendekatan contoh tauladan merupakan satu kaedah yang sangat ideal diterapkan dalam pendidikan. Keperibadian anak dapat ditentukan dan akan terbentuk daripada contoh tauladan yang ditunjukkan oleh ibu bapanya. Begitu juga keperibadian murid yang baik akan terbentuk daripada ketauladanan yang diperlihatkan oleh para pendidiknya. Seorang murid akan bersifat benar dan amanah, berakhlik mulia, pemurah, berani dan bermaruah sekiranya gurunya berperwatakan baik. Begitu juga sebaliknya murid akan bersifat negatif jika gurunya bersifat buruk dalam perlakunya.

Guru bertanggungjawab mendidik muridnya dengan menanamkan elemen yang baik sesuai dengan anjuran Islam di samping menjadi contoh tauladan seperti mana yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW sehingga mereka menjadi seorang yang kuat menghadapi rintangan, beriman dan tidak mudah mengalah (Jamal Abdul Rahman, 2000). Interaksi yang baik antara pendidik dan murid merupakan komponen penting bagi memastikan keberlangsungan proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, sistem pendidikan yang efektif perlu mempunyai strategi pembelajaran yang sistematik supaya pengaplikasiannya dapat melahirkan murid yang berdaya saing. Pelaksanaan terhadap strategi pembelajaran ini memerlukan penguasaan pendidik dalam bidang ilmu falsafah, ilmu jiwa, metode pembelajaran dan pengelolaan kelas untuk membantu mereka mengendalikan kelas secara professional (Abuddin Nata, 2009).

Pendidikan melalui pendekatan konsep pembiasaan terhadap nilai-nilai murni dalam pendekatan pendidikan juga sangat penting. Sebagai contoh, pendidikan solat mestilah dilazimi bermula pada awal usia lagi dengan menjadikan ibu-bapa sebagai ikutan mereka dalam menunaikan solat sehingga mereka mengalih alih kepada perintah dan larangan lain yang telah ditetapkan dalam Islam. Amalan membiasakan anak-anak untuk bersembahyang adalah penting supaya mereka terlazim dan membesar dalam keadaan yang faham tentang tujuan sebenar sembahyang walaupun pada awalnya mereka tidak memahami tentang apa yang dilakukan dan diamalkan (Ulwan, 1998).

Tambahan itu, persekitaran juga sememangnya memberikan pengaruh ke atas perkembangan dan perubahan tingkah laku pelajar, namun tidak secara keseluruhan. Sejarah kelahiran Muhammad SAW dalam keadaan persekitaran masyarakat jahiliyah seperti masyarakat yang mengamalkan budaya perkauman, penyembahan berhala, pembunuhan, minum arak, berzina dan peperangan pada ketika itu tidak mempengaruhi pembentukan keperibadian Baginda menjadi negatif, malah Baginda menjadi Nabi SAW kerana watak dan sifatnya yang dijaga sejak kelahiran dan mendapat bimbingan

langsung dari Allah SWT (Al-Mubarakfuri, 2005). Pengukuhan proses pendidikan melalui pendekatan psikologi yang dianjur dalam Islam boleh memainkan peranan sebagai satu kaedah pembinaan jati diri seseorang individu.

Pendidikan melalui cara mendampingi anak-anak secara berterusan untuk membentuk sahsiah yang baik juga disarankan dalam Islam. Di samping itu, ia sebagai persediaan keperibadian yang unggul untuk berhadapan dengan masyarakat kelak.

4.4 Kerangka Teori Kajian

Berdasarkan perbincangan literatur berkenaan pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman daripada perspektif sains kelakuan dan tradisi Islam didapati kajian memfokus kepada teori pembelajaran. Teori *behaviourisme* melalui konsep teori pelaziman *operan* atau teori pelaziman kaedah cuba jaya yang dipelopori oleh Thorndike dan Skinner telah mengemukakan konsep penggunaan peneguhan (sama ada berbentuk peneguhan positif dan/atau peneguhan negatif) dan denda. Pemberian peneguhan ini merupakan rangsangan luar ke atas individu untuk meningkatkan tingkah laku baik dan mengurangkan tingkah laku yang tidak memberikan manfaat.

Teori peneguhan tingkah laku daripada tradisi Islam pula diambil berdasarkan konsep pendekatan yang selari dengan kehendak dan naluri manusia yang sukakan ganjaran yang menyeronokkan, dan mempunyai sensitiviti perasaan takut dan risau kepada hukuman yang menyakitkan. Konsep peneguhan ini dikenali sebagai *targhib* iaitu pendekatan berbentuk dorongan untuk melakukan kebaikan, *tarhib* iaitu pendekatan berbentuk dorongan untuk mengurangkan tingkah laku yang tidak diingini, dan ‘*uqubah* pemberian hukuman/denda ke atas kesalahan yang dilakukan untuk mengurangkan berlakunya kembali tingkah laku tersebut.

Berdasarkan kedua-dua perspektif didapati konsep ini telah digunakan sebagai kerangka teori dalam kajian ini.

4.5 Analisis Persamaan dan Perbezaan Isu

Pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman merupakan isu yang telah dibincangkan dalam bidang pendidikan. Berdasarkan analisis daripada maklumat yang diperolehi daripada aspek sains kelakuan dan tradisi Islam didapati wujud aspek persamaan dan perbezaan. Persamaan dan perbezaan yang telah dikenalpasti dibincang di bawah.

a) Persamaan Isu

Berdasarkan analisis maklumat, didapati pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman dalam tradisi Islam turut digunakan dalam bidang sains kelakuan melalui kajian eksperimental. Terdapat tiga aspek persamaan yang ditemui seperti mana Jadual 4.4.

Jadual 4.4: Jadual Persamaan Isu

Bil	Perspektif Islam	Sains Kelakuan
1	Pendekatan dalam pendidikan dinamakan sebagai <i>targhib</i> , <i>tarhib</i> , dan ‘ <i>uqubah</i> disamping terdapat juga panduan pendidikan yang telah digariskan oleh sarjana Islam. Penasihat/ peringatan tentang pemberian ganjaran dan hukuman sebagai satu pendekatan proses pendidikan dalam pengukuhan dan pembangunan akhlak manusia.	Pendekatan pendidikan yang diamalkan dalam sains kelakuan dikenali sebagai pelaziman klasik dan pelaziman operan. Pemberian ganjaran dan hukuman memfokus kepada teori pelaziman operan. Pemberian ganjaran dan hukuman dalam proses pendidikan sebagai pengukuhan peningkatan disiplin dan tingkah laku seseorang.

Jadual 4.4, sambungan

Bil	Perspektif Islam	Sains Kelakuan
2	<p>Pemberian ganjaran (fizikal dan bukan fizikal) dan hukuman (fizikal dan bukan fizikal) melalui pendekatan Al-Quran, hadis dan pandangan sarjana Islam melibatkan rangsangan dan pengaruh emosi yang membentuk tingkah laku.</p> <p>Namun ianya dibenarkan/dihalalkan selagi tidak bertentangan dengan konsep dan peraturan yang ditetapkan oleh agama.</p>	Pemberian ganjaran fizikal dan bukan fizikal (contoh: pujian/ pemberian hadiah/ leteran/ teguran), dan hukuman fizikal dan bukan fizikal (contoh: rotan/ dendaan) juga berkait rapat dengan penglibatan rangsangan deria dan emosi.
3	<p>Manusia secara semulajadi mempunyai naluri untuk mencari perasaan menyenangkan dan mengelakkan rangsangan yang tidak menyenangkan.</p>	Subjek kajian hanya akan melakukan sesuatu yang dapat memberikan faedah dan keseronokan kepada mereka sahaja, sebaliknya organisme akan mengelak daripada melakukan sesuatu jika ia akan menyakitkan atau membawa bahaya kepada diri mereka.

Persamaan dikenalpasti berdasarkan konsep peneguhan yang sama diamalkan, tetapi berbeza daripada penggunaan istilah. Pendekatan *targhib*, *tarhib*, dan ‘*uqubah* merupakan konsep peneguhan yang digunakan di dalam Al-Quran dan hadis. Pengamalan ini digunakan untuk membentuk fitrah dan keinginan manusia berdasarkan seperti mana yang telah digariskan dalam Islam. Sarjana Islam telah menjelaskan bahawa psikologi pendidikan menurut Al-Quran dan hadis ini mencakupi keseluruhan aspek kehidupan manusia melalui konsep galakan dan ancaman yang diterapkan dalam sesuatu tingkah laku. Sebagai contoh, gesaan dan ancaman yang diambil dalam pemahaman konteks hadis berkenaan penekanan pendidikan solat anak-anak dengan memberikan mereka hukuman apabila tidak mahu mengerjakan solat apabila telah mencapai umur baligh.

Begitu juga daripada aspek sains kelakuan, teori pelaziman operan adalah pendekatan yang mengaitkan pemberian ganjaran dan hukuman ke atas respon tingkah laku seseorang. Pemberian peneguhan positif akan mendorong seseorang mengekalkan dan meningkatkan prestasi baiknya, manakala peneguhan negatif juga dapat membantu meningkatkan prestasi dengan mengelakkan diri daripada menerima rangsangan yang tidak menyenangkan. Hukuman pula dapat membantu seseorang mengurangkan tingkah laku yang tidak diingini. Ahli psikologi dalam bidang pendidikan bersetuju bahawa pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman berupaya mengukuhkan dan mempengaruhi tingkah laku seseorang melalui latihan berulang kali yang diberikan.

Pemberian peneguhan positif seperti pujian dan pemberian hadiah; peneguhan negatif seperti leteran dan teguran, dan hukuman seperti rotan adalah melibatkan rangsangan deria dan emosi seseorang. Ini bertepatan dengan teori pelaziman operan yang menyatakan hubungkait sesuatu rangsangan bertindak balas secara langsung ke atas individu tersebut. Sebagai contoh Albert, seorang budak telah dijadikan bahan kajian untuk menunjukkan bahawa Albert yang asalnya tidak takut kepada tikus, berubah menjadi takut dan menangis setelah bunyi (peneguhan) kuat yang menakutkan disertakan setiap kali tikus diberikan kepadanya.

Pemberian ganjaran dan hukuman yang dibenarkan/dihalalkan dalam tradisi Islam juga menjelaskan pemberian ini melibatkan rangsangan dan pengaruh emosi yang membentuk tingkah laku. Emosi dan jiwa bagi seseorang yang beriman sangat berkait rapat dengan tahap kehambaan dan hubungannya kepada Allah SWT. Contoh ganjaran yang dijanjikan di dalam Al-Quran seperti nikmat syurga dapat merangsang emosi dan mempengaruhi perubahan tingkah laku (keperibadian) seseorang. Hal ini disebabkan naluri manusia secara semulajadi suka kepada perasaan menyenangkan dan tidak suka kepada rangsangan yang tidak menyenangkan.

Aspek sains kelakuan telah menyatakan perkara yang sama iaitu subjek kajian hanya akan melakukan sesuatu yang dapat memberikan faedah dan keseronokan kepada mereka sahaja, sebaliknya mengelak melakukan sesuatu yang menyakitkan atau membawa bahaya kepada diri mereka.

b) Perbezaan Isu

Berdasarkan analisis, terdapat empat perbezaan yang ditonjolkan seperti mana yang dibincangkan di dalam Jadual 4.5.

Jadual 4.5: Jadual Perbezaan Isu

Bil	Perspektif Islam	Sains Kelakuan (Neurosains)
1	Anugerah akal dikaitkan dengan roh dan peranannya merupakan sesuatu yang tidak dapat dibuktikan secara fizikal dalam tindak tanduk manusia	Penglibatan struktur komponen otak berfungsi sebagai pusat aktiviti tingkah laku manusia. Aktiviti sel saraf sebagai penjana tingkah laku.
2	Al-Quran dan hadis sebagai dasar dan hujah kepada kebenaran penemuan saintifik, manakala kajian makmal yang dilakukan sebagai metodologi pengesahan bagi penemuan tersebut	Pembuktian kebenaran saintifik melalui eksperimen makmal dijadikan hujah dengan menolak wahyu sebagai dasar teras
3	Pendekatan digunakan agar manusia kembali kepada hakikat kejadian asal melalui aktiviti tadabbur ayat-ayat Al-Quran untuk beribadat dan mendekatkan diri kepada Tuhan, secara langsung akan membentuk tingkah laku yang baik Konsep pengukuhan sebagai kaedah mencapai tahap spiritual, sifat kehambaan dan kepatuhan yang bersifat kekal kepada Tuhan	Pendekatan digunakan dalam penyelidikan secara eksperimen dalam makmal kepada haiwan (umumnya) untuk mengesahkan kebenaran sesuatu teori Konsep pengukuhan adalah sebagai mekanisma membentuk tingkah laku semata-mata tanpa penekanan konsep ketauhidan, spiritual dan kejiwaan

Jadual 4.5, sambungan

Bil	Perspektif Islam	Sains Kelakuan (Neurosains)
4	Konsep yang bukan sahaja terhenti di dunia sahaja, tetapi ia bersifat berpanjangan sehingga di akhirat melibatkan balasan baik dan buruk bergantung kepada amalan yang dilakukan	Konsep yang bersifat semasa dan sementara di dalam kehidupan, iaitu berlaku sebelum atau selepas melakukan sesuatu

Sains kelakuan menyatakan otak adalah suatu komponen utama SSP yang bertindak sebagai pusat berlakunya aktiviti pemprosesan maklumat yang melibatkan fungsi mental seperti pembelajaran, penghafazan, pemikiran, perancangan, emosi dan perasaan. Sistem limbik dan hipokampus dikaitkan sebagai bahagian otak yang bertanggungjawab mengawal emosi dan kelakuan serta memori tertentu. Dari aspek anatomi dan psikologi, otak manusia agak berbeza berbanding dengan kebanyakan otak haiwan. Sarjana-sarjana Barat mengakui bahawa otak yang kedudukan lazimnya lebih tinggi dari bahagian tubuh lain adalah pusat kawalan emosi dan memori bagi manusia. Namun, bidang sains kelakuan mempunyai keterbatasan dalam membincangkan mengenai otak.

Fungsi otak dalam Islam dapat diperhatikan melalui aktiviti pemerhatian atau cerapan ke atas alam semulajadi, dan turut dikaitkan dengan akal. Pemerhatian dan cerapan merupakan aktiviti pembelajaran yang melibatkan proses yang sangat kompleks. Sarjana Islam meletakkan akal sebagai satu anugerah yang paling sempurna kepada manusia kerana dengannya manusia adalah paling mulia berbanding makhluk lain. Otak berfungsi untuk berfikir, maka aktiviti berfikir ini dikatakan sebagai akal yang berhubung dengan jiwa dan roh manusia.

Perbezaan lain yang dikenalpasti adalah berkaitan perbezaan ideologi dan kepercayaan di antara ahli psikologi Barat dan Muslim dalam sesuatu kajian. Haque (2004) menyatakan berlaku penafian unsur agama di dalam setiap urusan/ proses penyelidikan yang dilakukan oleh Barat, sedangkan Muslim menekankan aspek ketauhidan dalam proses penyelidikan mereka. Terdapat beberapa ahli psikologi Barat yang mempunyai pandangan berbeza dan secara jelas menolak unsur-unsur spiritual. Konsep pengukuhan yang dilazimkan dalam sains kelakuan melalui teori pembelajaran ini hanyalah sebagai mekanisma dalam membentuk tingkah laku semata-mata, tanpa menekankan konsep ketauhidan yang melibatkan aspek spiritual dan kejiwaan.

Sains kelakuan dalam pembuktikan kebenaran saintifik melalui eksperimen telah menjadikan penemuan tersebut sebagai hujah menolak peranan sumber tradisi Islam dalam pengesahannya. Tetapi, pendekatan Islam dalam membuktikan kesahan penemuan kajian saintifik adalah berdasarkan sumber seperti Al-Quran, hadis dan ijтиhad sarjana Muslim pada ketika itu. Kajian makmal pula dijadikan sebagai pembuktian dan pengesahan bagi penemuan tersebut.

Umumnya, pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan secara eksperimental dalam makmal atau di lapangan adalah untuk mengesahkan kebenaran sesuatu teori tingkah laku. Bagi mendapatkan ‘kebenaran’, haiwan dan manusia dijadikan sebagai subjek uji kaji/pencerapan dengan mengukur tindak balas kelakuan setelah diberikan rangsangan luar. Konsep pengukuhan tingkah laku melalui pemberian ganjaran dan hukuman daripada aspek sains kelakuan adalah bersifat semasa dan sementara di dalam kehidupan, iaitu berlaku pada sebelum atau selepas melakukan sesuatu. Manakala konsep peneguhan dalam Islam bukan sahaja terhenti di dunia, tetapi ia bersifat berpanjangan sehingga di akhirat melibatkan balasan baik dan buruk bergantung kepada amalan yang dilakukan.

Sebagai rumusan, didapati wujud pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman daripada perspektif sains kelakuan dan tradisi Islam. Pengamalan dalam sains kelakuan adalah merujuk kepada teori pembelajaran pelaziman *operan* yang menyatakan tingkah laku seseorang boleh ditingkatkan dengan pemberian rangsangan berbentuk peneguhan positif, peneguhan negatif dan pemberian hukuman. Manakala dalam tradisi Islam, konsep peneguhan dikenalpasti sebagai pemberian *targhib*, *tarhib* dan ‘*uqbah*. Berdasarkan analisis maklumat, didapati juga persamaan dan perbezaan isu yang dibincangkan dalam Bab 4.

BAB 5: DAPATAN KAJIAN KES (KAJIAN LAPANGAN)


5.1 Program Hafazan Al-Quran

Dua kaedah digunakan dalam kajian kes ini, melibatkan; (a) pengutipan data daripada dokumen sekolah seperti buku panduan dan brosur, dan (b) menemubual responden yang terdiri daripada seorang penggubal buku panduan, enam orang guru, dan sepuluh orang murid. Kedua-dua kaedah ini dijadikan bahan daptatan utama dalam pengutipan data berkaitan pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman yang dipraktikkan di sekolah kajian dan aktiviti hafazan Al-Quran. Berdasarkan buku panduan dan brosur didapati sekolah kajian mempunyai modul dan jadual hafazan Al-Quran yang disusun dengan baik oleh pihak Yayasan Terengganu.

5.1.1 Pendekatan *Ulul al-Bab*

Sekolah kajian telah menggunakan pendekatan *Ulul al-Bab* yang memfokus kepada penghafazan Al-Quran, disamping aktiviti pembelajaran akademik lain. Program *Ulul al-Bab* bertujuan melahirkan murid yang berdaya saing dan mempunyai jati diri yang kental disamping mampu mencapai dan menguasai elemen-elemen yang digariskan, iaitu *quranik*, *ensiklopedik* dan *ijtihadik* (Yayasan Terengganu, t.t).

Ketiga-tiga ciri yang digagaskan ini adalah bersandarkan kepada konsep dan pendekatan *Ulul al-Bab* yang dibincangkan di dalam Al-Quran. Pendekatan ini diterajui oleh Idris Jusoh pada tahun 2004-2008 sebagai projek rintis ketika menjadi Menteri Besar Terengganu pada waktu itu (Idris Jusoh, 2008). Rajah 5.1 merupakan konsep *ulul al-bab* yang diterapkan di sekolah kajian.



Rajah 5.1: Konsep Program *Ulul al-Bab*
(diambil dari brosur sekolah kajian)

Berdasarkan brosur, elemen bercirikan *quranik* membawa maksud murid yang mampu menghafaz Al-Quran sebanyak 30 juzuk serta dapat memahami tuntutan di dalam Al-Quran berdasarkan konsep baca, ingat, faham, fikir, amal dan sebar.

Elemen bercirikan *ensiklopedik* pula menggambarkan istilah asal dari bahasa Inggeris, iaitu “*encyclopaedic*” yang bermaksud murid yang mampu menguasai pelbagai pengetahuan dan bidang ilmu dengan meluas, mempunyai kemahiran yang tinggi dan mampu menjadi tempat rujukan disamping mampu menguasai pelbagai bahasa asing.

Manakala elemen bercirikan *ijtihadik* pula berasal dari bahasa Arab, iaitu “*ijtihad*” yang bermaksud seorang murid yang berkeupayaan untuk melontarkan idea sebagai penyelesaian kepada masalah yang dihadapi masyarakat, mampu

memaksimumkan keupayaan otak dan minda, mampu berfikiran kreatif dan inovatif serta berupaya menguasai bidang teknologi tinggi.

5.1.2 Jadual Aktiviti Pembelajaran

Didapati jadual pengajaran dan pembelajaran (P&P) di sekolah kajian dibahagikan kepada dua sesi, iaitu sesi penghafazan Al-Quran dan sesi pembelajaran akademik. Penghafazan Al-Quran melibatkan murid menengah rendah (tingkatan 1, 2, dan 3), dan murid menengah atas (tingkatan 4 dan 5). Berdasarkan buku panduan dan brosur serta maklumat yang diperoleh daripada guru-guru, didapati jadual pembelajaran adalah seperti Jadual 5.1.

Jadual 5.1: Jadual Aktiviti Pembelajaran Murid Menengah Rendah di Sekolah Kajian

Masa	Aktiviti		
5.00 pagi	-persiapan diri/ <i>qiamullail</i> 2 kali sebulan -solat subuh -kelas persediaan Al-Quran (ulangkaji ATB) -sarapan		
6.15 pagi	-kelas persediaan Al-Quran (ulangkaji ATB) -sarapan		
7.40 pagi	Kelas <i>tasmi'</i> program hafazan Al-Quran		
	Ahad, Isnin dan Rabu	Selasa	Khamis
	Murid men. rendah 7.40 pagi – 9.40 pagi	Murid men. rendah 7.40 pagi – 9.20 pagi	Murid men. rendah 7.40 pagi – 9.40 pagi
	Murid men. tinggi 7.40 pagi – 9.00 pagi	Murid men. tinggi 7.40 pagi – 8.15 pagi	Murid men. tinggi 7.40 pagi – 8.20 pagi
9.40 pagi	-kelas akademik (fasa 1)		
10.50 pagi	-rehat/dhuha		
11.20 pagi	-kelas akademik (fasa 2)		
12:30 tengahari	-tidur <i>qailullah</i> (30 minit), makan tengahari dan solat zuhur		
2.15 petang	-kelas akademik (fasa 3)		
4.35 petang	-rehat/minum petang		

Jadual 5.1, sambungan

Masa	Aktiviti
5.00 petang	-ulangkaji hafazan Al-Quran, bergantung kepada aktiviti sekolah seperti rekreasi/kokurikulum.
6.30 petang 7.30 malam	-makan malam dan solat maghrib -kelas persediaan Al-Quran (hafazan baru) -murid men. rendah; kelas tamat pada jam 9.30 malam, kecuali murid tingkatan 3 yang berada dalam penggal persekolahan kedua, kelas tamat jam 9.00 malam. -murid men. tinggi; kelas tamat pada jam 9.00 malam. -solat isyak
9.00 malam	-kelas persediaan akademik sehingga jam 10.30 malam.

Jadual aktiviti pembelajaran murid di sekolah kajian bermula dengan persiapan kendiri se-awal jam 5.00 pagi. Program *qiamullail* untuk semua murid dijadualkan diadakan dua kali sebulan. Sesi kelas persediaan Al-Quran untuk ulangkaji ayat *tasmi'* (memperdengarkan bacaan) baru (ATB) dimulakan selepas solat subuh, seterusnya murid-murid bersarapan sebelum memulakan sesi persekolahan.

Sesi kelas Al-Quran bagi program pelaksanaan *tasmi'* (memperdengarkan bacaan) hafazan Al-Quran dalam kalangan murid menengah rendah dan menengah tinggi mempunyai perbezaan waktu mengikut hari. Lazimnya, kelas hafazan bermula di awal waktu persekolahan selepas perhimpunan pagi, iaitu bermula pada jam 7.40 pagi. Kelas hafazan diadakan di surau dan kelas. Kelas ini melibatkan program *tasmi'* yang diwajibkan kepada murid-murid untuk memperdengarkan bacaan dan hafalan ayat *tasmi'* baru (ATB) dan ayat *tasmi' murajaah* (ulangkaji) (ATM) mereka. Pada hari Ahad, Isnin dan Rabu, kelas bagi murid menengah rendah bermula jam 7.40 pagi sehingga jam 9.40 pagi. Manakala murid menengah tinggi pula, bermula jam 7.40 pagi sehingga jam 9.00 pagi. Jadual pada hari Selasa dan Khamis didapati tidak sama. Kelas *tasmi'* pada hari Selasa bagi murid menengah rendah adalah bermula jam 7.40 pagi

sehingga jam 9.20 pagi sahaja. Manakala kelas bagi murid menengah tinggi bermula jam 7.40 pagi sehingga jam 8.15 pagi. Hal ini disebabkan terdapat aktiviti kokurikulum yang dijadualkan pada waktu petang. Jadual kelas *tasmi'* pada hari Khamis bagi murid menengah rendah pula adalah seperti hari Ahad, Isnin dan Rabu, iaitu bermula jam 7.40 pagi sehingga jam 9.40 pagi. Manakala murid menengah tinggi pula bermula jam 7.40 pagi sehingga jam 8.20 pagi. Didapati waktu sesi pembelajaran hafazan Al-Quran murid menengah tinggi dikurangkan disebabkan mereka perlu menumpukan sesi pembelajaran akademik bagi menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Setelah selesai kelas *tasmi'* program hafazan Al-Quran, murid-murid kemudiannya mengikuti sesi pembelajaran akademik. Sesi pembelajaran akademik terbahagi kepada tiga (3) fasa, iaitu bermula pada jam 9.40 pagi sehingga jam 10.50 pagi bagi fasa 1, jam 11.20 pagi sehingga jam 12.30 tengahari bagi fasa 2, dan jam 2.15 petang sehingga jam 4.35 petang bagi fasa 3. Murid-murid akan berehat pada waktu rehat selepas kelas akademik fasa 1, dan diminta untuk menunaikan solat dhuha terlebih dahulu sebelum memulakan kelas akademik yang seterusnya. Semasa waktu rehat selepas kelas akademik fasa 2 pula murid-murid diberikan kelonggaran untuk *qailullah* (tidur sebentar) dan makan tengahari sebelum memulakan kelas akademik untuk fasa 3.

Ulangkaji hafazan Al-Quran seterusnya bersambung pada sesi petang, bermula selepas solat asar sehingga jam 6.30 petang, namun ia bergantung kepada jadual dan aktiviti sekolah ketika itu. Contohnya, jika terdapat aktiviti seperti rekreasi dan kokurikulum, sesi mengulang kaji ayat hafazan dibatalkan. Kelas persediaan Al-Quran untuk hafazan ayat baru dijadualkan mengikut peringkat menengah rendah dan menengah tinggi. Bagi murid menengah rendah, kelas ulangkaji hafazan bermula selepas maghrib sehingga sehingga jam 9.30 malam. Tetapi bagi murid menengah rendah, khususnya murid tingkatan 3 yang berada dalam penggal persekolahan kedua dan akan menghadapi peperiksaan PMR, kelas ulangkaji hafazan ditamatkan pada jam

9.00 malam. Begitu juga bagi murid menengah tinggi, kelas ulangkaji bermula selepas maghrib dan ditamatkan pada jam 9.00 malam. Setelah solat isya', mereka akan mengikuti kelas persediaan akademik sehingga jam 10.30 malam.

5.1.3 Sasaran Hafazan

a) Sasaran Hafazan Tahunan

Penetapan sasaran hafazan tahunan yang perlu dicapai oleh murid-murid telah ditentukan oleh pihak Yayasan Terengganu dan sekolah. Setiap murid akan dilatih untuk menghafaz 10 juzuk Al-Quran setahun. Oleh kerana aktiviti pembelajaran hafazan Al-Quran tertumpu kepada murid menengah rendah (tingkatan 1 sehingga tingkatan 3), ini bermakna dalam tempoh 3 tahun, mereka disasarkan untuk menghafaz 30 juzuk Al-Quran. Pihak Yayasan Terengganu telah menetapkan sebanyak 10 juzuk pertama yang perlu dihafaz oleh murid di tingkatan 1, 10 juzuk kedua perlu dihafaz oleh murid tingkatan 2, dan 10 juzuk terakhir perlu dihafaz oleh murid tingkatan 3.

Penetapan sasaran juzuk hafazan ke atas murid tingkatan 1, 2 dan 3 bukanlah wajib, tetapi perlu dicapai sebelum mereka menamatkan pengajian di sekolah ini. Oleh itu, bagi murid tingkatan 4 dan 5 yang masih belum dapat menyelesaikan 30 juzuk hafazan, mereka dikehendaki terus terlibat dengan aktiviti hafazan untuk memenuhi syarat hafazan penuh sebelum menamatkan pengajian berdasarkan kemampuan mereka. Manakala bagi murid di tingkatan 4 dan tingkatan 5 yang telah selesai hafazan 30 juzuk Al-Quran, mereka juga dikehendaki mengulang semula hafazan mereka di hadapan guru dengan pemantauan semula tahap bacaan supaya bacaan dan hafazan menjadi lebih lancar dan tidak terlupa.

b) Sasaran Hafazan Harian

Pihak Yayasan Terengganu dan sekolah telah menetapkan sasaran hafazan harian kepada setiap murid. Mereka dikehendaki menghafaz satu muka surat bagi ayat hafazan yang baru (ATB) dan memperdengarkan bacaan hafazan Al-Quran (ATM) secara ulangan dengan kadar minimum sebanyak tiga muka surat setiap hari sebagai amalan proses pembelajaran hafazan.

Di dalam kelas *tasmi'*, guru akan memantau untuk satu jam pertama di dalam setiap kumpulan hafazan dengan mendengar dan menyemak bacaan dan hafazan ayat *tasmi'* baru (ATB) murid-murid. Pada satu jam keduanya pula, murid-murid akan memperdengarkan bacaan dan hafazan ayat-ayat *tasmi' murajaah* (ayat hafazan ulangan) pula di hadapan guru-guru. Contohnya, murid menghafal potongan ayat-ayat Al-Quran pada muka surat 201 (ATB) pada hari tersebut, maka guru akan pastikan murid tersebut boleh membaca hafazan yang dihafalnya pada hari sebelumnya di muka surat 200. Begitu juga pada hari berikutnya, murid tersebut berjaya menghafal ayat Al-Quran pada muka surat 202, maka murid dikehendaki mengulang hafazan sebelumnya (muka surat 200 dan 201) pada kelas *tasmi'* tersebut.

5.2 Konsep Peneguhan Dalam Penghafazan Al-Quran

Berdasarkan perbincangan pada bab 4, Jadual 5.2 berikut merupakan konsep peneguhan melalui pemberian ganjaran dan hukuman yang terdapat dalam penghafazan Al-Quran di sekolah kajian.

Jadual 5.2: Konsep Peneguhan dalam Konteks Penghafazan Al-Quran

Ganjaran Positif	Ganjaran Negatif	Hukuman
<p>Pemberian suatu rangsangan berdasarkan tingkah laku murid yang ditunjukkan lalu menyebabkan perlakuan itu diulangi atau kebarangkalian ia dilakukan diperkuatkan lagi.</p> <p>Contoh: Di dalam kelas hafazan, ganjaran positif ini diberikan kerana pencapaian baik dan menjadikannya satu bentuk motivasi untuk penghafazan yang lebih cemerlang.</p>	<p>Pemberian suatu rangsangan yang tidak selesa atau menyakitkan berdasarkan tingkah laku yang ditunjukkan supaya mendorong murid tersebut meningkatkan tingkah laku yang dapat mengelak atau mengurangkan keadaan yang tidak selesa/ menyakitkan ke atas diri mereka berlaku.</p> <p>Contoh: Pemberian berupa peringatan yang bersifat ancaman kepada murid.</p>	<p>Pemberian yang akan melemah atau mengurangkan berulangnya tingkah laku yang tidak diingini. Hukuman adalah tindakan negatif yang membawa kepada pengurangan dalam kekerapan berlakunya tingkah laku tidak diingini tersebut.</p> <p>Contoh: Denda yang menyebabkan murid tidak mengulangi kesalahan tidak menghafaz Al-Quran seperti yang telah ditetapkan.</p>

a) Ganjaran Positif

Berdasarkan Jadual 5.2, ganjaran positif adalah pemberian suatu rangsangan berdasarkan tingkah laku murid yang ditunjukkan lalu menyebabkan perlakuan itu diulangi atau kebarangkalian ia dilakukan diperkuatkan lagi. Dalam konteks hafazan Al-Quran di sekolah kajian, ganjaran positif diberikan berdasarkan prestasi hafazan yang telah ditunjukkan oleh murid untuk meningkat hafazan Al-Quran. Ia bertindak sebagai galakan melibatkan sesuatu motivasi; yang digemari dan disenangi supaya murid terus terdorong dan konsisten dengan prestasi hafazan yang cemerlang, agar dapat mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Pendekatan ini juga meningkatkan keyakinan diri murid supaya tidak terbeban dengan hafazan 30 juzuk Al-Quran yang perlu dicapai, disamping perlu mengikuti sesi pembelajaran akademik secara harian. Lazimnya jenis pemberian ganjaran ini adalah berdasarkan kepada ketetapan pihak Yayasan Terengganu dan

sekolah, namun ia juga bergantung kepada inisiatif guru sendiri, seperti menggunakan sumber kewangan sendiri untuk membelikan hadiah yang bersesuaian setiap kali sesi pembelajaran.

Ganjaran positif dapat dikategorikan kepada ganjaran berbentuk material dan bukan material. Sebagai contoh, pemberian ganjaran material berbentuk barang berfaedah yang boleh digunakan dan dimanfaati oleh murid, seperti pen, kitab, dan lain-lain. Ganjaran bukan material pula tidak melibatkan barang fizikal seperti memberikan pujian atau mengangguk-angguk kepala tanda menyetujui jawapan yang diberikan murid-murid. Sebagai contoh, murid berasa bangga apabila namanya disebut/dipuji sebagai murid yang cemerlang dalam ujian hafazan Al-Quran semasa berada dalam perhimpunan sekolah. Kesannya murid dapat mengekalkan prestasi baik dan juga dapat membantu murid yang lain menggandakan usaha supaya dapat memantapkan hafazan Al-Quran.

b) Ganjaran Negatif

Ganjaran negatif merupakan pemberian suatu rangsangan yang tidak selesa atau menyakitkan berdasarkan tingkah laku yang ditunjukkan supaya mendorong murid tersebut meningkatkan tingkah laku yang dapat mengelak atau mengurangkan keadaan yang tidak selesa/menyakitkan ke atas diri mereka. Dalam konteks ini ganjaran negatif berfungsi sebagai ancaman atau peringatan kepada murid agar sentiasa bersungguh-sungguh meningkatkan prestasi hafazan supaya tidak dikenakan denda. Pemberian ganjaran negatif lazimnya telah diketahui oleh murid-murid melalui buku panduan pada awal sesi pembelajaran. Selain itu, guru juga menggunakan inisiatif sendiri memberikan ugutan/ peringatan kepada murid jika tidak dapat menghafaz dengan baik.

Ganjaran negatif dapat dikategorikan sebagai suatu peringatan denda berbentuk fizikal dan peringatan denda berbentuk bukan fizikal. Contoh peringatan denda berbentuk fizikal adalah seperti peringatan kepada murid supaya menghafaz ayat *tasmi'* baru (ATB) pada keesokan hari, jika tidak berjaya murid akan dirotan. Peringatan akan dirotan ini adalah tindakan berbentuk ancaman yang tidak selesa/menyakitkan kepada murid. Kesannya, murid terpaksa bersungguh-sungguh dan mengandakan usaha menghafaz seperti yang diminta oleh guru untuk mengelakkan dari dikenakan rotan.

Manakala peringatan denda berbentuk bukan fizikal pula dapat dilihat melalui peruntukan tindakan-tindakan ke atas kesalahan yang tidak menyenangkan murid seperti yang digariskan di dalam buku panduan. Contohnya, peringatan mengikuti kem pengukuhan hafazan dengan menyekat tempoh cuti persekolahan akhir tahun kepada murid yang tidak mencapai 10 juzuk hafazan dalam tempoh setahun. Contohnya, untuk cuti dua minggu, murid akan dikuarantinkan seminggu untuk kem hafazan, manakala seminggu lagi adalah untuk bercuti. Peringatan mengikuti kem hafazan ini sebagai ancaman yang tidak selesa kepada semua murid. Kesannya murid akan berusaha mengelakkan diri dari dikenakan mengikuti kem hafazan.

c) Hukuman

Pemberian hukuman merupakan tindakan negatif yang melemahkan atau mengurangkan kekerapan berulangnya tingkah laku murid yang tidak diingini. Dalam pembelajaran hafazan Al-Quran, hukuman yang diberikan adalah akibat kegagalan mencapai sasaran hafazan yang ditetapkan. Ia bertindak sebagai pengajaran kepada murid tersebut dan murid yang lainnya supaya mereka tidak akan mengulangi semula, di samping berusaha meningkatkan prestasi.

Pemberian hukuman dalam penghafazan Al-Quran ini dapat dikategorikan kepada hukuman berbentuk fizikal dan hukuman berbentuk bukan fizikal. Contoh hukuman berbentuk fizikal, murid didenda menghafaz dalam keadaan berdiri akibat malas menghafaz ayat-ayat *tasmi'* seperti yang telah ditetapkan. Denda tersebut bertindak memberikan pengajaran kepada murid supaya tidak mengulangi tingkah laku malas dan berusaha meningkatkan hafazan.

Hukuman berbentuk bukan fizikal pula adalah seperti denda berupa penyenaraian hitam nama murid yang mempunyai rekod hafazan yang tidak baik kepada peringkat pentadbiran sekolah. Murid tersebut dihantar berjumpa pihak berwajib untuk diberikan kaunseling dan peringatan.

Pemberian hukuman dan ganjaran negatif mempunyai perkaitan yang rapat antara satu sama lain, namun kedua-duanya mempunyai perbezaan. Hukuman merupakan sesuatu pemberian yang bersifat mendenda seperti memukul dan mencubit akibat kegagalan mencapai sasaran. Ganjaran negatif pula adalah suatu pendekatan berbentuk peringatan yang diberikan bertujuan sebagai ancaman supaya tidak dimasukkan ke dalam kumpulan murid yang lebih rendah tahapnya atau tidak disenarai hitam namanya ke dalam program kuarantin.


5.3 Dapatan Dokumen Sekolah

Berdasarkan dapatan, terdapat satu dokumen yang dijadikan sebagai rujukan utama dalam pengumpulan maklumat berkaitan dengan pemberian peneguhan yang melibatkan ganjaran dan hukuman dalam penghafazan Al-Quran di sekolah kajian. Dokumen tersebut adalah buku panduan yang dijadikan sebagai modul bagi sukatan hafazan Al-Quran. Perincian pemberian peneguhan di dalam buku panduan tersebut bertujuan untuk keseragaman serta panduan, contoh tahap ganjaran yang sesuai

diberikan supaya tidak menyalahi undang-undang dan norma kehidupan masyarakat tempatan. Oleh kerana murid dan ibu bapa turut diberi modul tersebut, maka mereka juga memahami pelaksanaan sistem di sekolah. Sepatutnya tidak timbul kekeliruan di pihak guru, ibu bapa dan murid-murid di masa hadapan.

Kandungan di dalam buku panduan ini telah dipersetujui oleh para panel penggubal dari Yayasan Terengganu dan sekolah yang terlibat. Kandungannya telah disesuaikan dengan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran di beberapa buah sekolah menengah agama yang menggunakan pendekatan *Ulul al-Bab*. Panduan yang disediakan bukan sahaja mengambil kira prinsip Islam yang merupakan teras sistem pendidikan di sekolah, malah dianggap bersesuaian dengan norma kehidupan di Malaysia. Oleh itu, kesemua pemberian ganjaran dan hukuman yang diberikan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

Selain memudahkan pihak sekolah membuat pantauan mengenai perkembangan dan prestasi hafazan Al-Quran murid-murid, buku panduan ini juga berfungsi sebagai satu garis panduan kepada guru untuk menggunakan ganjaran dan hukuman yang bersesuaian dengan keadaan murid dan persekitaran kelas. Buku panduan ini dibina berdasarkan kepada modul ‘*Uqubah Tashji’iyah*. Modul ini dapat diringkaskan seperti mana Rajah 5.2.



Rajah 5.2: Bentuk Peneguhan Berasaskan Buku Panduan Hafazan Al-Quran.

Berdasarkan Rajah 5.2 di atas, terdapat lima (5) komponen pendekatan yang digariskan, iaitu: (a) khidmat komuniti, (b) kuarantin murid, (c) sistem *nuqud* (denda kewangan), (d) program pemantapan melibatkan pelaksanaan ayat *tasmi'* baru (ATB) dan ayat *tasmi' muraja'ah* (ATM), dan (e) intensif berpindah juzuk. Penghafazan Al-Quran melibatkan ATB dan ATM mempunyai aktiviti-aktiviti khusus yang telah ditetapkan oleh pihak Yayasan Terengganu. Guru dibenarkan memilih bentuk peneguhan tertentu bersesuaian dengan situasi murid sebagai peneguhan dalam penghafazan Al-Quran. Sebagai contoh, murid yang cemerlang dalam hafazan tidak semestinya memperolehi intensif kewangan yang diberikan oleh pihak sekolah sahaja, malah terdapat guru yang berkemampuan juga yang memberikan sumbangan berpatutan sebagai motivasi.

Berikut adalah perincian modul ‘*Uqubah Tashji’iyyah* yang dikenalpasti di dalam buku panduan:

- a) **Khidmat Komuniti:** merupakan aktiviti-aktiviti luar yang telah dirancang dan ditetapkan oleh pihak sekolah, seperti aktiviti gotong-royong dan kerja-kerja amal yang melibatkan khidmat masyarakat di sekitar kawasan sekolah. Aktiviti ini dikenakan kepada murid-murid yang tidak mencapai prestasi hafazan yang baik. Namun, terdapat juga program khusus di mana murid yang cemerlang hafazannya membantu memberikan khidmat komuniti di luar sekolah. Contohnya ke Asrama Darul Falah yang merupakan rumah untuk anak yatim. Murid yang cemerlang ini akan mengajar penghuni rumah anak yatim membaca Al-Quran.
- b) **Kuarantin Murid:** Murid dihalang atau ditarik keistimewaan dari menikmati aktiviti “berada di luar sekolah”. Contohnya pelajar yang lemah prestasi hafazannya dengan tidak mencapai sasaran hafazan harian; beberapa keistimewaan seperti aktiviti sekolah, aktiviti luar dan dalam, dan *outing* ke bandar pada waktu yang telah ditetapkan akan dihalang menyertainya. Sebagai tambahan, murid-murid yang tidak dapat mencapai sasaran hafazan tahunan pula akan dikuarantin dan diwajibkan menyertai kem pengukuhan hafazan Al-Quran semasa cuti persekolahan. Kem ini mampu membantu murid-murid mencapai sasaran hafazan sebanyak 10 juzuk atau sekurang-kurangnya 5 juzuk Al-Quran dengan mensasarkan 30 muka surat atau sekurang-kurangnya satu juzuk dengan kadar dua muka surat sehari dalam masa 16 hari.

c) **Sistem Nuqud:** merupakan denda kewangan berbentuk bayaran cagaran kepada pihak sekolah jika murid tidak dapat mencapai sasaran hafazan bulanan. Istilah ‘tindakan cagaran’ digunakan oleh pihak sekolah kerana apabila murid tersebut berjaya menebus semula hafazan, pihak sekolah akan mengembalikan semula duit tersebut. Duit sebagai cagaran yang tidak dikembalikan akan direkodkan dan dimasukkan ke dalam tabung Al-Quran sekolah. Jadual 5.3 menunjukkan tahapan denda kewangan yang dikenakan.

Jadual 5.3: Perincian Denda Kewangan secara Bulanan

Bil.	Waktu	Sasaran Hafazan (Mengikut Muka Surat)	Tindakan Cagaran
1	Hari Persekolahan Penuh	15 – 18	RM1
		10 – 14	RM2
		9 ke Bawah	RM3
2	Bulan Peperiksaan dan Cuti Penggal	7 – 10	RM1
		4 – 6	RM2
		3 ke Bawah	RM3

Pemberian denda kewangan melibatkan dua waktu berbeza, iaitu: a) hari persekolahan penuh, dan b) bulan peperiksaan dan cuti penggal. Penetapan hafazan Al-Quran adalah lebih tinggi pada hari persekolahan berbanding pada bulan peperiksaan dan cuti penggal. Murid dikenakan denda kewangan RM1 apabila tidak mencapai hafazan yang ditetapkan (15-18 muka surat) pada hari persekolahan. Jumlah denda bertambah satu ganda jika tidak mencapai 10-14 muka surat hafalan, bertambah lagi jika hafalannya di bawah 9 muka surat.

Pada bulan peperiksaan dan cuti penggal, murid yang tidak baik prestasinya dikenakan denda kewangan yang sama nilainya seperti denda pada hari persekolahan biasa. Namun, jumlah target muka surat untuk dihafal berkurangan. Murid akan dikenakan denda RM1 jika hafalannya hanya mencapai sekitar 7-10 muka surat. Denda

bertambah kepada RM2 jika hafalannya sekitar 4-6 muka surat, dan RM3 jika mencapai kurang daripada 3 muka surat dalam tempoh sebulan.

d) **Program Pemantapan:** merupakan aktiviti khusus untuk memantau perkembangan tahap hafazan murid secara harian dan bulanan. Beberapa pendekatan seperti di dalam Jadual 5.3 melibatkan penerapan konsep pantauan murid mengikut kumpulan hafazan yang dibentuk. Aktiviti ini melibatkan empat perkara: (a) nasihat dan motivasi, (b) senarai hitam murid kepada penyelaras Al-Quran, penyelaras *Ulul al-Bab* atau pengetua sekolah, (c) memanggil ibu bapa, dan (d) pemberian hukuman ringan (contoh: menghafaz sambil berdiri dan menulis semula ayat yang dihafaz sebanyak 10 kali).

Jadual 5.4: Perincian Program Pemantapan Ayat Hafazan

Bil.	Program Pemantapan Ayat Hafazan	Perincian Aktiviti
1	Ayat <i>tasmi'</i> baru harian (Tidak ingat ayat hafazan)	<p>Hari pertama: Nasihat</p> <p>Hari kedua: Hafaz sambil berdiri</p> <p>Hari ketiga: Menulis semula ayat yang dihafaz sebanyak 10 kali</p> <p>Hari keempat: Dihantar kepada penyelaras Al-Quran</p> <p>Hari kelima: Dihantar kepada penyelaras <i>Ulul al-Bab</i> jika tidak mencapai hafazan 4 muka surat seminggu</p>
2	Ayat <i>tasmi'</i> baru bulanan	<p>Jumpa pengetua – Hafazan tidak mencukupi 6 muka surat dalam masa 2 minggu</p> <p>Panggil ibu bapa/ penjaga – Hafazan tidak mencukupi 6 muka surat dalam masa sebulan</p> <p>Bulan kedua: Jumpa penyelaras Al-Quran</p> <p>Bulan ketiga: Jumpa pengetua</p> <p>Bulan keempat: Panggil ibu bapa</p>

Jadual 5.4, sambungan

Bil.	Program Pemantapan Ayat Hafazan	Perincian Aktiviti
3	Ayat <i>tasmi' muraja'ah</i> harian	Aktiviti <i>tasmi'</i> dilakukan di hadapan guru: Hafazan tidak mencukupi 3 muka surat setiap hari – diberikan nasihat dan motivasi
		Aktiviti <i>tasmi'</i> dilakukan di hadapan murid lain: Hafazan tidak mencukupi 5 muka surat setiap hari – diberikan nasihat dan motivasi
4	Ayat <i>tasmi' muraja'ah</i> bulanan (Murid yang tidak mencukupi 40 muka surat sebulan)	Bulan pertama: Motivasi oleh guru
		Bulan kedua: Jumpa penyelaras Al-Quran
		Bulan ketiga: Jumpa pengetua
		Bulan keempat: Panggil ibu bapa

Berdasarkan Jadual 5.4, didapati pelaksanaan program pemantapan melibatkan pembelajaran hafazan ayat *tasmi'* baru (ATB) dan hafazan ayat *tasmi' muraja'ah* (ATM).

Bagi penghafazan ayat *tasmi'* baru secara harian, aktiviti disusun sepanjang 5 hari waktu persekolahan. Pada hari pertama, guru akan memberikan nasihat terlebih dahulu kepada murid. Kemudian, pada hari kedua, jika murid tidak dapat mengingat ayat hafazan, murid dikehendaki menghafaz ayat sambil berdiri. Seterusnya murid dikehendaki menulis semula ayat yang dihafaz sebanyak 10 kali pada hari ketiga jika masih belum mampu mengingat ayat hafazan. Murid juga akan dipanggil berjumpa dengan penyelaras Al-Quran pada hari ke-empat dan berjumpa penyelaras *Ulul al-Bab* pada hari kelima jika masih juga tidak dapat mengingat ayat hafazan.

Aktiviti pemantapan penghafazan ayat *tasmi'* baru secara bulanan melibatkan dua perkara, iaitu: (a) murid yang tidak dapat mencapai hafazan sebanyak 6 muka surat dalam tempoh 2 minggu dikehendaki berjumpa dengan pengetua sekolah, dan (b) ibu bapa/penjaga akan dipanggil ke sekolah jika murid tidak mencapai ayat hafazan

sebanyak 6 muka surat dalam masa sebulan. Murid yang tidak mencapai sasaran masih diberikan peluang untuk memperbaiki prestasi setelah berjumpa dengan pengetua sekolah sebelum memanggil ibu bapa untuk perjumpaan.

Aktiviti pemantapan ayat *tasmi' muraja'ah* secara harian pula melibatkan aktiviti *tasmi'* di hadapan guru, dan *tasmi'* di hadapan murid-murid yang lain di dalam kumpulan murid. Murid yang melakukan sesi *tasmi'* ulangan ayat hafazan di hadapan guru dengan tidak mencapai sasaran 3 muka surat akan diberikan nasihat dan motivasi. Manakala murid yang melakukan sesi *tasmi'* di hadapan murid lain dengan pantauan guru yang tidak mencapai 5 muka surat juga akan diberikan nasihat dan motivasi.

Manakala aktiviti pemantapan hafazan bagi ayat *tasmi' muraja'ah* secara bulanan telah disusun untuk tempoh 4 bulan. Pada bulan pertama guru akan memberikan motivasi kepada murid. Bulan kedua, murid akan dipanggil berjumpa penyelaras Al-Quran. Bulan ketiga pula murid diminta untuk berjumpa pengetua. Bulan keempat, ibu bapa pula akan dipanggil ke sekolah untuk berjumpa dengan guru hafazan jika masih tidak mampu mencapai sasaran hafazan. Murid terpaksa menemui individu berlainan mengikut ketetapan yang dibuat untuk mendapatkan kesan berbeza daripada perjumpaan tersebut.

Berdasarkan dokumen didapati peneguhan berbentuk ganjaran turut ditemui di dalam buku panduan ini. Murid yang berjaya mencapai sasaran hafazan akan diberikan insentif berbentuk kewangan apabila berpindah juzuk yang baru. Pihak sekolah memperuntukkan sebanyak RM10 untuk diberikan kepada murid-murid yang berjaya berpindah juzuk dalam hafazan Al-Quran.

5.3.1 Bentuk Peneguhan dalam Dokumen

Berdasarkan analisis, didapati tiga (3) kategori pengamalan pemberian peneguhan dikenalpasti, iaitu: ganjaran positif, ganjaran negatif dan hukuman. Pengkategorian ini dilakukan berdasarkan definisi dan konsep pemberian ganjaran dan hukuman sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini. (lihat Jadual 5.5).

Jadual 5.5: Ringkasan Konsep Peneguhan

Ganjaran Positif	Ganjaran Negatif	Hukuman
Penghargaan Berbentuk Kebendaan <ul style="list-style-type: none"> • Insentif kewangan 	Berbentuk Fizikal Tiada	Hukuman Berbentuk Fizikal <ul style="list-style-type: none"> • Hafaz sambil berdiri • Tulis semula ayat hafazan
	Berbentuk Bukan Fizikal <ul style="list-style-type: none"> • Pengembalian wang denda 	Hukuman Berbentuk Bukan Fizikal <ul style="list-style-type: none"> • Khidmat komuniti • Denda wang • Kuarantin di kem pengukuhan (sekat cuti) • Tidak dibenarkan <i>outing</i> (tarik keistimewaan) • Senarai hitam nama dengan memanggil ibu bapa

Berdasarkan dokumen, didapati hanya satu bentuk ganjaran positif berbentuk kebendaan sahaja yang dinyatakan, iaitu pemberian **insentif kewangan** berpindah juzuk. Di samping itu, didapati buku panduan modul sukatan hafazan ini turut menggariskan pendekatan peneguhan berbentuk ganjaran negatif dan hukuman. Pemberian ganjaran negatif hanya melibatkan satu pemberian **berbentuk bukan fizikal**, iaitu pengembalian wang denda. Manakala pemberian ganjaran negatif

berbentuk fizikal pula, tiada. Pemberian hukuman pula dikategorikan kepada dua, iaitu **hukuman berbentuk fizikal** yang melibatkan; (a) hafaz sambil berdiri, dan (b) tulis semula ayat hafazan, dan **hukuman berbentuk bukan fizikal** yang melibatkan; (a) khidmat komuniti, (b) denda wang, (c) kuarantin di kem pengukuhan-sekat cuti, (d) tidak dibenarkan *outing*, dan (e) senarai hitam nama dengan memanggil ibu bapa.

Daripada analisis didapati, hampir kesemua pemberian peneguhan yang digariskan di dalam buku panduan adalah berbentuk hukuman. Sebagai contoh, hukuman berbentuk fizikal seperti menghafaz sambil berdiri di atas kerusi. Pemberian dendaan berdiri atas kerusi ini bukanlah satu dendaan yang boleh mendatangkan kecederaan kepada murid tersebut, maka ia masih di bawah amalan Islam. Cumanya, ia mungkin memalukan murid tersebut kerana dilakukan di hadapan murid-murid yang lain. Selain memberi kesan kepada diri murid sendiri supaya tidak dikenakan lagi hukuman, ia juga memberi kesan kepada murid yang lain supaya bersungguh-sungguh meningkatkan prestasi. Contoh yang lain, dendaan kepada murid supaya menulis ayat Al-Quran yang dihafaz sebanyak 10 kali sebenarnya dapat memperkuuhkan memori murid yang kini mempunyai pengalaman/ litar sinaps lain dari menghafal mengenai ayat-ayat yang sama.

Hanya satu pemberian peneguhan ganjaran positif yang terdapat di dalam buku panduan iaitu, insentif kewangan. Menurut Ustaz Badri, iaitu penggubal program *Ulul al-Bab*, ganjaran positif sengaja tidak didokumentasikan di dalam buku panduan disebabkan dikhuatiri akan menjelaskan niat untuk menghafaz Al-Quran, iaitu hanya untuk ganjaran kebendaan semata-mata.

Didapati, hanya satu bentuk pemberian ganjaran negatif didokumentasikan di dalam buku panduan. Penggunaan ganjaran negatif ini kurang digunakan mungkin kerana Islam tidak mahu meletakkan seseorang dalam keadaan yang tidak selesa.

Sebagai contoh, pengembalian wang denda kepada murid. Pengembalian wang denda ini bertindak sebagai ganjaran negatif kerana murid-murid merasa tidak selesa atau tidak senang dengan ketiadaan atau kekurangan wang. Akibat situasi yang tidak selesa ini, murid berusaha meningkatkan prestasi supaya dapat mengelakkan didenda semula.

5.4 Dapatan Temu bual


5.4.1 Bentuk Peneguhan

Wujud tiga (3) pendekatan peneguhan yang diamalkan dalam pembelajaran hafazan Al-Quran di sekolah kajian, iaitu: (a) ganjaran positif, (b) ganjaran negatif, dan (c) hukuman. Dapatan kajian ini adalah berdasarkan analisis temu bual yang telah dijalankan ke atas seorang (1) penggubal modul program, enam (6) orang guru hafazan, dan sepuluh (10) orang murid menengah rendah tingkatan dua, masing-masing terdiri dari lima (5) orang murid lelaki dan lima (5) orang murid perempuan di sekolah kajian. Petikan temu bual dinyatakan dengan tidak menyatakan nama sebenar responden untuk menjaga kerahsiaan mereka.

Jadual 5.6: Senarai Nama Responden

Bil	Responden	Nama Samaran
1	Penggubal program <i>Ulul al-Bab</i>	1) Ustaz Badri
2	Guru hafazan	1) Ustaz Ahmad 2) Ustaz Amir 3) Ustaz Khairul 4) Ustaz Kamal 5) Ustaz Mohamad 6) Ustaz Osman
3	Murid-murid	1) Aminah 2) Amshar 3) Fatimah 4) Hafizah 5) Hasnan 6) Hazwan 7) Kamarul 8) Salmah 9) Salman 10) Zuraidah

Rajah 5.6 menunjukkan tiga (3) bentuk amalan pemberian peneguhan dalam pembelajaran hafazan Al-Quran yang diperolehi melalui temu bual.



Rajah 5.3: Bentuk Amalan Pemberian Peneguhan dalam Pembelajaran Hafazan Al-Quran

Analisis dilakukan ke atas dapatan yang merupakan maklumat tepu (data berulangan) yang diperolehi dari temu bual yang dilakukan secara berasingan ke atas individu yang dinyatakan. Didapati pemberian **ganjaran positif** melibatkan tiga (3) dapatan, iaitu; (a) penghargaan berbentuk bukan kebendaan, (b) penghargaan berbentuk kebendaan, dan (c) penghargaan di khalayak ramai. Kategori **ganjaran negatif** pula didapati melibatkan dua (2) dapatan, iaitu; (a) berbentuk fizikal, dan (b) berbentuk bukan fizikal. Manakala kategori **pemberian hukuman** juga melibatkan dua (2) dapatan, iaitu; (a) hukuman berbentuk fizikal, dan (b) hukuman berbentuk bukan fizikal.

5.4.1.1 Ganjaran Positif

Jadual 5.7: Bentuk Amalan Pemberian Ganjaran Positif

Penghargaan Berbentuk Bukan Kebendaan	Penghargaan Berbentuk Kebendaan	Penghargaan di Khalayak Ramai
Pujian	*Insentif kewangan	Penghargaan di hadapan guru dan murid lain
Dimasukkan kumpulan atas	Hadiah dan cenderamata	
	Belanja dan lawatan	
	Sijil dan anugerah	

*Terdapat dalam buku panduan

Amalan pemberian ganjaran positif semasa sesi pembelajaran hafazan Al-Quran (Jadual 5.7) didapati dalam bentuk serta kepelbagaiannya berbeza. Daripada tiga bentuk yang diamalkan, penghargaan secara kebendaan adalah yang lebih banyak variasinya berbanding penghargaan berbentuk bukan kebendaan dan penghargaan di khalayak ramai.

(a) Penghargaan Berbentuk Bukan Kebendaan

Elemen pemberian berbentuk bukan kebendaan tidak didokumentasikan di dalam buku panduan atau brosur sekolah. Walau bagaimanapun ia jelas diamalkan ketika berlangsungnya sesi pembelajaran hafazan Al-Quran. Bentuk pemberian ganjaran positif ini melibatkan ucapan berbentuk puji/ penghargaan yang diberikan guru kepada murid, dan murid dimasukkan ke dalam kumpulan atas. Pemberian ini diberi kepada murid yang berjaya dalam mencapai sasaran hafazan Al-Quran.

i. Puji

Tiga orang guru dan dua orang murid memberikan maklum balas mengenai amalan pemberian penghargaan/ puji semasa temu bual. Amalan ini dilihat sebagai yang paling lazim diamalkan oleh guru-guru dan juga paling kerap. Ianya diberikan di hadapan khalayak ramai dan juga secara khusus kepada murid. Ustaz Kamal, seorang guru hafazan menyatakan beliau selalu menggunakan pendekatan memberi puji kepada murid-murid di bawah jagaan dan pemerhatiannya. Beliau berpandangan pendekatan ini memberikan kesan yang baik terhadap peningkatan prestasi hafazan murid-murid berbanding kata-kata ucapan yang tidak baik.

Ha, puji itu ada. Puji itu memang selalu buatlah. Kita tidak boleh memperlekehkan dia (murid). Kena pujilah. Kalau kita mengata dia balik, seolah-olah melemahkan semangat murid. Kalau kita puji (contoh); “Bagus awak ini, 3 muka surat (telah dihafaz), esok teruskanlah hafazan, orang lain dah laju, kita kena lebih sedikitlah”. Esok saya tengok, ada lebih sedikit (peningkatan hafazan). Kadang-kadang murid ini kita tidak boleh kata benda pelik-pelik, nanti akan mempengaruhi dia. Pernah saya buat sekali, sebelum saya pegang kumpulan sekarang ini, daripada kumpulan lain. Pernahlah kata; “Muhammad Faiz, awak ini kurang cerdik”. Jadi melemahkan (ucapan) semangat dia. Jadi dia ini (fikir), “Ish.. tidak mahu menghafaz Al-Quran lah macam ini”.

Beliau merasakan ucapan-ucapan yang memperlekeh/ merendahkan murid hanyalah melemahkan semangat mereka. Puji-pujian juga disekalikan dengan kata-kata motivasi. Seorang murid, Salman telah menyatakan pujian yang beliau pernah terima;

Pujian (yang diberikan) contohnya; “Baguslah tasmik begini selalu (sentiasa tasmik mengikut sasaran hafazan), boleh tingkatkan prestasi hafazan itu, baru boleh jadi hafiz (penjaga hafazan Al-Quran) cepat sedikit, untuk ulang hafazan ayat-ayat sebelum ini pula.

Ganjaran positif ini adalah yang paling kerap dilakukan.

ii. Murid Dimasukkan ke dalam Kumpulan Atas

Selain itu, didapati murid yang berjaya juga akan diberi ganjaran dengan memasukkan murid ke dalam kumpulan atas. Sebagai contoh, Ustaz Ahmad menyatakan mengenainya,

Kali pertama saya buat pada bulan Mei tahun lepas (2010), saya nampak peningkatan hafazan secara mendadak lah. Murid memang bimbang, kalau boleh mereka tidak mahu turun ke kumpulan hafazan tingkatan lain. Kalau naik ke kumpulan hafazan tingkatan lain tidak apa. Contoh dari kumpulan hafazan tingkatan dua (2), pergi ke kumpulan hafazan tingkatan tiga (3), mereka suka, mereka bangga kerana mereka lebih dari orang lain (rakan lain).

Ini bermakna penukaran kumpulan yang lebih atas adalah ganjaran yang memotivasi dan menguatkan usaha hafazan murid-murid.

(b) Penghargaan Berbentuk Kebendaan

Amalan pemberian penghargaan secara kebendaan di sekolah kajian juga adalah kerap dilakukan dan pelbagai jenisnya. Ganjaran positif ini melibatkan pemberian berbentuk; (i) imbuhan kewangan, (ii) pemberian hadiah dan cenderamata (seperti

notebook, Al-Quran digital, buku, pen atau hadiah-hadiah kecil), (iii) belanja, dan (iv) pemberian sijil atau anugerah sebagai galakan untuk meningkatkan prestasi hafazan. Berdasarkan buku panduan sekolah, didapati hanya pemberian intensif kewangan sahaja yang didokumenkan. Penghargaan kebendaan lain merupakan inisiatif sekolah dan juga guru secara peribadi.

i. Insentif Kewangan

Amalan pemberian penghargaan berbentuk insentif kewangan adalah satu-satunya ganjaran positif yang dinyatakan dalam buku panduan. Penghargaan ini diberikan kepada murid apabila berjaya mencapai sasaran hafazan yang ditetapkan, iaitu berjaya menghafal sekurang-kurangnya satu juzuk dalam tempoh satu bulan. Enam orang guru dan lapan orang murid telah berkongsi pengalaman peneguhan jenis ini di sekolah kajian.

Terdapat peruntukan khas daripada pihak Yayasan Terengganu kepada sekolah yang berorientasikan program *Ulul al-Bab*. Peruntukan ini antaranya digunakan sebagai ganjaran yang akan diberikan kepada murid-murid yang telah berjaya mencapai sasaran hafazan dan dapat berpindah juzuk pada setiap bulan. Peruntukan berbentuk insentif kewangan ini turut berfungsi sebagai motivasi untuk murid-murid dalam pembelajaran hafazan Al-Quran, kerana jumlah diberikan adalah mengikut bilangan juzuk yang dihafal. Hal ini dijelaskan oleh Ustaz Ahmad,

Pihak sekolah akan memberikan ganjaran kepada murid yang berpindah juzuk pada setiap bulan (peruntukan dari Yayasan Terengganu). Sekolah akan berikan RM10. Kalau murid menghafaz 2 juzuk dalam sebulan, maka dia akan dapat RM20 lah, kalau dapat menghafaz 4 juzuk akan mendapat RM40.

Selain daripada insentif melalui peruntukan daripada pihak Yayasan Terengganu, terdapat juga guru melalui inisiatif sendiri memberikan ganjaran kewangan kepada murid-murid yang sangat cemerlang prestasinya. Sebagaimana Ustaz Osman, yang menambah ganjaran yang sedia ada,

Macam saya sendiri pernah bagi. Pelajar halaqah (kumpulan) saya mana-mana pelajar yang mencapai lebih sasaran; sasaran saya katakan 25 muka surat bulan ini. Tiba-tiba pelajar tersebut mencapai 30 muka surat, saya bagi (duit). Yang dapat 25 muka surat tu saya bagi dah. Lebih tu saya bagi pulak (lagi). Contohnya 25 muka surat, awak akan dapat contohnya bentuk duit la nampak sikit kan. Saya bagi RM20 katakan. Tadi sekolah dah bagi dah RM10. Jadi tambah dengan saya RM20. OK, tiba-tiba dia capai lebih, 30. Saya up lagi. Kita bagi RM30.

Seorang lagi guru, Ustaz Mohamad, menyatakan selain pemberian wang seperti dalam buku panduan, pihak Yayasan Terengganu juga telah memperuntukkan wang imbuhan sebanyak RM1,000 kepada murid tingkatan 5 yang berjaya mengkhathamkan satu Al-Quran (30 juzuk) pada majlis akhir tahun.

Pemberian imbuhan biasanya, (mengikut peruntukan yayasan), siapa (murid yang berjaya) naik juzuk setiap bulan, pihak yayasan akan bagi RM10. Kalau dia boleh hafaz 30 juzuk, RM300 dah. Baru-baru ini, ada majlis graduasi untuk murid yang sudah khatam satu Al-Quran, murid tingkatan 5 yang telah khatam diberikan RM1,000 ringgit untuk seorang.

Kesemua lapan orang murid telah memberikan pernyataan dan maklum balas yang sama mengenai amalan pemberian penghargaan dalam bentuk imbuhan kewangan ini. Mereka bersetuju bahawa pemberian kewangan ini sebagai ganjaran yang lazim diamalkan oleh guru-guru di sekolah kajian ini.

ii. Hadiah dan Cenderamata

Selain itu, empat orang guru dan empat orang murid yang ditemui bual berkongsi berkaitan amalan pemberian hadiah dan cenderamata. Pemberian yang diberikan lazimnya adalah daripada pihak Yayasan Terengganu dan/ atau guru sendiri. Kebiasaannya, hadiah kebendaan yang mahal dan berharga seperti *notebook*, Al-Quran digital, tasbih digital, dan rehal kristal adalah pemberian pada majlis anugerah akhir tahun daripada pihak Yayasan Terengganu. Barang tersebut dibeli daripada koperasi sekolah dan dengan itu turut menguntungkan pihak sekolah. Kebanyakan hadiah-hadiah ini juga menggambarkan alatan berdasarkan teknologi yang digemari oleh kanak-kanak remaja masa kini. Terdapat juga hadiah yang mempunyai nilai tinggi walaupun tidak ada kaitan dengan teknologi seperti rehal kristal. Ustaz Osman menyatakan bahawa murid yang telah berjaya menghafaz Al-Quran akan menerima hadiah yang berkait dengan teknologi masa kini,

Dan pula, pihak sekolah sendiri mengambil inisiatif terhadap mana-mana murid yang khatam Al-Quran akan diberi anugerah. Seperti yang sebelum-sebelum ini, pihak sekolah melalui koperasi sekolah, telah memberikan Al-Quran digital kepada murid yang khatam. **Al-Quran digital** dan **tasbih digital**.

Didapati pihak sekolah juga ada memberikan *notebook* sebagai hadiah kepada murid-murid yang bukan sahaja cemerlang dalam hafazan, malah juga akademik. Ustaz Ahmad menyatakan koperasi sekolah telah bekerjasama dengan PIBG sekolah memberikan hadiah *notebook* kepada murid yang cemerlang sebegini,

Selain itu, kalau pelajar itu cemerlang dalam hafazan dan akademik, koperasi dengan kerjasama PIBG sekolah akan berikan mereka **notebook**. Anugerah tahun lepas ada pelajar yang dapat **notebook** ini.

Pihak sekolah juga pernah menghadiahkan rehal kristal kepada rakan-rakan Salman (murid), yang cemerlang dalam hafazan sebagai tanda penghargaan,

Bila capai mumtaz ni, (murid) dapat sijil tasmik hafazan. Lepas tu (dapat) **rehal kristal**, yang ni hadiah yang biasa diberi untuk penghargaan kepada murid yang mumtaz.

Pemberian hadiah kebendaan yang tidak mahal seperti buku, kamus, pen, *keychain* atau hadiah-hadiah kecil lain pula lazimnya diberikan atas inisiatif guru sendiri. Ustaz Khairul menceritakan beliau pernah menghadiahkan pen dan buku sebagai inisiatifnya sendiri untuk memotivasi muridnya dalam hafazan,

Adakala saya beri hadiah. Contohnya dia hafaz lebih, saya akan bagi hadiah contohnya **pen... kitab**. Jadi dia suka lah. Saya pernah beri hadiah kepada pelajar perempuan, jadi dia suka lah. Ada nak jadi (tukar ke) halaqah saya, tapi tidak boleh semua lah sebab atas pihak pengurusan (yang menentukan). Sebab kita bagi hadiah. Hadiah ni kan datang dengan kasih sayang. Rasulullah dia pernah terima hadiah, dan dia akan balas hadiah. Itu sifat Rasulullah. Ada kala kita denda, ada kala kita cara kita bagi hadiah.

Pemberian hadiah ini mempunyai asas dari sunnah Rasulullah SAW di mana penerima hadiah dibalas dengan ‘hadiah’ juga.

Murid pula mempunyai pengalaman yang berbeza mengenai penerimaan hadiah yang pelbagai daripada guru dan juga pihak sekolah. Hasnan menyatakan kebiasaannya guru akan memberikan hadiah berbentuk alatan pembelajaran, “Bagi **hadiah**, makanan, selepas itu **alat-alatan** (alat tulis) ke, untuk pelajaran”.

iii. Belanja dan Lawatan ke Luar Sekolah

Penghargaan juga melalui amalan aktiviti baik yang ditunjukkan oleh guru dengan membelanja makan muridnya yang cemerlang dalam hafazan. Empat orang murid, iaitu Hazwan, Amshar, Aminah dan Fatimah menyatakan pandangan yang sama tentang amalan pemberian ini. Hazwan menyatakan murid-murid yang mempunyai rekod dan prestasi yang cemerlang kebiasaannya akan dibelanja makan oleh guru-guru sebagai motivasi kepada mereka,

Ustaz belanja makan... Ustaz akan tengok dalam halaqah (kumpulan hafazan) ni, siapa yang tasmik muka surat paling banyak, dia dapat lah (dipilih untuk dibelanja).

Empat orang guru juga menyatakan pandangan yang sama berkenaan amalan pemberian ini. Selain amalan belanja, murid yang cemerlang turut dibenarkan mengikuti lawatan ke luar pada waktu cuti sekolah. Ustaz Ahmad menyatakan pihak sekolah pernah membawa murid-murid ke Asrama anak-anak yatim di Darul Falah. Didapati lawatan ke luar melibatkan tempat yang mebawa pengajaran, iaitu ruman anak yatim.

OK, program luar (program lawatan ke luar) itu ada lah. Makna program luar ini kita beri kepada pelajar-pelajar yang cemerlang lah. Contohnya yang tahun lepas lah, tahun ni kita tidak sempat buat. Tahun lepas kita bawa pelajar-pelajar yang cemerlang ke Asrama Darul-Falah, anak yatim.

iv. Sijil dan Anugerah

Aktiviti penghargaan melalui pemberian sijil dan anugerah kepada murid yang cemerlang turut diamalkan di sekolah kajian. Pemberian sebegini diberikan sebagai galakan kepada murid untuk meningkatkan lagi prestasi hafalan. Tiga orang murid dan empat orang guru yang ditemu bual mengesahkan amalan pemberian ini yang diadakan

pada setiap tahun, iaitu murid akan menerima sijil penganugerahan setelah menamatkan hafazan dalam tempoh tiga tahun mengikut sasaran yang ditetapkan.

Hadiyah khas yang dinamakan anugerah tokoh *Ulul al-Bab* diwujudkan oleh pihak Yayasan Terengganu sendiri. Anugerah tokoh *Ulul al-Bab* diberikan kepada murid yang cemerlang hafalannya. Hasnan menceritakan perihal rakannya yang menerima anugerah tokoh *Ulul al-Bab* semasa berada di tingkatan 1. "...Kebiasaannya masa tingkatan 1 lah (anugerah ini diberikan pada tingkatan satu), tokoh *Ulul al-Bab* (tokoh hafazan) (anugerah yang pernah diterima kawan)".

Ustaz Amir juga turut berkongsi maklumat,

Selepas itu tiap-tiap tahun, pelajar Tingkatan 1 ini ada program, program *Ulul-al-Bab*, dan program ini akan tamat pada cuti penggal ke-2, bulan 6 (jun). dia orang tamat tu, pihak yayasan akan buat satu majlis, majlis untuk dia orang (pelajar) diberi insentif lah, antaranya pelajar cemerlang dalam program ni, diberikan anugerah tokoh... Banyak juga lah anugerah yang diberi. Antaranya itu lah (seperti di atas), tokoh *Ulul al-Bab* lelaki dan perempuan, hafazan cemerlang sepanjang program *Ulul-Albab*, banyak lagi lah., tak teringat.

(c) Penghargaan di Khalayak Ramai

Pemberian penghargaan secara terbuka di khalayak umum (hadapan guru dan murid lain) di atas prestasi yang cemerlang dalam hafazan merupakan bentuk peneguhan secara visual yang diamalkan di sekolah kajian. Dua orang murid dan seorang guru menyatakan berkenaan amalan pemberian penghargaan ini diberikan pada sesi pembelajaran hafazan dan waktu perhimpunan sekolah.

i. Penghargaan di Hadapan Guru dan Murid Lain

Amshar, seorang murid yang ditemui bual menyatakan, lazimnya penghargaan diberikan setelah selesai sesi hafazan Al-Quran. Menurutnya murid yang cemerlang dipanggil namanya untuk mengambil hadiah di hadapan guru dan murid yang lain,

Waktu menghafaz Al-Quran adalah pada jam 8 pagi sehingga jam 9 pagi, kebiasaannya selepas itu akan ada dua (2) orang ustaz datang, dan sebut (panggil di hadapan) nama suruh pergi ambil duit di depan (hadapan guru dan murid lain).

Selain itu, penghargaan juga turut diberikan ketika perhimpunan sekolah berlangsung. Murid-murid yang cemerlang diumumkan nama mereka di dalam perhimpunan sebagai motivasi dan suntikan semangat kepada murid yang lain meningkatkan prestasi hafazan. Fatimah berkongsi pengalaman,

Kebiasaannya sesiapa yang cemerlang (dalam pembelajaran hafazan dan pembelajaran akademik), pihak sekolah akan beri ganjaran duit lah, Kebiasaannya dia (sekolah) akan **umumkan masa hari perhimpunan** lah.

Menurut Ustaz Osman pemberian penghargaan kepada murid yang diberikan secara umum di khalayak ramai juga dapat memberikan manfaat kepada murid itu sendiri dan murid yang lainnya di sekeliling. Selain dapat memberikan semangat, ia juga dapat mendorong mereka bersaing dalam kalangan mereka untuk mencapai sasaran hafazan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah.

Kemudian kita bagi hadiah itu di hadapan kawan-kawan sebagai memberikan semangat (dorongan). Di sana nanti wujud satu persaingan yang sihat di antara mereka; konsep kejar mengejar. Jadi saya nampak yang itu lah (persaingan meningkatkan hafazan). Apa-apa perkara yang diberikan sama ada pemberian ganjaran negatif ataupun positif, mestи buat di hadapan murid sebagai satu peringatan. Kalau kita buat belakang tidak ada gunanya juga. Ada sesetengah orang kata kena buat di belakang ustaz, tak! Saya kata kena buat di hadapan, tujuannya supaya kita didik dia, bukan untuk diri seorang murid sahaja.

Seorang lagi murid bernama Aminah menyatakan bahawa beliau kini bertambah semangat untuk meningkatkan hafazan Al-Quran setelah melihat sendiri kawan-kawannya menerima hadiah berbentuk ganjaran material setelah berjaya mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah,

Macam kalau kita hafaz lambat (lewat dari tarikh perlu perdengarkan bacaan di hadapan guru) dan tidak sempat mencapai sasaran hafazan untuk sejuzuk dalam sebulan, kita pula tengok orang lain dapat (hadiah), akan membuat diri kita merasa dengki dan iri hati, jadi benda begini boleh menambahkan semangat lagi untuk menghafaz”.

Ini bermakna pemberian ganjaran positif secara terbuka boleh juga memberikan pengaruh yang baik kepada individu lain. Pemberian denda secara terbuka juga berkemungkinan boleh memberikan pengaruh yang baik ke atas perasaan murid selain dari perasaan malu.

5.4.1.2 Ganjaran Negatif

Jadual 5.8: Bentuk Amalan Pemberian Ganjaran Negatif

Ganjaran Negatif Berbentuk Fizikal	Ganjaran Negatif Berbentuk Bukan Fizikal
Menghafaz dalam keadaan berdiri	*Pengembalian wang denda

*Terdapat dalam buku panduan

Jadual 5.8 menunjukkan dua bentuk pemberian ganjaran negatif yang diamalkan di sekolah kajian. Pemberian tersebut melibatkan ganjaran negatif berbentuk fizikal dan bukan fizikal.

(a) Ganjaran Negatif Berbentuk Fizikal

Aktiviti pemberian ganjaran negatif berbentuk fizikal didapati hanya melibatkan aktiviti menghafaz dalam keadaan berdiri. Sebagai contoh, Ustaz Osman berkongsi pengalaman ketika beliau mengendalikan kelas hafazannya,

Berlari, kemudian... Apa lagi eh? Berdiri tu biasa la. Contohnya kita bagi masa pada dia orang, awak berdiri dalam masa 15 minit. Sekiranya ingat awak boleh tasmik dengan ustaz. Sekiranya lebih 5 minit kita up kan lagi, berdiri atas kerusi katakan. Sekiranya tak lagi, saya ubah lagi. Awak turun, pergi kawasan lain. Contohnya. Memberi kesan yang orang kata psikologi, tapi yang pastinya lepas tu kita kena bilas balik (berikan penjelasan tindakan yang diberikan).

Pemberian aktiviti yang tidak menyelesakan kepada murid dengan berdiri untuk menghafaz Al-Quran seperti yang dinyatakan oleh Ustaz Osman ini merupakan tindakan yang tidak digemari oleh murid. Akibat daripada pemberian ganjaran negatif ini telah menyebabkan murid-murid untuk berusaha mengelakkan diri daripada terus menghafaz dalam keadaan berdiri.

(b) Ganjaran Negatif Berbentuk Bukan Fizikal

Didapati hanya aktiviti pengembalian wang denda sebagai ganjaran negatif berbentuk bukan fizikal yang diamalkan. Amalan ini turut didapati di dalam buku panduan. Sebagai contoh, Ustaz Ahmad menyatakan wang denda merupakan cagaran kepada murid. Jika murid tersebut berjaya mengganti semula bacaan hafazan yang tertinggal, pihak sekolah akan mengembalikannya semula kepada murid tersebut.

Kita juga akan kenakan ‘uqubah tashji’yyah (denda berbentuk bayaran duit). Denda ini sebagai cagaran. Contohnya, pada hari yang kedua dan ketiga pelajar tidak tasmik maka pelajar kena bayar kepada guru halaqah itu sebanyak RM2 sebagai contoh. Dan kalau hari ke empat pelajar tersebut tidak tasmik lagi, maka pelajar itu kena bayar lagi RM2. Tapi kalau hari

selepasnya itu iaitu hari kelima dia boleh menghafaz 2 muka surat, maknanya pelajar itu qada' (bayar) balik tasmik yang sebelum ini, guru tasmik akan pulangkan balik bayaran denda RM2 tadi kepada pelajar.

Selain itu, Kamarul, seorang murid turut menyatakan jika murid berjaya menebus balik hafazan tersebut duit akan dipulangkan semula, "...Aa, ada ustaz pulang (jika dapat menebus semula hafazan)".

Pemulangan wang itu sendiri supaya murid dapat mengeluarkan diri dari 'kekurangan wang'. Ia adalah salah satu bentuk ganjaran negatif yang diamalkan.

5.4.1.3 Hukuman

Jadual 5.9: Bentuk Amalan Pemberian Hukuman

Hukuman Berbentuk Fizikal	Hukuman Berbentuk Bukan Fizikal
*Menghafaz dalam keadaan berdiri	*Disenarai hitam: Nama dibawa ke pihak Pentadbiran Sekolah dan panggil ibu bapa
*Salin semula ayat	*Dikenakan denda kewangan
Kutip sampah dan kemuncup	*Tindakan kuarantin
Pusing bangunan, jalan itik dan peluk tiang	*Penarikan keistimewaan
Rotan	Sekat minat
Ketuk ketampi	Denda yang memberi kesan kepada emosi
Cubit	
Berlari	

*Terdapat dalam buku panduan

Jadual 5.9 menunjukkan dua bentuk amalan pemberian hukuman yang diamalkan di sekolah kajian, iaitu: (a) hukuman berbentuk fizikal, dan (b) hukuman berbentuk bukan fizikal.

(a) Hukuman Berbentuk Fizikal

Kategori hukuman berbentuk fizikal melibatkan pemberian berbentuk; i) menghafaz dalam keadaan berdiri, ii) denda menyalin semula ayat hafazan, iii) mengutip sampah dan kemuncup, iv) denda pusing bangunan, berjalan itik dan peluk tiang, v) denda rotan, vi) denda ketuk ketampi, vii) denda cubit, dan viii) denda berlari. Didapati dua bentuk hukuman, iaitu denda menghafaz sambil berdiri dan denda menulis semula ayat hafazan diamalkan berdasarkan buku panduan sekolah yang diberikan.

i. Denda Menghafaz dalam Keadaan Berdiri

Tujuh orang murid dan enam orang guru yang ditemui bual menyatakan denda menghafaz dalam keadaan berdiri ada dilaksanakan di sekolah kajian. Fatimah berkongsi cerita berkenaan beberapa orang rakannya yang dikenakan denda berdiri sambil menghafaz di atas pentas dewan sekolah akibat tidak mencapai hafazan.

Salmah juga berkongsi pengalamannya yang pernah berbual dengan seorang kawannya yang dikenakan hukuman berdiri ini, "...Kadang-kadang tu saya tanya dia (kawan), sebab apa **kena berdiri** tadi? Jawab kawan: 2, 3 hari dah tak tasmik".

Ustaz Khairul turut menyokong dan berkongsi pengalamannya sendiri mendenda murid menghafaz dalam keadaan berdiri. Menurutnya denda yang diberikan adalah berdasar kerana ia diberikan disebabkan kesalahan murid itu sendiri yang malas untuk menghafaz.

Pelajar yang malas tu saya denda la. Dia boleh hafaz, Cuma kadang-kadang dia malas, dia buat alasan. Malas la sebab banyak kerja rumah. Padahal kerja rumah tak ada pun. Malas nak menghafaz. Saya dah tahu, jadi saya denda. Denda suruh **berdiri** ke, denda suruh ketuk-ketampi ke. Ikutlah. Kalau yang jenis rasa tak boleh nak ikut macam tu, saya denda secara berhikmah la.

ii. Denda Menyalin Semula Ayat Hafazan

Denda supaya menyalin semula ayat-ayat Al-Quran yang akan dan telah dihafal merupakan denda yang dinyatakan di dalam buku panduan sekolah yang diamalkan guru. Sebagaimana kenyataan ustaz Ahmad dalam temu bual, "...Ada juga pelajar yang didenda, apa yang dihafaz itu dia tulis balik (beberapa kali). 10 kali ke, 5 kali ke, tulis balik muka surat (ayat-ayat hafazan) itu". Denda sebegini sebenarnya dapat membantu murid menghafal. Ini kerana murid memberi satu jenis lagi input mengenai penghafalan kepada minda murid.

iii. Denda Mengutip Sampah dan Kemuncup

Denda fizikal yang ringan seperti mengutip sampah merupakan hukuman yang dikenalpasti turut diamalkan. Pelaksanaan hukuman akan turut membawa manfaat kepada sekolah; membersihkan kawasan sekolah. Ustaz Osman mengakui pernah mendenda muridnya, "...Macam yang saya denda tadi, mereka (murid) kena kutip sampah (kesalahan tidak dapat menghafaz)". Tambahnya, "...Pada hari ini saya suruh pelajar cari 20 jenis sampah, selepas itu, kalau mereka tidak dapat lagi (menghafal) saya akan "up" lagi denda kepada 30 jenis sampah".

Ustaz Ahmad juga turut memberikan denda yang sama, "...Selepas itu, antaranya (lain), saya suruh dia (murid) pungut sampah, (perkara itu) pun kita pernah buat". Beliau memberikan contoh jenis sampah yang berlainan yang boleh dikutip oleh murid di sekitar sekolah sebagai denda supaya tidak mengulangi kesalahan, "...Plastik ke, pen ke, air kotak ke, 10 jenis (denda kutip sampah berlainan jenis). Ustaz Osman pun pernah buat benda (denda pungut sampah) ini".

Fatimah berkongsi maklumat berkaitan denda ini, "...Ustaz suruh kutip kemuncup dekat padang. Biasanya dua berkas". Fatimah menambah kebiasaannya hukuman diberikan kepada murid yang tidak *tasmik* beberapa hari. "...Biasanya pelajar tu tidak *tasmik* selama dua hari, atau pun tiga hari ke...berturut-turut. Kebiasaannya kena la".

iv. Denda Pusing Bangunan, Jalan Itik dan Peluk Tiang

Selain itu, denda fizikal yang ringan dengan meminta murid melakukan pusingan bangunan dan denda berjalan itik juga diamalkan. Kumpulan hafazan Fatimah yang pernah didenda menyatakan hukuman yang diterima adalah diminta pusing blok bangunan sekolah, "...Kebiasaanya denda tu macam round blok".

Begitu juga Salman berkongsi pengalamannya yang dikenakan denda pusing bangunan sekolah dan berjalan itik. Namun murid-murid berpandangan denda sebegini tidaklah berat, malah merupakan satu cara membantu mereka menghilangkan tekanan dan kebosanan yang dialami ketika sesi hafalan kerana ia senaman yang dilakukan.

Kebiasaannya ustaz-ustaz ni dia bukan bagi denda yang berat la. Kiranya dendanya tu tidak membebankan para pelajar. Biasanya macam denda-denda ni ada juga macam untuk lepaskan stress, contohnya macam pusing-pusing dewan ke, jalan-jalan itik ke...

Denda dengan memeluk tiang turut dikongsi oleh murid bernama Hazwan, "...Kena peluk tiang (denda yang diterima akibat tidak dapat mengingati ayat hafazan)". Tambahnya, "...Kalau tak *tasmik* 2, 3 hari, ustaz pun suruh peluk tiang la, 15 minit ke".

v. Denda Merotan

Selain itu, berdasarkan temu bual enam guru dan enam murid, ada juga amalan denda merotan yang dikenakan sebagai hukuman. Kamarul menceritakan pemberian denda berbentuk rotan ini akan diberikan jika murid tidak dapat mencapai sasaran hafalan yang ditetapkan guru.

Ikutkan kalau contoh hari ini tidak tasmik, rotan sekali (diberikan). Kalau kelmarin pun tidak tasmik, kena satu lagi, kalau tidak mengulang pun akan dirotan.

Salman menceritakan kumpulannya juga pernah diberikan hukuman rotan ini. Menurutnya pemberian denda rotan yang diberikan kebiasaannya tidak memberikan kesan tidak baik terhadap kesihatan mereka, pemberian denda ini hanya diberikan pada kadar yang bersesuaian dan bergantung kepada keperluan.

Kebiasaanya ustaz rotan tak pernah lagi la berat sangat. Macam ada luka ke, ada tinggal kesan la kira, setakat ni Alhamdulillah tak da lagi la. Biasa-biasa ustaz rotan pun macam halaqah saya, dia rotan biasa je, slow macam tu je.

Guru-guru bersetuju bahawa pemberian denda ini adalah sebagai pengajaran kepada murid, bukan bertujuan untuk melepaskan geram kepada mereka. Begitulah ulasan yang diberikan oleh ustaz Ahmad berkenaan denda ini,

Kalau dalam sehari dua hari dia tak ingat juga, makna dia (pelajar) akan (di) rotan ke... Makna rotan mendidik la, bukan rotan nak lepas perasaan. Mungkin dalam sekali ke (rotan), tengok la (keadaan).

Ustaz Osman juga berkongsi pengalamannya,

Rotan sekarang ni sebenarnya diharamkan dalam Kementerian Pelajaran Malaysia. Tapi disebabkan sistem Al-Quran ni tak boleh lari sebenarnya daripada merotan..., bukan tak boleh lari langsung!, boleh lari, tapi kita pegang dia tu sebagai suatu berbentuk peringatan kepada pelajar. Dan

kita pun berpesan pada para guru, berpada-pada la ketika menggunakannya. Pasal rotan ni satu benda yang begitu sensitif dalam sistem pendidikan kita. Jadi mana-mana guru biasanya dalam kes rotan, dia rujuk terus la kepada saya. Rujuk dulu, saya tengok balik, dan jika sesuai yang pastinya selepas pelajar tersebut dirotan kita bilas balik apa yang kita buat, tujuan apa yang buat. Bahkan saya sendiri pun kalau saya rotan pelajar dalam halaqah saya dulu, saya telefon mak ayah dia.

vi. Denda Ketuk Ketampi

Ketuk ketampi adalah denda yang diamalkan dalam pemberian hukuman di sekolah kajian. Salmah menceritakan pernah melihat murid lelaki didenda melakukan ketuk ketampi di hadapan kumpulan murid perempuan yang lain di dalam dewan sekolah. Ini bermakna denda fizikal digabungkan dengan aspek emosi.

Setakat ni kalau pelajar lelaki ada. Ustaz dia suruh masuk dalam dewan (kawasan pelajar perempuan menghafaz), pastu suruh ketuk ketampi 10 kali ke, 20 kali ke. Dia ketuk ketampi depan semua orang. Maknanya duduk kat tengah-tengah (dewan) la.

Ustaz Khairul juga pernah mendenda murid melakukan ketuk ketampi disebabkan malas dan tidak bersemangat menghafaz ayat Al-Quran.

Pelajar yang malas tu saya denda la. Dia boleh hafaz, Cuma kadang-kadang dia malas, dia buat alasan. Malas la sebab banyak kerja rumah. Padahal kerja rumah tak ada pun. Malas nak menghafaz. Saya dah tahu, jadi saya denda. Denda suruh berdiri ke, denda suruh **ketuk-ketampi** ke. Ikutlah, kalau yang jenis rasa tak boleh nak ikut macam tu, saya denda secara berhikmah la.

vii. Denda Cubit

Denda dengan mencubit juga antara pemberian hukuman yang diamalkan oleh segelintir guru yang sama jantina. Salmah menceritakan pengalamannya dikenakan cubitan kerana tidak lancar membaca bacaan hafazan ketika sesi *tasmik*. "...Kalau

macam tasmik waktu akhir, pastu tak lancar, dia (ustazah) pun cubit la. Tapi cubit tu tak sakit pun”. Tetapi amalan ini tidak popular pengamalannya dalam kalangan guru.

viii. Denda Berlari

Denda lain yang diamalkan, contohnya oleh ustaz Osman, adalah mendenda murid-muridnya berlari dalam tempoh yang tertentu. “...Contoh denda yang lain, saya suruh dia berlari, berlari dalam masa beberapa minit”.

(b) Hukuman Berbentuk Bukan Fizikal

Bagi kategori hukuman berbentuk bukan fizikal, terdapat enam amalan lazim yang dikenalpasti diamalkan, iaitu; i) menyenarai hitam nama murid, ii) mengenakan denda kewangan, iii) mengenakan kuarantin, iv) menarik balik keistimewaan, v) menyekat minat, dan vi) denda yang memberi kesan kepada emosi murid. Amalan ini diberikan berdasarkan kepada pencapaian hafazan murid-murid yang tidak memuaskan. Hanya empat pemberian hukuman bukan fizikal yang dinyatakan di dalam buku panduan sekolah yang diamalkan, iaitu; senarai hitam nama murid, denda kewangan, tindakan kuarantin, dan tarik balik keistimewaan.

i. Disenarai hitam

Berdasarkan dapatan yang diperolehi, amalan penyenaraian hitam nama murid ini melibatkan murid yang mempunyai masalah hafazan yang agak kritikal. Murid dalam senarai hitam perlu berjumpa dengan pihak pentadbiran sekolah, bermula dengan Penolong Kanan *Ulul al-Bab* atau Ketua Jabatan Al-Quran atau Pengetua bagi tujuan

kaunseling dan peringatan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Hazwan, "...Kalau tidak tasmik lebih dari 2 minggu pula, kena jumpa ustaz Penolong Kanan *Ulul al-Bab*".

Ustaz Ahmad menyatakan amalan sebegini selalu dilakukan oleh guru yang memantau kumpulan masing-masing dengan memberikan nama murid bermasalah dalam hafazan ini untuk diambil tindakan.

Hari kedua kalau pelajar tersebut tidak dapat menghafaz juga, guru tasmik (guru hafazan) dalam halaqah (kumpulan) itu akan bawa nama ke pihak pentadbiran sekolah iaitu kepada saya selaku Ketua Jabatan Al-Quran atau Penolong Kanan *Ulul al-Bab* sendiri. OK, kalau dalam seminggu pelajar tersebut tidak tasmik satu muka surat, ia akan terus dirujuk kepada pengetua. Maknanya pengetua akan beri kaunseling.

Pihak sekolah mengambil pendirian cuba menyelesaikan masalah dari peringkat bawah dahulu sebelum dibawa ke peringkat atasan. Murid yang dikenalpasti mempunyai rekod tidak baik dari aspek hafazan boleh juga disenarai hitam dan seterusnya pihak sekolah memanggil ibu bapa untuk berbincang mengenai masalah yang dihadapi murid bagi mencari jalan penyelesaian yang terbaik. Lazimnya ini melibatkan ketidaksesuaian murid mengikut pengajian di sekolah. Contohnya murid bermasalah dalam membaca Al-Quran, maka agak rumit untuk mahukan mereka menghafaz. Sebagaimana kenyataan ustaz Osman dan ustaz Mohamad seperti berikut:

Kalau perlu kita akan panggil ibu bapa dia. Kita bincang. Tapi sebelum tu saya akan kenal pasti dulu la, apa benda masalah dia. Contohnya dia ada masalah dari sudut bacaan, memang bila ada pelajar bermasalah dari sudut bacaan dia automatik akan bermasalah dalam hafazan. Sebab mereka mengambil masa yang lama untuk melancarkan bacaan. Jadi kita kenal pasti dulu masalah dia, bila dah nampak agak kritikal kita akan panggil ibu bapa dia la. Bersemuka kita bincang balik apa yang boleh kita sama-sama bantu anak ni. Alhamdulillah yang positif tu terima. Biasanya kalau pelajar tu betul-betul lemah, dia sendiri akan keluar daripada sekolah. Yang betul-betul lemah biasanya.

ii. Denda Kewangan

Turut diamalkan adalah tindakan mengenakan denda kewangan kepada murid.

Berdasarkan temu bual, tindakan ini pernah dialami oleh Kamarul, "...Kalau macam ustaz saya, 50 sen sehari (denda kewangan) tidak tasmik". Ini bermakna Kamarul telah dikenakan denda sebanyak 50 sen sehari untuk setiap kali beliau tidak dapat tasmi' hafazan Al-Quran.

Ustaz Osman juga menyatakan perkara tersebut diamalkan di sekolah ini berdasarkan kepada kesesuaian dan keadaan murid tersebut,

Bagi saya, kita buat buku tersebut (modul sukatan hafazan Al-Quran) adalah sebagai gambaran secara umum (kandungan yang ada tentang pemberian bentuk ganjaran dan hukuman) kepada guru-guru sebagai 'guideline' mereka. Kita namakan buku tersebut sebagai 'uqubah tashji'iyyah, iaitu denda yang memberikan semangat kepada murid. Contohnya, seperti wang ringgit, satu hari murid tidak dapat khatam (sasaran hafazan) mereka didenda RM2. Sekiranya mereka ingin tebus balik, mereka terpaksa 'double' kan bacaan sebelum itu. Sekiranya satu muka surat RM2, jadi jika esok mereka baca 2 muka surat, maka mereka berjaya menebus balik duit tadi. Tapi sekiranya perkara itu tidak sesuai bagi murid, saya tidak akan menggunakan cara tersebut. So, buat apa kita kumpul duit murid banyak-banyak RM2, RM3, RM4, RM6, RM7, atau RM10 kan? Sedangkan tidak beri kesan kepada murid tersebut.

Ini bermakna murid yang berkemampuan tidak didenda cara ini.

iii. Kuarantin

Denda kuarantin yang diamalkan di sekolah kajian boleh juga dikenakan apabila murid tidak mencapai sasaran hafazan ayat Al-Quran yang ditetapkan. Kuarantin melibatkan kem hafazan. Salmah menjelaskan,

Ha kalau denda, contoh ustaz biasanya akan kabor (maklumkan). Kalau awal tahun atau pertengahan tahun biasanya ustaz akan beritahu, ustaz nak 4 juzuk sebelum cuti pertengahan tahun. Kalau tak, kena kuarantin. Maksudnya kena jalani kem hafazan. Maksudnya kalau orang cuti 2 minggu, kita kena cuti seminggu je sebab seminggu (lagi) kena duduk kat sekolah. Sepanjang hari (di sekolah) tu aktiviti dia hafaz dan tasmik.

Ustaz Ahmad juga menambah,

Ada juga kita sekat (cuti), Cuma pada masa cuti panjang. Ok, masa cuti panjang kita adakan kuarantin. Yang mana pelajar yang tidak mencapai sasaran, contohnya saya letak daripada Januari hingga bulan Mei berapa juzuk saya hendak (sasarkan). Saya kata sekurang-kurangnya 4 juzuk. Kalau dia dapat kurang dari 4 juzuk, dia automatik akan masuk ke kuarantin lah. Kuarantin makna contoh cuti selama 2 minggu, dia akan dapat balik rehat di rumah hanya selama 1 minggu sahaja. Minggu kedua kena berada di sekolah.

Kuarantin lazimnya diadakan pada cuti persekolahan yang panjang, kebiasaananya dijalankan pada cuti pertengahan dan akhir tahun persekolahan. Kem hafazan bertindak sebagai denda bukan fizikal, tetapi tidak menggembirakan. Amnya, murid tidak mahu keistimewaan bercuti bersama keluarga disekat dan ditarik. Jadi mereka akan berusaha untuk mencapai target hafazan yang ditetapkan supaya tidak disenarai hitamkan. Aminah yang pernah dikenakan hukuman kuarantin berkongsi pengalamannya,

Pernah (dikenakan hukuman kuarantin) tapi kuarantin itu untuk yang tidak lepas target yang ustaz hendak lah. Tapi kalau lepas (mencapai sasaran hafazan) dia kalau nak pergi pun tidak mengapa juga.

Walau bagaimanapun, terdapat juga murid-murid yang ingin menyertai kuarantin walaupun melepassi sasaran hafazan. Ustaz Osman yang mempunyai pengalaman mengendalikan kelas hafazan turut menyokong adanya amalan hukuman kuarantin ini,

Kita kuarantin kan pelajar. So pelajar yang laju minggu tersebut katakan lah dia hanya menghafaz 3 muka surat jadi mereka dah miss 2 muka surat. Kita bagi peluang, next week, masih lagi begitu jadi kita tanya dia dan dia tak dapat jawab. Contohnya memang dia terpaksa menerima hukuman. Jadi kita ambil satu bentuk denda katakan denda itu kuarantin, jadi kita terpaksa kuarantin kan dia kat sekolah.

iv. Tarik Keistimewaan

Penarikan semula keistimewaan perkara-perkara yang melibatkan rutin kehidupan murid-murid di sekolah juga bertindak sebagai denda apabila mereka gagal mencapai sasaran hafazan yang ditetapkan. Aktiviti rutin seperti kebenaran keluar sekolah untuk ke bandar pada hujung minggu, dan aktiviti bersukan disekat oleh pihak sekolah selagi mana murid tidak mengganti semula hafazan ayat Al-Quran yang tidak diingati. Sebagaimana temu bual bersama ustaz Osman,

Pelajar yang lemah, contohnya dia gagal mencapai sasaran hafazan selama 2, 3 atau 4 hari, kita akan sekat dari aktiviti sekolah, sekat outing, sekat dari aktiviti luar atau dalam. Kemudian kita masukkan mereka ke dalam kuarantin.

v. Disekat Minat

Menyekat minat murid-murid merupakan hukuman bukan fizikal yang turut diamalkan di sekolah kajian. Guru akan mengenalpasti minat dan kesukaan murid-murid yang gagal mencapai hafazan. Ustaz Osman turut berkongsi berkenaan amalan ini,

Kemudian antaranya juga, contohnya sekiranya tidak memberi kesan, saya cari apa kesukaan pelajar tersebut. Contohnya pelajar tersebut minat main badminton katakanlah. Jadi kita akan sekat dia.

vi. Hukuman yang Memberi Kesan kepada Emosi

Didapati juga denda bukan fizikal yang memberi kesan kepada emosi murid. Ini melibatkan murid diminta menghafaz di hadapan kumpulan berlainan jantina turut diamalkan dalam hafazan Al-Quran di sekolah kajian. Dua orang murid dan tiga orang guru menyatakan amalan ini diberikan ketika sesi pembelajaran dijalankan. Aminah menyatakan, "...Kalau lelaki tu (denda yang diberikan)... ada la, kalau tak tasmik kena berdiri kat orang perempuan (berhampiran kumpulan hafazan perempuan)". Namun, murid perempuan juga turut diberikan denda yang sama sebagaimana yang dikongsikan oleh Fatimah,

Biasanya dia suruh budak perempuan ini pergi ke hadapan, untuk tasmik di hadapan lelaki dan berdiri. kebiasaanya di tengah atau pun di tepi surau.

Tambahan itu, ustaz Khairul melalui pengalamannya menceritakan beliau pernah memberikan denda ini kepada murid yang malas dan tidak dapat menguasai hafazan Al-Quran dengan baik. Beliau menyatakan hukuman yang diberikan kepada murid ini selalunya akan memberikan pengaruh yang baik kepada perubahan diri dan peningkatan prestasi hafazan ke atas murid tersebut. Pendekatan hukuman ini telah menyebabkan murid menjadi malu, takut dan serik dengan apa yang diterimanya. Ini bermakna pemberian hukuman ini telah memotivasi murid tersebut untuk mempertingkatkan prestasi hafalan dan meninggalkan kelakuan yang lama (malas) yang tidak diingini.

Tapi denda saya suka yang pelik dan benda yang lain. Saya pernah denda, pelajar lelaki suruh tasmik dengan pelajar perempuan. Suruh pergi tempat halaqah perempuan, duduk situ. Duduk tengah-tengah ni, berdiri tasmik atas kerusi tengah-tengah ni. Jadi dia akan rasa malu, rasa takut, jadi dia akan hafaz Al-Quran. Walaupun kerana terpaksa, tapi dia hafaz

juga. Lepas tu tasmik dia dah OK. Lepas tu dia dah tak buat dah. Lepas tu dia tasmik macam biasa, takut tak mahu kena denda. Malu lah dia. Mungkin cara tu buat sekali dua boleh. Tapi kalau banyak kali mungkin aib pada dia. Sekadar untuk mengajar la.

Pendekatan ini tidak diulang bagi seseorang murid kerana takut ia boleh memberi kesan sebaliknya.

Selain itu, penukaran kumpulan turut merupakan hukuman bukan fizikal yang diberikan dan boleh mempengaruhi emosi murid. Ustaz Ahmad menyatakan,

*OK, esok bila guru masuk saja halaqah, dia (pelajar yang lemah) lah orang pertama yang akan dipanggil (oleh guru tasmik) untuk qada' (tebus) balik apa yang tidak dihafaz pada hari yang sebelum itu. Kalau dia tidak dapat dia akan didenda ringan saja lah, (contoh) berdiri, atau kita **hantar dia (pelajar) ke halaqah lain** ke..*

Penukaran murid ke kumpulan lain yang berlainan tahap secara langsung memberi kesan seperti malu kepada murid akibat tidak berjaya menghafaz mengikut sasaran yang ditetapkan.

5.4.1.4 Peringatan/ Nasihat

Sesuai dengan ajaran Islam yang menekankan konsep ingat-mengingat dan memberi nasihat, pendekatan ini merupakan salah satu konsep peneguhan yang didapati diamalkan di sekolah kajian. Didapati dalam buku panduan ada dinyatakan berkaitan pemberian nasihat. Dalam kategori ini, peringatan yang diberikan adalah peringatan berkenaan denda berbentuk fizikal serta nasihat. Peringatan mengenai denda lebih bersifat ‘ancaman’ yang mempunyai tindakan lanjutan khusus.

Peringatan mengenai denda diberikan semasa pembelajaran hafazan Al-Quran sedang berlangsung. Berdasarkan temu bual, penemuan aktiviti pemberian peringatan berkaitan denda berbentuk fizikal hanya melibatkan satu bentuk sahaja, iaitu murid-murid diingatkan supaya mencapai target hafazan yang telah tetapkan, jika tidak mereka akan didenda menghafaz Al-Quran dalam keadaan berdiri di sepanjang sesi pembelajaran. Peringatan ini didapati didokumenkan di dalam buku panduan sekolah sebagai elemen yang telah ditetapkan pihak Yayasan Terengganu dan sekolah.

Dalam konteks ini, murid-murid telah diingatkan terlebih dahulu mengenai denda yang tidak menyenangkan akan diberikan, sekiranya tidak mencapai target hafalan. Peringatan ini menyebabkan mereka sentiasa bersedia dan bersungguh-sungguh mempertingkatkan prestasi hafalan untuk mengelak dari didenda. Dua orang guru dan tiga orang murid menyatakan elemen pemberian ini ketika ditemu bual.

Murid bernama Fatimah menyatakan, "...Kebiasaannya sebelum kena berdiri tu, ustazah bagi tempoh (untuk membaiki hafazan) selama 5 minit untuk *tasmik* lah". Berdasarkan kenyataan ini, guru terlebih dahulu memberikan peluang kepada murid-murid supaya memanfaatkan tempoh yang diberikan untuk memperbaiki bacaan ayat Al-Quran yang masih belum sempurna hafalannya. Jika murid masih belum berjaya, peringatan berbentuk denda berdiri akan dikenakan kepada mereka.

Terdapat juga peringatan agar dikenakan denda fizikal seperti dirotan. Dua orang guru dan seorang murid menyatakan bahawa peringatan denda rotan ini akan diberikan apabila gagal mencapai sasaran hafalan.

Salman, seorang murid menceritakan, kebiasaannya guru akan memberikan peluang kepada murid-murid yang belum dapat menghafaz dan melancarkan bacaan dengan sempurna terlebih dahulu sebelum membuat *tasmik*. Dalam masa sama, guru

akan mengingatkan muridnya berkaitan denda rotan yang akan diberikan jika gagal dalam sesi *tasmik* tersebut.

Ustaz Ahmad turut berkongsi pandangannya mengenai peringatan yang diberikan yang melibatkan sesuatu denda fizikal yang tidak bertujuan mencederakan sebagai ‘ancaman’ kepada murid-murid supaya dapat mencapai sasaran hafazan Al-Quran yang telah ditetapkan.

Maknanya bila kita bagi 2, 3 kali peluang lain, contohnya beri waktu 20 minit lagi, saya akan tunggu. OK, kalau tidak dapat juga (menghafaz), saya akan rotan sekali atau dua kali ke tapak tangan.

Peringatan pemberian denda rotan kepada murid adalah sebagai satu ancaman yang tidak menyenangkan supaya mereka lebih berusaha dan bersungguh-sungguh memperbaiki hafalan, di samping dapat mengelakkan diri daripada dikenakan denda tersebut.

Bagi peringatan mengenai denda berbentuk bukan fizikal yang lazim diamalkan adalah pemberian nasihat serta peringatan berkaitan tindakan tertentu akan dikenakan kepada murid. Didapati hanya pemberian nasihat sahaja dinyatakan di dalam buku panduan sekolah.

Berdasarkan temu bual, tiga orang guru menyatakan bahawa nasihat perlu diberikan kepada murid yang masih belum mantap hafalannya. Ustaz Mohamad menyatakan pemberian nasihat akan diberikan terlebih dahulu sebelum apa-apa bentuk denda diberikan kepada murid tersebut.

Sebelum tu kena nasihat (sebelum memgenakan denda), pastu denda tu biasa lah. Denda kita buat berdiri je lah. Bagi sebagai pengajaran tu je lah. Berdiri dalam 10 minit, 15 minit begitu.

Nasihat yang diberikan ini berfungsi sebagai motivasi dan leteran kepada mereka supaya mereka mendapat kesedaran dan semangat untuk meneruskan usaha meningkatkan prestasi hafazan. Ustaz Ahmad, iaitu penyelaras program *Ulul al-bab* di sekolah kajian ada menyatakan bahawa perbincangan mengenai murid dan pemberian nasihat juga diberikan kepada guru halaqah.

OK, pada minggu ini, ada pelajar yang hafaz kurang dari 4 atau 3 muka surat ke, saya akan tanya guru, ini pasal apa pelajar macam ni (kurang menghafaz)? Kalau perlu saya panggil (pelajar), saya akan panggil. Atau kalau perlu panggil, saya akan bagi nasihat/ cadangan kepada guru halaqah itu suruh dia buat sesuatu lah. Sama ada beri peringatan kepada pelajar tu. Atau saya panggil (berikan kepada) ketua jabatan ke atau ketua *Ulul al-Bab* ke, Ustaz Osman atau pun Pengetua. OK, minggu depan mesti buktikan dia boleh hafaz 4 atau 5 muka surat, paling kurang. Paling kurang 4 muka surat satu minggu. Jika dia tidak berjaya, saya akan panggil. Kemudian, kalau minggu seterusnya kalau tidak dapat juga 4 muka surat, saya akan pergi kepada Ustaz Osman.

Murid yang bermasalah dikenalpasti oleh penyelaras program *ulu al-bab* untuk diberikan nasihat terlebih dahulu sebagai peringatan awal. Pemberian peringatan ini adalah secara bertahap, iaitu murid diberi nasihat oleh Penyelaras *Ulul al-Bab*/ guru halaqah terlebih dahulu, diikuti oleh Ketua Jabatan *Ulul al-Bab* dan akhir sekali oleh pengetua sekolah.

Peringatan-peringatan lain selalunya khusus mengenai kuarantin dan penukaran kumpulan murid.

Dia (murid) tidak masuk dalam halaqah (kumpulan), tapi dia berada di kawasan halaqah. Contohnya pelajar lelaki ditasmik di surau (kawasan hafazan kumpulan pelajar lelaki). OK, guru akan kata kalau esok awak tak ingat, awak akan pergi ke dewan (kawasan hafazan kumpulan pelajar perempuan), awak akan tasmik di dewan. Jadi, makna esok kalau dia tak ingat juga, maka guru akan hantar ke dewan, sama ada duduk atas pentas ke, tapi tidak berada dalam halaqah perempuan la. Cuma dia berada di kawasan tempat tasmik perempuan.

Berdasarkan kenyataan ini, murid akan diberikan peringatan dan amaran terlebih dahulu mengenai denda yang akan diterima sekiranya tidak dapat mengingat ayat hafazan. Penukaran kumpulan asal ke kumpulan lain yang berlainan jantina atau ke kumpulan tahap tingkatan lebih rendah dari mereka dianggap sebagai sesuatu yang tidak diingini oleh mereka. Maka mereka akan bersungguh-sungguh mencapai sasaran yang ditetapkan dan akan sedaya upaya untuk mengelakkan diri dari dihantar ke dalam kumpulan lain.

5.5 Penyelarasian Amalan Pemberian Peneguhan

Pemahaman guru dan murid ke atas pelaksanaan sistem pemberian ganjaran dan hukuman di sekolah kajian seperti yang ditetapkan di dalam buku panduan adalah elemen penting dalam pencapaian hafazan Al-Quran. Analisis mendapati buku panduan modul sukanan hafazan Al-Quran yang digunakan merupakan ketetapan yang dipersetujui dan kandungannya disesuaikan dengan pelaksanaan di sekolah kajian. Didapati beberapa amalan peneguhan yang digariskan adalah diamalkan oleh guru ketika hafazan Al-Quran sedang berlangsung. Namun tidak kesemua amalan yang digariskan itu diamalkan sepenuhnya oleh guru. Terdapat juga bentuk pemberian peneguhan yang merupakan inisiatif guru sendiri yang tidak didokumentasikan di dalam buku panduan. Oleh itu, tiga aspek yang timbul dalam penyelarasian amalan peneguhan yang diperolehi daripada dapatan penyelidikan kualitatif melibatkan: (a) peneguhan yang didokumentasikan dan diamalkan, (b) peneguhan yang didokumentasikan dan tidak diamalkan, dan (c) peneguhan yang tidak didokumentasikan tetapi diamalkan.

(a) Peneguhan yang Didokumentasikan dan Diamalkan

Jadual 5.10: Peneguhan yang Didokumentasikan dan Diamalkan

Ganjaran Positif	Ganjaran Negatif	Hukuman
Bentuk Kebendaan: <ul style="list-style-type: none"> • Insentif kewangan berpindah juzuk 	Bentuk Bukan Fizikal: <ul style="list-style-type: none"> • Pengembalian wang denda 	Bentuk Fizikal: <ul style="list-style-type: none"> • Hafaz sambil berdiri • Tulis semula ayat hafazan
		Bentuk Bukan Fizikal: <ul style="list-style-type: none"> • Senarai hitam nama dengan memanggil ibu bapa • Denda wang • Kuarantin di kem pengukuhan (sekat cuti) • Tidak dibenarkan <i>outing</i> (tarik keistimewaan)
• Pemberian nasihat/ kaunseling		

Jadual 5.10 memperincikan tentang bentuk peneguhan yang digariskan di dalam buku panduan yang diamalkan oleh guru dalam hafazan Al-Quran di sekolah kajian. Didapati penggunaan ganjaran positif melibatkan hanya satu amalan peneguhan, iaitu pemberian insentif kewangan yang bersifat kebendaan. Pendekatan menggunakan ganjaran negatif juga hanya satu iaitu pengembalian kembali wang denda.

Manakala, hukuman merupakan amalan yang kerap digunakan dalam pelbagai tindakan oleh guru berdasarkan buku panduan sekolah yang diberikan. Sebanyak enam jenis pemberian hukuman yang digariskan telah digunakan oleh guru. Empat daripadanya pemberian hukuman secara bukan fizikal, iaitu: (a) senarai hitam nama dengan memanggil ibu bapa, (b) denda kewangan, (c) kuarantin di kem hafazan, dan (d) penarikan keistimewaan murid. Manakala dua lagi adalah hukuman secara fizikal yang bersifat ringan, iaitu: (a) menghafaz dalam keadaan berdiri, dan (b) menulis semula ayat

hafazan. Selain itu, didapati juga aktiviti pemberian nasihat dan kaunseling oleh guru kepada murid-murid yang mempunyai masalah dalam hafazan.

Berdasarkan penemuan tersebut didapati ketiga-tiga ganjaran positif, ganjaran negatif dan hukuman yang didokumentasikan di dalam buku panduan digunakan oleh guru dalam pengajaran mereka. Dapatkan ini menunjukkan bahawa para guru yang terlibat memahami tentang pelaksanaan pemberian ganjaran dan hukuman di sekolah kajian melalui buku panduan yang diberikan oleh pihak Yayasan Terengganu.

(b) Peneguhan yang Didokumentasikan dan Tidak Diamalkan

Jadual 5.11: Peneguhan yang Didokumentasikan dan Tidak Diamalkan

Ganjaran Positif	Ganjaran Negatif	Hukuman
Tiada	Tiada	Bentuk Fizikal: <ul style="list-style-type: none">• Khidmat Komuniti

Jadual 5.11 di atas pula menunjukkan dapatan berkenaan pemberian peneguhan yang terdapat di dalam buku panduan yang tidak diamalkan oleh guru dalam sesi pembelajaran. Didapati hanya peneguhan jenis hukuman supaya murid menyertai khidmat komuniti sahaja yang dikenalpasti tidak diamalkan oleh guru seperti mana yang digariskan di dalam buku panduan.

(c) Peneguhan yang Tidak Didokumentasikan tetapi Diamalkan

Jadual 5.12: Peneguhan yang Tidak Didokumentasikan tetapi Diamalkan

Ganjaran Positif	Ganjaran Negatif	Hukuman
Bentuk Bukan Kebendaan: <ul style="list-style-type: none"> • Pujian • Dimasukkan ke kumpulan atas Bentuk Kebendaan: <ul style="list-style-type: none"> • Hadiah/ cenderamata • Sijil/ anugerah • Belanja dan lawatan Di Khalayak Ramai: <ul style="list-style-type: none"> • Penghargaan di hadapan guru dan murid Lain 	Bentuk Fizikal: <ul style="list-style-type: none"> • Menghafaz dalam keadaan berdiri 	Bentuk Fizikal: <ul style="list-style-type: none"> • Kutip sampah dan kemuncup • Pusing bangunan, jalan itik dan peluk tiang • Rotan • Ketuk ketampi • Cubit • Berlari Bentuk Bukan Fizikal: <ul style="list-style-type: none"> • Sekat minat • Denda yang memberi kesan kepada emosi

Berdasarkan Jadual 5.12, didapati juga bentuk pemberian ganjaran dan hukuman yang diberikan oleh guru tanpa mengikut garis panduan di dalam buku panduan sekolah. Pendekatan ini merupakan inisiatif sendiri yang diberikan guru bergantung kepada keadaan dan persekitaran serta amalan lazim.

Didapati guru melalui inisiatif sendiri lebih kerap memberikan ganjaran positif berbanding peneguhan lain. Ianya melibatkan tiga kategori, iaitu: (a) penghargaan berbentuk bukan kebendaan (contoh: pujian, dan dimasukkan ke kumpulan atas), (b) penghargaan berbentuk kebendaan, (contoh: hadiah, dan sijil), dan (c) penghargaan di khalayak. Didapati ganjaran negatif melibatkan hanya satu pemberian, iaitu menghafaz dalam keadaan berdiri. Manakala pemberian hukuman juga adalah antara amalan yang paling pelbagai dan kerap digunakan dan melibatkan dua kategori, iaitu: (a) hukuman berbentuk fizikal (contoh: kutip sampah dan kemuncup, denda pusing bangunan, jalan

itik, peluk tiang, denda rotan, ketuk ketampi, cubit, dan berlari), dan (b) hukuman berbentuk bukan fizikal (contoh: sekat minat dan denda yang memberi kesan kepada emosi). Kategori hukuman berbentuk fizikal melibatkan hukuman berat dan ringan.

5.6 Penerimaan Responden dan Pengaruh dalam Hafazan

Selain menjalankan pendokumentasian, dapatan berkenaan maklum balas penerimaan responden ke atas pemberian ganjaran dan hukuman turut dikenalpasti. Selain itu, dapatan juga membincangkan pengaruh di antara ganjaran dan hukuman ke atas prestasi hafalan (memori) murid.

(a) Penerimaan Murid terhadap Amalan Peneguhan

Berdasarkan dapatan yang diperoleh melalui temu bual, didapati hampir kesemua murid memberikan respons memahami dan menerima baik ke atas amalan peneguhan ini. Walau bagaimanapun, terdapat juga murid-murid yang meluahkan kebimbangan bahawa amalan peneguhan mengurangkan kesempurnaan niat mereka menghafaz untuk mencari keredhaan Allah SWT.

Dalam temu bual, Salman menyatakan pemberian ganjaran yang diamalkan di sekolah kajian memberi kebimbangan kepada segelintir murid. Mereka bimbang niat mereka menghafaz Al-Quran disalah tafsir sekiranya menerima pemberian ganjaran daripada guru atau pihak sekolah. Mereka juga khuatir terpesong dari niat asal mereka dalam menghafaz Al-Quran. Mereka menjelaskan tujuan mereka menghafaz Al-Quran ini adalah semata-mata mencari keredhaan Allah SWT bukannya disebabkan oleh faktor ganjaran.

Benda tu macam kita ni **atas niat** la kira. Macam kita menghafal ni bukan untuk duit. Untuk Allah. Jadi bila kita menghafal ni kita dekatkan diri pada Allah.

Amshar menambah,

Tak tahu la. Sebab kita menghafal ni kan tujuan untuk mencari **keredhaan Allah**, bukan semata-mata nak duit. Tapi in sha Allah semua fikir untuk mencari keredhaan Allah, bukan untuk dapat duit je.

Situasi ini menggambarkan bahawa murid-murid memahami dengan jelas tujuan menghafal Al-Quran walaupun mengetahui berkenaan pemberian ganjaran.

Mereka bersetuju dengan pelaksanaan peneguhan ini berdasarkan dua aspek, iaitu: (i) sebagai pengajaran dan iktibar, dan (ii) sebagai motivasi untuk meningkatkan semangat.

i. Sebagai Pengajaran dan Iktibar

Para murid juga melihat pemberian ganjaran dan hukuman ini sebagai suatu didikan dan pengajaran oleh seorang guru kepada anak didiknya supaya dapat mengambil iktibar daripada pemberian tersebut, sama ada menyelesakan atau menyakitkan mereka. Salman menyatakan,

Aa.. Disebalik dia patut buat (pemberian aspek peneguhan) tu ada **bersebab** lah. Sebab dia (guru) nak **didik** pelajar-pelajar ni untuk berjaya. Contohnya ada jugak la ustaz yang sanggup menangis untuk nak berjayakan anak murid dia.

Salman menambah,

Sebab dia nak suruh rakan-rakan saya ni **ambil iktibar** dari rotan tu. Maknanya kalau kena rotan ni mesti rasa dalam hati, ustaz mesti rasa kecewa sebab kita kan. Ustaz harapkan boleh tasmik hari ini, tiba-tiba tak boleh tasmik. Jadi rakan-rakan saya yang lain ni biasanya dia tak bantah la apa ustaz buat tu.

Hukuman yang diterima oleh seseorang murid di khalayak ramai boleh memberi pengajaran kepada yang lain.

ii. Sebagai Motivasi Meningkatkan Semangat

Selain itu, para murid menganggap pemberian ganjaran dan hukuman sebagai satu bentuk motivasi yang membina kepada mereka untuk lebih bersemangat dan meningkatkan prestasi hafazan Al-Quran. Hazwan berkongsi pendapat tentang perkara ini, "...Macam nak suruh bagi kita **semangat** lagi (selepas didenda rotan di hadapan pelajar perempuan)." Hafizah juga menambah, "...Sebab denda tu nak **beri pengajaran**. Yang penghargaan tu nak suruh pelajar ni **semakin bersemangat** lagi nak menghafaz".

Begitu juga Hasnan,

Patut (denda diberikan). Sebab denda ni dia untuk menaikkan **semangat**. Mendorong kepada lebih baik. Kita kena fikir positif la. Jangan ambik negatif.

Pemberian ganjaran positif juga menguatkan lagi niat untuk berjaya dalam hafazan.

(b) Pengaruh Amalan Peneguhan terhadap Prestasi Murid

Kedua-dua kumpulan guru dan murid berpendapat bahawa amalan pemberian ganjaran dan hukuman mampu memberikan pengaruh yang baik terhadap prestasi murid dalam hafazan Al-Quran. Kedua-dua bentuk peneguhan memberi kesan atau pengaruh ke atas psikologi dan emosi.

Kedua-dua ganjaran positif dan negatif lazimnya menghasilkan pengaruh keterujaan untuk meningkatkan hafazan. Hukuman pula mengakibatkan pengaruh rencatan terhadap kegagalan menghafaz. Hukuman mengakibatkan murid menjadi malu dan merasa tertekan yang menguatkan lagi usaha mereka; oleh itu bertindak memberikan kesedaran dan semangat untuk meningkatkan prestasi hafazan murid.

Ustaz Osman mengakui amalan pemberian peneguhan mampu memberikan kesan yang baik kepada murid. Menurutnya, murid lebih menyenangi/ menggemari para guru yang sering mengambil berat mengenai hal-hal yang berkaitan mereka, walaupun mungkin guru-guru tersebut sering memantau mereka.

Dia memberi kesan lah. Dia (ganjaran dan denda) begini, pelajar ini dia nak kita cakna (ambil berat) saja dekat mereka. Jadi pelajar yang hebat kita cakna mereka dalam bentuk ganjaran, galakan dan penghargaan lah. Dalam masa yang sama kita berikan galakan pada kawan-kawan yang lain. Pelajar yang lemah pula kita berikan dia denda.

Ustaz Kamal juga menyatakan pemberian penghargaan berbentuk pujian juga dapat memberikan kesan yang baik terhadap peningkatan prestasi hafazan murid-murid berbanding ucapan yang tidak baik. Baginya, pengalamannya memberikan ucapan yang tidak baik pada ketika dahulu telah memberikan pengajaran yang berguna kepadanya dalam mengendalikan murid yang mempunyai pelbagai karenah dan ragamnya

tersendiri, khususnya murid yang mempunyai tahap keyakinan yang rendah dan tiada motivasi.

Ha, puji itu ada. Puji itu memang selalu buatlah. Kita tidak boleh memperlekehkan dia (murid). Kena pujilah. Kalau kita mengata dia balik, seolah-olah melemahkan semangat murid. Kalau kita puji, “bagus awak ni, 3 muka surat (telah dihafaz), esok teruskanlah hafazan, orang lain dah laju, kita kena lebih sedikitlah”. Esok itu tengok, ada lebih sedikit (peningkatan hafazan). Kadang-kadang murid ini kita tidak boleh kata benda pelik-pelik, nanti akan mempengaruhi dia. Pernah saya buat sekali, sebelum saya pegang kumpulan sekarang ini, daripada kumpulan lain... Pernah la kata, “Muhammad Faiz, awak ini kurang cerdik”. Jadi melemahkan (ucapan) semangat dia. Jadi dia ini (fikir), “Ish.. tidak mahu menghafaz Al-Quran lah macam ini. Benda itu senang, tapi ustaz yang buat payah, jadi payah kadang-kadang, atas ustaz lah.

Selain itu, menurut Ustaz Ahmad terdapat kesan perubahan setelah beliau sendiri memberikan peringatan kepada murid yang berada dikelompok yang lemah dalam hafazan Al-Quran. Pemberian peringatan berbentuk ‘ancaman’ oleh beliau kepada murid untuk dipindahkan ke kumpulan hafazan tingkatan lain yang lebih rendah telah menyebabkan mereka berusaha meningkatkan hafazan supaya tidak dikenakan tindakan tersebut. Menurut Ustaz Ahmad, mereka memang sangat bimbang sekiranya mereka dipindahkan ke kumpulan lebih rendah.

Kali pertama saya buat (peringatan kepada murid yang tidak mencapai sasaran) pada bulan Mei tahun lepas (2010), saya nampak peningkatan hafazan secara mendadak lah. Murid memang bimbang, kalau boleh mereka tidak mahu turun ke kumpulan hafazan tingkatan lain. Kalau naik ke kumpulan hafazan tingkatan lain tidak apa. Contoh dari kumpulan hafazan tingkatan dua (2), pergi ke kumpulan hafazan tingkatan tiga (3), mereka suka, mereka bangga kerana mereka lebih dari orang lain (rakan lain).

Tambahan itu, Ustaz Kamal dalam maklum balasnya ternyata begitu gembira dengan perubahan seorang murid di bawah pantauan beliau yang telah berjaya

membuktikan kemampuan mencapai sasaran hafazan yang begitu memberangsangkan, walaupun pada awalnya bermula dengan perlahan,

Salah seorang murid itu adalah Amshar lah. Mak ayah dia ada telefon, ucap terima kasih kepada saya. Sebab kalau dulu Amshar semuka (ambil masa seminggu untuk menghafaz), paling banyak pun 2 muka seminggu. Saya boleh ambil guru tasmi' lain untuk rujuk balik prestasi dia. Amshar juga mempunyai bacaan yang baik. Selepas saya buat denda (berikan tindakan), saya rotan, Alhamdulillah saya tengok hasil dia, kesan dia Alhamdulillah lah. Semasa dia di tingkatan satu, ramai orang pertikaikan dia, ada yang kata dia tidak boleh untuk menghafaz. Bila saya buat denda ni, Alhamdulillah saya tengok, ada kesan lah kepada dia. Dia pun ada berterima kasih kepada saya.

Murid terbabit adalah murid yang dikategorikan sebagai murid yang lemah dari sudut hafalan pada permulaan awal persekolahan, disebabkan amat sukar menghafal. Walau bagaimanapun, pemberian denda berbentuk rotan yang diberikan telah memberikan pengaruh positif kepada murid tersebut. Hukuman ini telah bertindak mengurangkan pengulangan kesukaran murid untuk menyesuaikan diri dalam pembelajaran hafazan Al-Quran pada permulaannya (tingkah laku lama), sehingga murid tersebut berjaya meningkatkan hafazan dengan begitu cemerlang (tingkah laku baru).

Salman, seorang murid di bawah kategori cemerlang menceritakan bahawa beliau telah menerima imbuhan berbentuk kewangan, iaitu sebanyak RM10 daripada pihak sekolah setelah berjaya menghabiskan satu juzuk Al-Quran dalam tempoh satu bulan. Salman menambah guru hafazan juga turut memberikan hadiah seperti buku, pen atau hadiah-hadiah kecil sebagai galakan kepada beliau untuk meneruskan hafazan. Tambah beliau, penghargaan sebegini telah merangsangnya untuk bersemangat dan bermotivasi meningkatkan lagi usaha untuk menghafaz.

Aa, rasa semangat lagi lah menghafaz (selepas dipuji guru)... Ada semangat baru la. Kira macam nak murojaah lebih banyak lagi. Nak tasmik lebih banyak lagi supaya bila tasmik awal-awal kan, tapi bila tasmik banyak-banyak pun kena jaga jugak belakang (hafazan yang dulu). Jadi, seimbang la kira.

Hazwan juga turut berkongsi perasaan yang sama dengan kawan-kawannya yang lain. Beliau menganggap hukuman yang pernah diterimanya sebelum ini sebagai suatu pengajaran yang sangat berguna. Malah, beliau menyatakan yang beliau semakin bermotivasi dan bersemangat untuk menghafaz ayat-ayat Al-Quran sejurus sahaja dikenakan hukuman dahulu.

Rasa anggap itu sebagai pengajaran la (selepas menerima denda rotan yang diberikan guru). Saya rasa macam nak tingkatkan usaha sebelum ni. Macam sebelum ini hafal begitu sahaja (tidak serius), macam kena tingkatkan lagi (selepas menerima denda rotan yang diberikan guru).

Hasnan seorang murid di bawah kategori sederhana tahap kemampuan hafazannya menyatakan bahawa beliau kini semakin rajin untuk menghafaz setelah diberikan nasihat oleh guru kumpulannya, "...Reaksi sekarang semakin rajin lah berbanding dulu. Semakin rajin setelah menerima nasihat dan motivasi daripada guru hafazan".

Bagi murid tahap sederhana, pemberian nasihat ini memberi pengaruh positif mungkin kerana mereka merasakan ia sebagai suatu pemberian berbentuk perhatian kepada mereka daripada guru. Mungkin perhatian yang didapati oleh seseorang murid memberikan satu tanggapan bahawa mereka adalah istimewa. Pemberian hukuman berbentuk fizikal ini dapat merangsang murid untuk terus meningkatkan hafazan kerana sudah menjadi fitrah bagi manusia untuk diperhatikan, dihargai dan diperingati.

Para guru merasakan hukuman boleh menaikkan prestasi dan menaikkan semangat, tetapi mestilah diberikan mengikut kepada kesesuaian dan tidak berlebihan.

Malah murid akan menyedari kesilapan mereka sekiranya guru memberikan denda yang berpatutan kepada mereka dan disusuli dengan ganjaran positif.

Perlu juga. Bagi pandangan saya perlu juga. Kalau kita sediakan yang negatif tidak elok juga. Kadang-kadang kena juga inisiatif yang positif (diberikan), kena ada. Perkara ini hendak “back-up” dia balik, supaya dia lebih semangat lagi. Dia tidak rasa dia tu terpinggir ke.

Ustaz Mohamad menambah,

Pelajar ni, kalau saya gunakan dari segi penghargaan, dia (pelajar) pun menghargai. Daripada segi denda tu, tapi denda ni pun boleh juga menaikkan (prestasi) dia (pelajar). Bagi semangat, maknanya dia tak akan melakukan lagi (kesalahan yang sama). Dia tak akan lakukan lagi perkara tersebut. Tapi kita janganlah... maknanya denda tu melebih-lebih. Maknanya sekadar sahaja (yang perlu).

Walau bagaimanapun melalui pengalaman, guru merasakan murid akan lebih menghargai sekiranya diberikan peneguhan berbentuk ganjaran yang positif. Secara fitrahnya, manusia akan lebih bersungguh-sungguh jika usaha dan kejayaan yang diperoleh sebelumnya diberikan ganjaran yang disukai dan sebaliknya akan mengurangi kesalahan yang pernah dilakukan apabila menerima hukuman di atas tindak-tanduk tersebut.

Murid bernama Fatimah turut berkongsi pengalaman berkenaan perasaan malunya apabila dikenakan hukuman berdiri sambil menghafaz ayat-ayat hafazan di hadapan murid yang lain. Hukuman fizikal ini digabungkan dengan pendekatan yang memberi kesan terhadap emosi. Tindakan tersebut telah memberikan suatu pengajaran dan satu semangat yang baru kepadanya untuk meningkatkan hafazannya,

Satu, sebab malu. Kan kita berdiri, kan semua orang tengok... Satu, malu. Kedua, kecewa la, sebab nak dapat target. Jadi nak terus maju macam orang lain la.

Fatimah juga menceritakan yang beliau pernah melihat beberapa orang kawannya yang didenda berdiri di atas pentas kerana tidak dapat menghafaz seperti mana sasaran yang ditetapkan.

Perasaan malu. Sebab setiap kali dia ingin menghafaz, tidak rasa tenteram dan tenang jiwa dia. Sentiasa dipandang oleh orang lelaki. Jadi malu. Pastu dibawa cerita di dalam kelas, jadi dia ingin tambah, macam tak nak kena denda, dia terus sentiasa tasmik la.

Beliau yang juga pernah menerima denda yang sama turut menyatakan perasaannya,

Tapi, biasanya orang yang berdiri tu boleh lah tasmik. Boleh tasmik. Macam dia ada, bila berdiri tu, Ustazah suruh berdiri dia ada semangat la untuk menghafaz. Biasanya orang yang duduk, yang tasmik. Rasa macam sambil lewa. Membuat sambil lewa.

(c) Nasihat Sebagai Tambah Nilai Peneguhan

Nasihat oleh guru bukan sahaja dapat memberikan pengaruh positif kerana ia melambangkan perhatian yang diberikan oleh guru, malah ia juga memberi pengaruh positif kerana ia boleh berfungsi untuk meredakan tekanan yang dihadapi oleh murid. Amshar menyatakan yang beliau pernah mengalami tekanan dalam pembelajaran kerana bebanan hafazan Al-Quran dan tindakan denda yang diperolehnya kerana tidak mencapai sasaran hafazan. Walau bagaimanapun, beliau mampu mengatasi masalah tersebut setelah diberikan nasihat oleh guru kumpulannya "...Rasa 'stress', tapi dapat kawal balik sebab ustazah ada bagi nasihat lah". Amalan pemberian nasihat sebegini membantu mendorong murid ini memulihkan kembali semangat dan memotivasikan diri untuk meningkatkan hafazan. Walau bagaimanapun, pengaruh tersebut juga bergantung kepada pendekatan semasa pemberian nasihat itu diberikan kepada murid

tersebut. Jika ia mengakibatkan murid berasa malu, rendah diri dan lain-lain perasaan negatif maka nasihat itu hanya akan menjadikan keadaan bertambah teruk.

BAB 6: PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

6.1 Perbincangan

Dapatan kajian diperoleh melalui kajian tekstual (analisis dokumen) dan kajian kes (kajian lapangan). Kajian dijalankan untuk mengumpul dan mendokumentasikan maklumat berkenaan pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman dalam pendidikan daripada perspektif sains kelakuan dan tradisi Islam. Pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman dalam penghafazan Al-Quran di sekolah kajian yang berteraskan agama juga turut dikenalpasti. Hubungkait melalui proses pengintegrasian maklumat antara kedua-dua penemuan ini turut dibincangkan sebagai dapatan yang menyokong objektif penyelidikan. Bab ini akan membincangkan dan menyimpulkan dapatan berdasarkan sub-topik:

- i. Konsep peneguhan serta hubungkaitnya dalam falsafah pendidikan.
- ii. Penglibatan otak dan akal sebagai elemen penting pembelajaran.
- iii. Keperluan ganjaran dan hukuman dalam pendidikan.
- iv. Pencirian umum amalan pemberian peneguhan berdasarkan dapatan penyelidikan.
- v. Penyelarasaran di antara aspek amalan peneguhan dan perspektif kandungan (Islam dan sains kelakuan).

6.1.1 Konsep Peneguhan serta Hubungkaitnya dalam Falsafah Pendidikan

Islam sama sekali tidak menolak keseluruhan pandangan Barat, namun menegaskan pandangan yang tidak benar tidak akan diterima. Haque (1998) dan Sidek Baba (2011) menyatakan pandangan yang palsu dan hasil penyelidikan yang tidak disandarkan pada Al-Quran dan hadis serta tidak menggunakan fungsi akal dengan baik telah tidak menepati ciri-ciri falsafah pendidikan yang digariskan agama Islam.

Sains kelakuan melalui teori behaviourisme yang memperkenalkan prinsip pelaziman operan dengan mengaitkan unsur ganjaran dan hukuman dalam pendidikan telah diaplikasikan di Malaysia secara umum, walaupun dilihat masih belum mampu melahirkan murid yang mantap secara komprehensif. Pembelajaran didefinisikan oleh Atrens dan Curthoys (1982) sebagai satu proses pembentukan tingkah laku yang baru setelah diperteguhkan oleh pengaruh persekitaran atau pengalaman seperti ganjaran positif, ganjaran negatif dan hukuman. Kandel et al. (2013) secara umumnya menjelaskan konsep pemberian ganjaran (ganjaran positif dan ganjaran negatif) dalam pendidikan adalah untuk mengukuh dan meningkatkan usaha dan kebolehan seseorang untuk mencapai tingkah laku yang diingini. Manakala hukuman pula bertindak untuk menyekat tingkah laku yang salah (tidak diingini) daripada berulang kembali.

Pembentukan tingkah laku atau keperibadian seseorang menggunakan elemen ganjaran dan/atau hukuman yang dibincangkan dalam sains kelakuan juga sememangnya telah dibincangkan di dalam Islam dengan menggunakan istilah yang berbeza. Sharifah Norshah Bani (2006) dalam penyelidikannya mengenai modul pendidikan berkaitan pemberian peneguhan dalam pendidikan mendapati bahawa hampir keseluruhan ayat Al-Quran telah menggunakan modul *tabsyir* dan *indhar*. Terdapat juga pendekatan yang mempunyai konsep yang sama, namun menggunakan

istilah yang berbeza, iaitu *targhib*, *tsawab*, *tarhib*, dan ‘*uqubah* di dalam Al-Quran dan hadis.

Targhib dan *tsawab* mempunyai konsep yang sama dengan pendekatan *tabsyir* seperti mana pendefinisian oleh Ahmad Ali Budaiwi (2002), Syed Abdul Majid Ghouri (2012) dan Abu Abdullah Hanafi Dollah (2013), iaitu pendekatan ganjaran positif yang memberikan galakan dan motivasi. *Tarhib* pula mempunyai konsep yang sama dengan *indhar* sebagaimana yang dinyatakan di dalam *Mu'jam al-Mustholah al-Hadith* oleh Syed Abdul Majid Ghouri (2012). Mohd Yakub@Zulkifli Mohd. Yusoff (2011) memberikan definisi ‘*uqubah* di dalam Kamus Al-Quran sebagai satu bentuk hukuman yang diberikan selepas melakukan kesalahan agar dapat diambil pengajaran. Istilah yang diguna pakai ini sebagai penyesuaian kepada manusia agar sentiasa waspada ke atas arahan dan peringatan yang ditetapkan Agama supaya fitrah dan keinginan manusia dapat dibentuk.

Pemberian ganjaran dan hukuman adalah antara amalan yang lazim dilaksanakan dalam proses pembelajaran formal oleh pendidik di sekolah. Peneguhan yang diusahakan adalah berfungsi sebagai pendorong/peneguh tingkah laku dan memberikan motivasi kepada murid-murid semasa proses P&P berlangsung. Seseorang murid itu boleh meningkatkan pencapaianya dalam akademik, malah kualiti keperibadian murid juga boleh dibina melalui pendekatan pemberian ini yang jenis ganjaran dan hukuman serta cara pengamalannya diselaraskan dengan ajaran dalam Islam. Ini selari dan mempunyai hubungkait yang rapat dengan tujuan falsafah pendidikan itu sendiri sebagaimana yang diutarakan oleh Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri (2011). ‘Abd al-Fattah Abu Ghuddah (2011) menyatakan hakikat falsafah pendidikan itu adalah bagaimana akhirnya individu itu mampu memperbaiki kualiti tingkah laku/ keperibadian dengan pengetahuan yang diperolehinya daripada pembelajaran atau pengalaman.

6.1.2 Penglibatan Otak dan Akal sebagai Elemen Penting Pembelajaran

Berdasarkan perbincangan terdahulu, kehebatan manusia berbanding makhluk lain dikaitkan dengan kelebihan yang sebahagiannya dicatatkan di dalam surah al-Isra' (17), ayat 70 di bawah:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَهَمْنَاهُمْ فِي الْجَنَّةِ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُم مِّنْ كُلِّ الطَّيِّبَاتِ
وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّمَّا خَلَقْنَا تَفْضِيلًا

Al-Quran, Surah Al-Isra' (17): 70

“Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam (manusia); dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.”

Akal yang merupakan salah satu daripada kelebihan tersebut dapat berfungsi sebagai alat untuk mentadabbur ayat-ayat Al-Quran melalui penghayatan, pemerhatian dan penyelidikan ke atas ciptaan Allah SWT. Golongan yang menggunakan akal dengan sebaiknya digelar sebagai *Ulul al-Bab*, iaitu golongan yang sentiasa mencari kebenaran.

Dalam penyelidikan neurosains, akal sering dikaitkan dengan kajian yang melibatkan organ utama sistem saraf pusat manusia, iaitu otak. Walaupun terdapat beberapa persamaan dari aspek struktur di antara otak manusia dan haiwan, namun Kandel et al (2013) menyatakan otak manusia dapat mengurus kegiatan mereka dengan lebih sistematik berbanding haiwan. Dalam istilah neurosains, otak adalah tunjang kepada segala aktiviti yang dilaksanakan oleh anggota tubuh badan manusia. Kandel et al. (2013) menyatakan bahawa otak adalah pusat penjanaan maklumat yang diperolehi

dan berperanan memberikan output yang sesuai untuk anggota badan bergerak balas terhadap sesuatu rangsangan yang diterimanya. Oleh itu, aktiviti *tadabbur* dapat dikategorikan sebagai salah satu fungsi otak yang mampu menjana proses pembelajaran yang baru.

Durriyyah Sharifah Hasan Adli et al. (2003) menyatakan istilah-istilah yang merujuk kepada manusia untuk menggunakan sistem sarafnya sering kali disebut di dalam Al-Quran seperti mana contoh ayat yang bermaksud, “bagi kaum yang berfikir” telah dinyatakan di dalam surah Ali ‘Imran, ayat 191 dan surah al-Nahl, ayat 11, dan “bagi orang-orang yang mendengar” telah dinyatakan di dalam surah ar-Rum, ayat 23 dan surah al-Mulk, ayat 10. Istilah-istilah ini merujuk kepada aktiviti *tadabbur* yang menyeru manusia agar menggunakan akal sebaik mungkin untuk menganalisis maklumat yang diperolehi dari persekitaran luar supaya dapat diterjemahkan untuk menghasilkan suatu pembelajaran yang baru.

Ayat Al-Quran yang merujuk kepada penggunaan sistem saraf melalui fungsi akal adalah seperti berikut:

1. Firman Allah SWT di dalam surah Ali ‘Imran (3): 191

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيمًا وَقُعُودًا وَعَلَى جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ الْسَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطِلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ



Al-Quran, Surah Ali ‘Imran (3): 191

“(Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula **memikirkan tentang kejadian langit dan bumi** (ambil berkata):

"Wahai Tuhan kami! tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha suci Engkau, maka peliharalah Kami dari azab neraka."

2. Firman Allah SWT di dalam surah Al-Nahl (16): 11

يُنِيبْ لَكُمْ بِهِ الْزَّرْعَ وَالْزَّيْتُونَ وَالنَّخِيلَ وَالْأَعْنَابَ وَمِن كُلِّ الْثَّمَرَاتِ
إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١١﴾

Al-Quran, Surah Al-Nahl (16): 11

"Ia juga menumbuhkan bagi kamu dengan sebab hujan itu tanaman-tanaman dan pokok-pokok zaitun dan tamar (kurma) serta anggur; dan juga dari segala jenis buah-buahan. Sesungguhnya yang demikian mengandungi satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi **kaum yang mahu berfikir.**"

Begitu juga seruan Allah SWT supaya manusia menggunakan akal melalui aktiviti pendengaran seperti mana disebutkan di dalam surah ar-Rum, ayat 23 dan surah al-Mulk, ayat 10:

1. Firman Allah SWT di dalam surah Ar-Rum (30): 23

وَمِنْ أَيْتِهِ مَا مُكِمِّ بِالَّيلِ وَالنَّهَارِ وَبُتِغَاوُكُمْ مِّنْ فَضْلِهِ إِنَّ فِي ذَلِكَ
لَآيَتٍ لِّقَوْمٍ يَسْمَعُونَ ﴿٣٠﴾

Al-Quran, Surah Ar-Rum (30): 23

"Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kemurahan-Nya dan kasih saying-Nya ialah tidurnya kamu pada waktu malam dan pada siang hari, dan usaha kamu mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya (pada kedua-dua waktu itu). Sesungguhnya keadaan yang demikian mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang mahu **mendengar (nasihat dan pengajaran).**"

2. Firman Allah SWT di dalam surah Al-Mulk (67): 10

وَقَالُوا لَوْ كُنَّا نَسْمَعُ أَوْ نَعْقِلُ مَا كُنَّا فِي أَصْحَابِ الْسَّعِيرِ

Al-Quran, Surah Al-Mulk (67): 10

“Dan mereka berkata: “Kalau lah Kami dahulu **mendengar dan memahami** (sebagai orang yang mencari kebenaran), tentulah Kami tidak termasuk dalam kalangan ahli neraka.”

Bertepatan dengan itu, Muhammad (1998), Shahir Akram Hassan (2012), Mohd Nurul Hisyam Mohamed (2012), Mohd Zaidi Ismail (2013), dan Wan Suhaimi Wan Abdullah (2013) bersetuju bahawa akal adalah satu pemberian yang hebat dan mempunyai peranan yang tidak dapat dilakukan oleh anggota badan yang lain, contohnya akal mampu membezakan antara perkara yang benar atau salah. Justeru, perihal akal secara langsung dapat dikaitkan dengan fungsi otak, iaitu aktiviti pembelajaran yang melibatkan emosi dan psikologi manusia seperti mana yang dinyatakan oleh Haque (2004) dan Muhammad ‘Ustman Najat (2008). Nicholls (2002) juga mengemukakan pandangan yang sama mengenai aktiviti pembelajaran yang melibatkan fungsi neuron di dalam otak akan dipengaruhi oleh emosi untuk membentuk kelakuan yang baru.

Pembentukan tingkah laku baru diproses oleh otak melalui satu proses yang agak kompleks kerana penglibatan emosi dan nafsu. Di sinilah akal berfungsi, nilaiannya akal yang baik mampu menghasilkan kelakuan yang baik, manakala jika sebaliknya akan menghasilkan kelakuan yang tidak baik. Menurut Kandel et al. (2013), sesuatu tingkah laku boleh diubah oleh pengaruh daripada persekitaran luar (pembelajaran) dan

boleh dikekalkan apabila dilazimkan dengan sesuatu rangsangan berbentuk ganjaran (positif dan/ atau negatif) dan hukuman ke atas tingkah laku tersebut.

6.1.3 Keperluan Ganjaran dan Hukuman dalam Pendidikan

Sudah menjadi fitrah manusia untuk diperhati, dihargai dan diperingati. Umumnya, murid akan lebih bersungguh-sungguh jika usaha dan kejayaan yang diperolehi sebelumnya diberikan ganjaran yang disukai dan sebaliknya akan mengurangi kesalahan yang pernah dilakukan apabila menerima hukuman di atas tindak-tanduk tersebut. Perkara ini memerlukan peranan tenaga pendidik dalam mengelola aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan lebih kreatif. Dalam hal ini, pemberian ganjaran (positif dan/atau negatif) bertindak sebagai motivasi untuk terus meningkatkan dan mengekalkan prestasi baik yang diperolehi di samping menjadi dorongan kepada rakannya yang lain, terutamanya jika diberikan di hadapan khalayak ramai. Manakala pemberian hukuman pula sebagai penghalang daripada melakukan kesalahan yang berulang.

Pendekatan pemberian ganjaran dan hukuman yang dianjurkan Islam merupakan suatu kaedah didikan Al-Quran dan hadis yang boleh diaplikasikan sebagai peneguhan di dalam sistem pendidikan, khususnya dalam membentuk keperibadian seseorang yang mempunyai kecenderungan naluri/jiwa yang sensitif. Kombinasi pendekatan-pendekatan ini sangat penting dalam pendidikan kerana selari dengan tingkah laku semulajadi manusia yang memerlukan unsur rangsangan sebagai galakan dan motivasi untuk melakukan kebaikan, dan tidak melakukan kesalahan.

Pendekatan-pendekatan tersebut adalah adaptasi kepada manusia supaya sentiasa takut dan ingat ke atas arahan dan peringatan dari Allah SWT. Manusia yang sentiasa melakukan kebaikan dan patuh dengan peraturan yang ditetapkan Agama akan

diberikan ganjaran baik (ganjaran positif). Melakukan hal sama untuk mengelak dari azab yang sangat menyakitkan menyerupai konsep ganjaran negatif. Pendekatan ini bertindak sebagai motivasi untuk terus melakukan kebaikan agar menjadi Muslim yang berkualiti dan berguna kepada masyarakat. Manakala, balasan kepada kesalahan yang dilakukan setelah ingkar adalah (hukuman) supaya tindak tanduk itu dihentikan. Fungsi penasihat dan peringatan adalah sesuatu yang asas bagi peneguhan dalam Islam.

Perspektif sains kelakuan juga mempunyai pendekatan tersendiri melalui eksperimen yang dijalankan dalam mengkaji peneguhan dan proses pembelajaran. Kandel et al. (2013) mengaitkan rangsangan luar yang berbentuk positif, negatif, ancaman dan denda yang diberikan bertindak mempengaruhi emosi dan tingkah laku seseorang. Edward Thorndike dan Frederic Skinner sebagai pelopor teori pelaziman operan mengaitkan pemberian ganjaran dan hukuman sebagai rangsangan luar di dalam eksperimen mereka. Rangsangan luar berbentuk ganjaran dan hukuman ini boleh mengukuhkan perubahan tingkah laku haiwan di dalam eksperimen tersebut apabila diberikan berulang kali.

Berdasarkan dapatan di dalam bab 5, ketiga-tiga pendekatan ganjaran positif, ganjaran negatif dan hukuman ini didapati diamalkan di sekolah kajian. Contoh pengamalan ganjaran positif berbentuk fizikal dalam aktiviti hafazan Al-Quran telah dikongsikan oleh Ustaz Ahmad di dalam temu bual bersamanya,

Pihak sekolah memberikan ganjaran kepada murid yang dapat berpindah juzuk pada setiap bulan. Sekolah akan berikan RM10. Kalau murid menghafal 2 juzuk dalam sebulan, maka dia akan dapat RM20 lah, kalau dapat menghafaz 4 juzuk akan mendapat RM40.

Pemberian wang kepada murid yang mencapai sasaran hafazan Al-Quran diberikan secara berkala pada setiap bulan apabila mereka berjaya berpindah juzuk Al-Quran. Selain bertindak memberikan motivasi kepada murid dalam mencapai sasaran

hafalan, ganjaran yang diterima meneguhkan usaha yang dilakukannya. Khalim Zainal (2008), dan Nora Amirah Roslan dan Mohd. Eddy Abdullah (2011) berpendapat pemberian ganjaran berbentuk material seperti pemberian hadiah, apabila diberikan secara berkala atau berjadual kepada murid pada peringkat awal pembelajaran dapat memberikan motivasi dan dorongan yang baik kepada murid-murid.

Contoh pemberian ganjaran negatif dalam aktiviti hafazan Al-Quran pula adalah seperti mana maklum balas seorang murid bernama Fatimah, “Kebiasaananya sebelum kena berdiri tu, ustazah bagi tempoh (untuk membaiki hafazan) selama 5 minit untuk tasmik lah” (TM-F,GNegatif). Ganjaran negatif yang digunakan oleh guru adalah denda berdiri akan ditarik balik (murid boleh duduk) sekiranya murid dapat menghafal dalam tempoh tersebut. Pendekatan ini memberikan masa untuk murid bersiap sedia mencapai hafazan pada setiap kali waktu pembelajaran untuk mengelak daripada dikenakan denda. Kandel et al. (2013) menyatakan ganjaran negatif sebagai satu pemberian berbentuk penarikan dari keadaan tidak menyenangkan sehingga membuatkan seseorang itu berusaha untuk mengelak ancaman tersebut.

Manakala contoh bentuk pemberian hukuman yang diamalkan di sekolah kajian turut dikongsikan oleh Salmah, seorang murid yang pernah melihat kawannya dikenakan hukuman fizikal seperti;

Setakat ni kalau murid lelaki ada. Ustaz suruh masuk dalam dewan (kawasan murid perempuan menghafal), pastu suruh ketuk ketampi 10 kali ke, 20 kali ke. Dia ketuk ketampi depan semua orang. Maknanya duduk kat tengah-tengah (dewan) la.

Pemberian denda tersebut diberikan setelah tingkah laku kesalahan, iaitu gagal mencapai sasaran hafazan yang ditetapkan berlaku. Ini bertepatan dengan konsep yang dinyatakan oleh Ahmad Ali Budaiwi (2002) dan Mohd Yakub@Zulkifli Mohd. Yusoff (2011), iaitu hukuman adalah balasan kepada kesalahan yang dilakukan untuk diambil

pengajaran daripadanya. Kandel et al. (2013) pula menyatakan hukuman bertindak sebagai pemberian yang menyebabkan berkurangnya pengulangan tingkah laku yang tidak diingini, iaitu kesalahan tadi. Hukuman yang diberikan ini akan memberi pengajaran kepada murid untuk tidak mengulangi kesalahan dan memberikan semangat untuk meningkatkan hafalan.

6.1.4 Pencirian Umum Amalan Pemberian Peneguhan Berdasarkan Dapatan Penyelidikan

Konsep ganjaran positif yang diamalkan di sekolah kajian adalah selari dengan konsep ganjaran yang dinyatakan dalam tradisi Islam, sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahmad Ali Budaiwi (2002) ganjaran positif adalah elemen yang mendorong seseorang untuk melakukan perilaku yang baik kerana pendekatan ini mempunyai kaitan yang rapat dengan fitrah manusia yang berkeinginan kepada kebendaan dan keseronokan.

Sarjana Barat, Skinner melalui teori pelaziman operan membahagikan peneguhan kepada peneguhan positif dan peneguhan negatif. Menurutnya, pemberian peneguhan positif yang sesuai bertindak memberikan galakan agar sesuatu perkara itu boleh diulangi dengan meningkatkan kekuatan dan kekerapan ia berlaku.

Berdasarkan analisis dokumen, pihak Yayasan Terengganu yang merangka konsep *Ulul al-Bab* hanya menyatakan satu bentuk ganjaran positif sahaja di dalam buku panduan modul sukatan hafazan Al-Quran, iaitu intensif kewangan. Berdasarkan temu bual bersama Ustaz Badri, seorang panel penggubal buku panduan modul sukatan hafazan Al-Quran di bahagian pentadbiran Yayasan Terengganu,

Ada benda itu kalau awak nak buat kajian, benda itu ada (pemberian ganjaran positif). Dan benda itu penting, penting juga untuk kita buat untuk membolehkan pelajar-pelajar berlumba dalam mencapai target. Untuk bagi mereka suntikan semangat dan sebagainya. Tapi kita tak masukkan di sini pasal apa persoalannya? Pasal kita tak nak benda itu menjadi asas kepada pelajar hafaz Al-Quran kerana ini, ingat Al-Quran kerana ini. Banyak hafazan dalam sebulan kerana ini. Nauzubillah kita tak nak. Sana kita ingat satu benda je ustaz pegang dan kami panel penulis modul ini, “innamal’akmalubbinnayyat” kita letakkan niat itu segalanya. Kalau pelajar ni hafaz Al-Quran untuk dapatkan reward, nauzubillah. Kita jadikan sebagai amal ibadah kita jadi sebagai habuk yang berterbangan. Sebelum ini, kerajaan negeri ada buat ujian hafaz Al-Quran terbuka negeri Terengganu. Ustaz salah seorang panel dia. Ustaz pernah bentang kertas, benda ini jangan jadikan sebagai satu rutin tahunan. Sebab apabila kita uji, ada mereka yang tak lulus, datang marah. “Pasal apa encik tak bagi saya lulus, saya dok berharapkan duit hafaz Al-Quran RM1000 sebulan, sekarang encik sekat rezeki saya” OK, nampak di sana, apakah niat dia untuk hafaz Al-Quran, tak lain tak bukan, untuk dapatkan RM1000 sebulan.

Beliau secara peribadi tidak bersetuju dengan pendokumentasian ganjaran positif di dalam buku panduan kerana dikhawatir akan mengakibatkan murid tidak ikhlas dalam menghafaz dan memahami Al-Quran. Hal ini dikukuhkan dengan firman Allah SWT di dalam surah al-Furqan (25), ayat ke 23:

وَقَدْ مَنَّا إِلَيْ مَا عَمِلُوا مِنْ عَمَلٍ فَجَعَلْنَاهُ هَبَاءً مَّنْثُرًا

Al-Quran, Surah Al-Luqman (31): 13

“(23) Dan kami tunjukkan segala amal yang mereka kerjakan, lalu kami jadikan amal itu bagai debu yang berterbangan.”

Walau bagaimanapun pihak guru dan sekolah mempunyai inisiatif sendiri dalam pemberian ganjaran positif memandangkan adanya kesan baik daripada amalan ini. Peneguhan yang diberikan mengikut kepada kesesuaian masa dan budaya masyarakat di Malaysia khususnya di Terengganu, disamping selari dengan norma kehidupan remaja pada masa kini. Pemberian peneguhan ini juga adalah bergantung kepada peruntukan yang telah dibincangkan oleh panel-panel penggubal dari Yayasan Terengganu. Sebagai

contoh, amalan pemberian ganjaran positif berbentuk material seperti tasbih digital dan Al-Quran digital yang berteknologi dihadiahkan oleh pihak sekolah kepada murid yang telah berjaya menghafaz Al-Quran berdasarkan sasaran yang ditetapkan.

Sistem pemberian ganjaran di sekolah kajian juga mengambil kira tahap kemampuan hafazan murid serta nilai ganjaran. Jika dapat khatam Al-Quran dengan menghafaz 30 juzuk Al-Quran, murid akan diberikan ganjaran positif yang bernilai tinggi. Ganjaran dengan insentif kewangan berpindah juzuk yang berpatutan jumlahnya diberikan seperti mana yang terdapat di dalam dokumen sekolah.

Aktiviti pemberian insentif berpindah juzuk merupakan bentuk ganjaran positif yang diperuntukkan kepada murid setiap kali berjaya berpindah juzuk secara berkala atau berjadual. Insentif sebanyak RM10 sebagai penghargaan dan motivasi bersifat ganjaran fizikal yang berfungsi mendorong dan merangsang mereka dalam meningkatkan hafazan Al-Quran.

Selain pemberian ganjaran berdasarkan buku panduan, pemberian peneguhan juga bergantung kepada inisiatif guru yang bertugas. Sebagai contoh, murid akan dibelanja makan atau diberikan hadiah berbentuk buku atau kamus daripada guru. Pemberian ganjaran positif berbentuk material ini dilihat lebih mendekati jiwa murid agar terdorong untuk bersemangat dan bermotivasi meningkatkan hafalan.

Amalan pemberian ganjaran kepada murid yang cemerlang berbentuk bukan fizikal/ bukan kebendaan juga ada diamalkan di sekolah ini. Contohnya pemberian **anugerah/ pengiktirafan** kepada murid yang cemerlang dan terpilih. Pemberian anugerah dan pengiktirafan ini mempunyai peranan yang sama seperti pemberian berbentuk material yang dibincangkan sebelum ini. Penghargaan seperti ini telah turut dapat memberikan rangsangan secara tidak langsung kepada murid yang lain kerana ia dilakukan di khalayak ramai. Sebagai contoh, guru telah memberikan penghargaan

dengan memanggil nama murid yang berjaya mencapai sasaran hafalan untuk mengambil hadiah di perhimpunan sekolah. Peneguhan berbentuk ganjaran positif, seperti pemberian hadiah di khalayak ramai dapat mendorong keyakinan diri dan memotivasi murid untuk meningkatkan prestasi hafazan mereka kerana mereka berasa sangat dihargai.

Pendekatan peneguhan yang kedua, ialah pemberian ganjaran negatif. Ahmad Ali Budaiwi (2002) menyatakan ganjaran negatif berfungsi untuk meningkatkan tingkah laku yang baik dan secara tidak langsung ia mencegah seseorang melakukan sesuatu tingkah laku yang tidak baik kerana pendekatan ini berkait rapat dengan fitrah dan perasaan semulajadi manusia yang gerun dan tidak menyukai sesuatu yang tidak menyenangkan.

Berdasarkan buku panduan ‘Modul Sukatan Hafazan Al-Quran’ dan temu bual, pemberian ganjaran negatif yang diamalkan adalah berbentuk bukan fizikal (contoh: pengembalian wang denda), dan fizikal (contoh: menghafaz dalam keadaan berdiri). Denda wang dan pemulangannya merupakan peneguhan yang menggabungkan kedua-dua hukuman dan ganjaran negatif. Begitu juga denda menghafal dalam keadaan berdiri untuk satu tempoh yang diberikan sehingga murid dapat menghafal dan dibenarkan duduk adalah penggabungan hukuman dan ganjaran negatif.

Pendekatan kedua adalah pemberian hukuman. Ahmad Ali Budaiwi (2002) menyatakan hukuman merupakan balasan kepada kesalahan yang dilakukan oleh seseorang. Pendekatan ini berkait rapat dengan jiwa manusia yang sensitif dengan hukuman yang diterimanya disebabkan oleh kesalahan yang dilakukannya. Skinner juga menyatakan hukuman adalah satu pemberian yang bertindak mengurangkan tingkah laku yang tidak diingini berlaku lagi.

Tindakan tidak dibenarkan keluar (*outing*) ke bandar kepada murid yang sering tidak mencapai sasaran hafalan diamalkan sebagai hukuman bukan fizikal. Kebenaran untuk melakukan satu aktiviti yang disukai ditarik/ ditiadakan sebagai suatu tindakan untuk mereka mengelakkan diri dari dihalang atau disekat kelebihan tersebut, maka murid akan berusaha lebih kuat untuk mencapai sasaran.

Tindakan kuarantin diberikan ke atas murid yang tidak mencapai sasaran hafazan semasa cuti persekolahan adalah salah-satu contoh hukuman bukan fizikal juga. Ini bermakna murid yang terlibat terpaksa mengorbankan masa yang amat dihargai. Ditiadakan untuk mereka masa bersama keluarga semasa cuti persekolahan, berbeza dari apa yang dicapai oleh murid lain yang berjaya dalam hafazan mereka. Murid perlu mengikuti sesi pembelajaran tambahan dalam bentuk kem hafazan. Kem ini dari persepsi sesetengah murid adalah hukuman yang terpaksa mereka terima. Hukuman diberikan secara terbuka supaya menjadi tauladan kepada murid yang lain.

Seperti mana yang telah dinyatakan terdapat hukuman yang digabungkan dengan ganjaran negatif. Sebagai contoh, murid perlu membayar wang denda juga tercatat di dalam buku panduan modul hafazan. Kadarnya ditetapkan oleh guru dan pihak sekolah berdasarkan kesesuaian. Walau bagaimanapun, pengamalannya tidak dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak sekolah. Hal ini adalah kerana terdapat beberapa guru hafazan yang kurang bersetuju dengan penggunaan tindakan denda kewangan tersebut yang dianggap akan membebankan murid dan keluarga. Ini merupakan sebahagian daripada beberapa perkara yang terdapat dalam buku panduan tetapi tidak diamalkan atas pandangan peribadi guru tentang ketidaksesuaian peneguhan tersebut. Konsep penebusan wang denda merupakan ganjaran negatif yang diamalkan bersama. Guru yang mengenakan tindakan denda berbentuk kewangan akan memulangkan jumlah wang denda yang dikenakan kepada murid yang tidak dapat menghafaz apabila murid berjaya menebus kembali bacaan hafazan yang tidak dapat dicapai. Penebusan

kembali boleh dianggap ganjaran positif. Secara keseluruhan ini merupakan gabungan hukuman dan ganjaran negatif.

Hukuman bertindak sebagai pengajaran dan iktibar kepada mereka supaya tidak lagi mengulangi kelakuan yang lama yang tidak diingini. Walau bagaimanapun, pemberian peneguhan ini mungkin dianggap ganjaran positif jika murid menganggap tindakan tersebut sebagai satu bentuk perhatian yang telah mereka perolehi dari pihak sekolah, guru dan ibu bapa.

Selain itu, modul ini mengamalkan aktiviti pemantauan ke atas setiap murid mengikut kumpulan hafazan yang dibentuk melalui pemberian nasihat, penyenaraian hitam nama murid kepada penyelaras Al-Quran atau pengetua dan memanggil ibu bapa. Lazimnya keadaan ini tidak memberikan keselesaan kepada mereka, maka mereka berusaha untuk mengelakkan diri dari menerima situasi sebegini dan dengan itu memaksa diri meningkatkan hafazan mereka.

6.1.5 Penyelarasan Peneguhan di antara Aspek Amalan dan Kandungan (Sains Kelakuan dan Islam)

Jadual 6.1 menunjukkan dapatan yang diperolehi daripada penyelarasan maklumat yang dilakukan di antara aspek pemberian peneguhan yang diamalkan di sekolah kajian dan perspektif tradisi Islam dan sains kelakuan yang telah didokumentasikan. Didapati amalan pemberian peneguhan berbentuk ganjaran positif, ganjaran negatif dan hukuman yang dilaksanakan di sekolah kajian dikenalpasti konsep dan penggunaannya di dalam tradisi Islam dan sains kelakuan.

Berdasarkan jadual, aspek penggunaan peneguhan yang didapati adalah merupakan peristiwa-peristiwa yang berlaku semasa zaman Baginda SAW. Penemuan

ini adalah berdasarkan hadis-hadis yang dilaporkan mengikut jalur periyawatan yang sahih yang dijadikan sumber rujukan berautoriti selepas Al-Quran. Ini adalah sebahagian daripada pengamalan yang diperolehi daripada analisis kandungan menurut perspektif Islam.

Jadual 6.1: Penyelarasan Aspek Amalan Peneguhan dan Perspektif Kandungan (Islam dan Sains Kelakuan)

PERSPEKTIF AMALAN	TRADISI ISLAM	SAINS KELAKUAN
(Ganjaran Positif) Penghargaan Berbentuk Verbal	Kisah Nabi Muhammad SAW memuji Hussin dan Hassan	Pujian yang diberikan oleh guru kepada murid menurut teori pelaziman
(Ganjaran Positif) Penghargaan Berbentuk Kebendaan	Pemberian hadiah atau upah kepada sesiapa yang memberikan khidmat	Pemberian hadiah kepada murid yang berjaya dalam ujian menurut teori pelaziman
(Ganjaran Positif) Penghargaan di Khalayak Ramai	Rasulullah SAW memuji sahabat di hadapan umum	Pujian yang diberikan oleh guru kepada murid di hadapan umum berdasarkan teori pelaziman
(Ganjaran Negatif) Peringatan Denda Berbentuk Fizikal/ Bukan Fizikal	Balasan azab api neraka kepada manusia yang tidak memelihara maruah keluarga; (surah at-Tahrim, ayat 6)	Pemberian tindakan yang tidak digemari murid, iaitu menghafaz dalam keadaan berdiri dengan ketetapan masa yang diberikan oleh guru
(Hukuman) Hukuman Berbentuk Fizikal	Hukuman pukul kepada anak-anak yang tidak solat setelah mencapai umur baligh	Murid didenda berdiri di luar kelas menurut teori pelaziman
(Hukuman) Hukuman Berbentuk Bukan Fizikal	Kisah pemulauan seorang sahabat yang tidak pergi berperang	Murid telah dikenakan tindakan kuarantin dan disekat cuti tahunan menurut teori pelaziman
(Nasihat/ Peringatan) Berbentuk Bukan Fizikal	Kisah teguran Baginda SAW terhadap tingkah laku remaja yang tidak baik ketika hendak makan	Murid diberikan nasihat dan kaunseling jika prestasi hafalan sangat tidak memuaskan

Aspek pemberian peneguhan berbentuk ganjaran positif yang diamalkan di sekolah kajian, iaitu penghargaan berbentuk bukan kebendaan, penghargaan berbentuk kebendaan dan penghargaan di khalayak ramai didapati ditemui penggunaannya dalam tradisi Islam melalui beberapa peristiwa, iaitu:

- a) Pujian yang diberikan oleh Rasulullah SAW ketika memuji cucunya, Hussin dan Hassan yang menunggangi punggungnya sehingga Baginda SAW berkata kepada mereka, “*Sebaik-baik unta adalah unta kalian, dan sebaik-baik penunggang adalah kalian.*” (H.R. Ath-Thabranî dari Jabir RA).
- b) Pemberian hadiah atau bayaran kepada seseorang yang memberikan khidmatnya secara langsung sebagai tanda terima kasih dan penghargaan kepadanya yang telah membantunya. Ia merujuk sebuah hadis mengenai gesaan Baginda SAW supaya melakukan bayaran sebagai upah yang perlu diberikan kepada pekerja/seseorang yang memberikan khidmatnya sebelum keringatnya mengering atau penatnya hilang.
- c) Pujian di hadapan umum yang diberikan Baginda SAW kepada seseorang yang mengucapkan kalimah yang baik. Implikasi pemberian pujian itu telah menyebabkan orang ramai yang mendengar tentang kebaikan ucapan itu mengamalkannya. Sebagaimana maksud hadis di dalam sahih Muslim yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar RA,

“Ibnu Umar menceritakan, pada suatu masa beliau dan orang-orang lain sedang hendak melakukan sembahyang di masjid. Pada waktu itu kedengaran seorang lelaki berkata “Allahuakbar kabiran, Alhamdulillahi kathiran, wasubhanallahi bukratan wa’asila”. Selepas selesai sembahyang, Nabi Muhammad SAW bertanya kepada orang disekeliling

ketika itu, “Siapakah tadi yang membaca bacaan itu?” Lelaki itu menjawab, “Saya Ya Rasulallah.” Lalu Nabi Muhammad SAW berkata. “Saya kagum dengan kata-kata itu. Pintu-pintu langit dibuka dengan kata-kata itu.” Dalam laporannya itu, Ibnu Umar berkata, “Semenjak saya terdengar Nabi Muhammad SAW berkata begitu, saya tidak pernah lupa mengucapkan kata-kata itu.”

Ganjaran negatif pula dikenalpasti melalui pendekatan ancaman tindakan balasan azab oleh Allah SWT kepada manusia yang tidak memelihara dan menjaga keluarganya daripada melakukan perkara yang sia-sia seperti mana yang dinyatakan dalam ayat 6, surah at-Tahrim.

Di samping itu, aspek pemberian hukuman yang diamalkan di sekolah kajian juga turut dikenalpasti penggunaannya di dalam tradisi Islam, iaitu:

- a) Pemberian hukuman pukul tanpa mencederakan anak-anak yang meninggalkan solat ketika mencapai umur 10 tahun setelah diberikan tempoh untuk membiasakan diri dengan solat bermula pada umur 7 tahun.
- b) Pemulauan tanpa bercakap sepatah kata oleh Ibn Mughaffal kepada seorang ahli keluarga yang ingkar dengan larangan Baginda SAW dari melakukan *khazf* iaitu melontar batu kecil dengan menggunakan ibu jari dan jari telunjuk ketika sedang berburu kerana hanya akan mencederakan binatang buruan sahaja tanpa membunuhnya.

Aspek pemberian peneguhan berbentuk nasihat/ peringatan yang melibatkan peringatan hukuman berbentuk fizikal dan peringatan hukuman berbentuk bukan fizikal juga ditemui penggunaannya di dalam tradisi Islam, iaitu:

- a) Anjuran oleh Rasulullah SAW supaya menggantungkan rotan di rumah sebagaimana yang diriwayatkan di dalam sebuah hadis. Ia merupakan kaedah pendidikan yang ditunjukkan Rasulullah SAW sebagai peringatan kepada penghuninya untuk berkelakuan baik.
- b) Teguran yang diberikan Rasulullah SAW atas kesalahan seorang remaja ketika makan bersama Baginda SAW. Teguran Baginda SAW diberikan selepas kelakuan tidak beradab ketika makan dipamerkan oleh remaja tersebut. Peringatan supaya menjaga adab ketika makan dikongsikan kepada remaja tersebut seperti makan dengan menyebut nama Allah, makan menggunakan tangan kanan dan memakan makanan yang paling hampir dahulu dengannya.

Manakala kandungan dari aspek sains kelakuan pula, penggunaan prinsip pengukuhan positif dan negatif dalam proses pendidikan dikenalpasti diamalkan melalui pendekatan Teori Pelaziman *Operan*. Teori yang diperkenalkan oleh sarjana Barat yang berfahaman *behaviourisme* ini menerangkan bahawa kelakuan seseorang akan dipengaruhi oleh faktor-faktor persekitarannya, contohnya pujian (pengukuhan positif) dan hukuman (pengukuhan negatif), dan bukan dipengaruhi oleh faktor-faktor dalaman seperti pemikiran, perasaan ataupun persepsi.

Idea pelaziman *operan* telah diperkenalkan oleh Edward Thorndike, dan kemudiannya kajian ini dikembangkan dengan lebih lanjut oleh Burrhus Frederic Skinner dengan melakukan pengukuran pengaruh ganjaran dan dendaan terhadap gerak balas organisma yang dikaji. Pemberian rangsangan seperti ganjaran (rangsangan menyeronokkan) dan hukuman (rangsangan menyakitkan) ke atas sesuatu organisma akan bertindak sebagai peneguhan ke atas pembentukan tingkah laku organisma tersebut. Pemberian unsur ganjaran dan/atau hukuman semasa proses pembelajaran berlangsung boleh diukur pengaruhnya dengan melihat tindak balas refleks yang akan

ditunjukkan setelah rangsangan diberikan. Penggunaan ganjaran dan hukuman sebagai peneguhan dalam proses P&P merupakan isu yang menjadi topik penting yang telah lama dibincangkan oleh ahli-ahli psikologi Barat.

6.2 Implikasi Penyelidikan kepada Sistem Pendidikan di Malaysia

Melalui analisis dapatan, pengaruh pemberian ganjaran dan hukuman ke atas peningkatan prestasi hafazan murid-murid adalah baik dan dapat membantu meningkatkan motivasi dan keyakinan murid. Pengaruh yang diterima tidak bergantung kepada bentuk peneguhan tertentu kerana semuanya memberikan pengaruh yang baik kepada prestasi murid-murid. Hal ini mungkin disebabkan peneguhan yang diberikan adalah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah serta bersesuaian dengan budaya setempat. Justeru, dapatan yang diperoleh, khususnya yang berkaitan dengan pengaruh yang baik kepada prestasi pembelajaran hafazan Al-Quran dalam kalangan murid-murid menjadi asas kepada cadangan pengamalannya sebagai pendekatan pendidikan yang sesuai untuk pembelajaran akademik konvensional di Malaysia. Bagi sistem pendidikan berteraskan Islam, peneguhan boleh diberikan dalam bentuk bersesuaian dengan kondisi atau aliran sesebuah sekolah. Dapatan juga boleh dijadikan panduan kepada bakal pendidik untuk mempersiapkan diri bagi mengendalikan dan mengawal sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas secara profesional.

6.3 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian lanjutan yang dicadangkan adalah penyelidikan berkaitan pengukuran kesan/pengaruh pemberian peneguhan ke atas prestasi hafazan murid-murid. Penggunaan alatan teknologi maklumat yang bersesuaian digunakan untuk mengukur

isyarat gerak balas yang berlaku di dalam bahagian otak yang terlibat. Kajian di lakukan ke atas murid dengan membandingkan perbezaan isyarat gerak balas di otak sebelum dan selepas diteguhkan oleh pemberian ganjaran dan hukuman yang bersesuaian dengan murid pada ketika kajian dijalankan. Kajian khusus tentang ganjaran positif, ganjaran negatif dan hukuman terhadap murid berlainan jantina, umur dan tahap penghafazan juga boleh memberikan maklumat lebih lanjut tentang keberkesanan peneguhan. Hasil kajian yang akan diperolehi adalah sebagai sumbangan kepada meningkatkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran dalam sistem pendidikan sedia ada di Malaysia disamping memahirkkan tenaga pengajar menggunakan ganjaran dan hukuman ke atas murid. Selain itu, penemuan saintifik dalam penyelidikan ini sebagai satu hasil yang mengukuhkan amalan yang dianjurkan oleh Islam berkenaan pendekatan ganjaran dan hukuman dalam proses pendidikan.

6.4 Rumusan dan Penutup

Perspektif sains kelakuan dan tradisi Islam telah mengakui bahawa pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman merupakan rangsangan yang bertindak memberikan motivasi dan membantu mengukuhkan sesuatu tingkah laku seseorang melalui tiga (3) bentuk peneguhan, iaitu: a) pemberian ganjaran positif, b) pemberian ganjaran negatif, dan c) pemberian hukuman. Berdasarkan empat (4) objektif yang digariskan dalam kajian ini dapatlah dirumuskan seperti berikut:

- a) Kajian melalui Penyelidikan Tekstual (Analisis Kandungan Dokumen)

Penyelidikan yang berasaskan tingkah laku moden mempunyai kaitan dengan pendedahan organisma kepada dunia luar seperti keseronokan, makanan, kesakitan dan penyiksaan yang bersifat sementara yang hanya terbatas dalam aspek pembelajaran.

Amalan pengukuhan tingkah laku dalam sains kelakuan dikaitkan dengan teori pelaziman *operan* yang di popularkan oleh Thorndike dan Skinner. Teori peneguhan ini hanya terfokus kepada aspek perubahan tingkah laku setelah diberikan rangsangan (ganjaran dan hukuman) tanpa penglibatan unsur-unsur dalaman yang bersifat kejiwaan. Teori ini merupakan satu bentuk pembelajaran yang boleh dibentuk dengan memanipulasikan aspek luaran dan persekitaran.

Tradisi Islam telah menggunakan konsep peneguhan melalui pengamalan pemberian *targhib*, *tsawab*, *tarhib* dan ‘*uqbah* yang dikenalpasti berdasarkan Al-Quran, hadis dan pandangan sarjana-sarjana Islam. Panduan berkaitan tahap pendidikan yang perlu dilalui oleh seseorang telah digariskan oleh sarjana Islam. Perbincangan pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman dikaitkan dengan pengaruh emosi apabila ditawarkan dengan janji baik (syurga) dan ancaman balasan yang menyakitkan di akhirat ke atas kelakuan yang pamerkan di dunia, supaya manusia sentiasa berwaspada dan dapat memelihara tingkah laku.

Berdasarkan penyelidikan tekstual yang dijalankan melalui analisis kandungan dokumen, terdapat pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman yang dibincangkan di dalam perspektif sains kelakuan dan tradisi Islam. Maklumat daripada perspektif sains kelakuan diperoleh melalui pengamalan saintis moden (psikologi pendidikan dan sains kelakuan). Manakala maklumat daripada tradisi Islam pula diperoleh melalui pengumpulan maklumat daripada Al-Quran, hadis dan pandangan sarjana-sarjana Islam. Data-data yang diperolehi daripada kedua-dua perspektif ini didokumentasikan. Penyelarasian maklumat yang dilakukan telah menunjukkan titik persamaan dan perbezaan sebagai analisis kandungan dokumen.

b) Penyelidikan Kajian Kes (Kajian Lapangan)

Berdasarkan dapatan kajian kes, didapati wujud amalan pemberian ganjaran dan hukuman dalam penghafazan Al-Quran di sekolah kajian. Pemahaman dan penerimaan berkenaan pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman oleh guru dan murid juga adalah baik.

Buku panduan sukatan hafazan Al-Quran yang digunakan di sekolah kajian merupakan dokumen yang menjadi rujukan utama penyelidik dalam mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan. Melalui analisis yang dilakukan ke atas dokumen tersebut, didapati tiga kategori bentuk peneguhan ditemui, iaitu: a) pemberian ganjaran positif, b) pemberian ganjaran negatif, dan c) pemberian hukuman.

Dapatan daripada temu bual pula menunjukkan wujud tiga bentuk amalan pemberian peneguhan utama yang turut diamalkan di sekolah kajian, iaitu: a) pemberian ganjaran positif, b) pemberian ganjaran negatif, dan c) pemberian hukuman. Didapati juga inisiatif pemberian ganjaran dan hukuman lain yang tidak terdapat di dalam buku panduan, diamalkan guru berdasarkan kesesuaian keadaan murid dan persekitaran sekolah. Sebagai contoh, terdapat pengamalan pemberian nasihat/peringatan secara persendirian oleh guru kepada murid yang lemah prestasi hafazannya walaupun tidak ada dalam buku panduan. Pengamalan ini adalah inisiatif guru untuk mendorong murid meningkatkan prestasi hafazan Al-Quran.

Setelah diselaraskan dapatan daripada dokumen sekolah dan temu bual, didapati amalan pemberian ganjaran dan hukuman yang lazim diamalkan adalah mengikut ketetapan yang terkandung di dalam buku panduan hafazan Al-Quran. Terdapat pemberian ganjaran dan hukuman yang digariskan di dalam buku panduan yang tidak amalkan oleh guru dalam pelaksanaannya.

Berdasarkan temu bual juga, didapati pemahaman dan penerimaan responden terhadap amalan pemberian ganjaran dan hukuman diterima baik setelah guru dan murid bersetuju berkenaan pengaruh baik ke atas prestasi hafazan yang diterima.

Berdasarkan kepada perbincangan rumusan di atas, maka dapat disimpulkan bahawa pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman ini merupakan pendekatan baik yang boleh dipraktikkan dan dijadikan rujukan kepada sekolah-sekolah atau institusi pendidikan lain di Malaysia. Pengamalan pemberian ganjaran dan hukuman ini bukan sahaja boleh diamalkan dalam aktiviti penghafazan Al-Quran sahaja, malah boleh digunakan dalam aktiviti pembelajaran yang lain seperti sukan, pembelajaran akademik dan aktiviti luaran yang berkaitan dengan ko-kurikulum sekolah.

RUJUKAN

- ‘Ubud, ‘A. G. (1993). *Fi al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-‘Arabi.
- ‘Umar, I. (2004). *Tafsir Al-Quran Al-Azim, Taqdim ‘Abd Al-Qadir Al-Arnaout*. Riyadh: Dar Al-Salam.
- Abdillah, I. M. (2008). *Ahkamul Hadiyyati fil Islam* (Ibnu Musa Al- Bankawy, Terj.). Indonesia: Penerbit Al-Husna.
- Abdul Halim Mahmud. (1995). *Islam dan Akal*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka dan Bahasa.
- Abdul Jalil Hasan. (1973). *Falsafah dan Pengetahuan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Abdullah Hanafi Dollah. (Eds.). (2013). *Kamus Kontekstual Lengkap Al-Khalil (Arab-Melayu)*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmiah Al-Khalil.
- Abu Ghuddah, ‘A. F. (2011). *40 Strategi Pendidikan Rasulullah SAW*. Selangor: Pelima Media Sdn. Bhd.
- Abuddin Nata. (2009). *Perspektif Islam Tentang Strategi Pembelajaran* (1st ed.). Jakarta: Prenada Media Group.
- Ahmad Ali Budaiwi. (2002). *Imbalan dan Hukuman Pengaruhnya Bagi Pendidikan Anak*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Akhiar Pardi & Shamsina Shamsuddin. (2011). *Pengantar Penyelidikan Tindakan dalam Penyelidikan Pendidikan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Al-Attas, S. M. N. (1978). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Institute of Islamic Thoughts and Civilization (ISTAC).
- Alberto, P., & Troutman, A. (2012). *Applied Behavior Analysis for Teachers* (9th ed.). United Kingdom: Pearson.
- Al-Mubarakfury, R. (2002). *Sirah Nabawiyah* (Jilid. 1). Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.

Arief Armai. (2002). *Pengantar Ilmu dan Metodologi Pendidikan Islam*. Jakarta: Ciputat pers.

Asad, H. M. (1971). *Al-Aql wa Al-Fahm Al-Quran*. Beirut: Dar Sodir.

Atabik Ali & Ahmad Zuhbi Muhdlior. (Eds.). (1999). *Al-Asri: Kamus Kontemporer Arab-Indonesia*. Yogyakarta: PT. Multi Karya Grafika.

Atrens, D. M., & Curthoys, I. S. (1982). *The Neurosciences and Behaviour: An Introduction*. (Yahaya Mohamood, Terj.) (2nd ed.). Australia: Harcourt Brace Jovanovich Group (Australia) Pty.

Axelrod, S. (1983). *The Effects of Punishment on Human Behavior*. New York: Academic Press.

Azka Zihni Mohamad@Mohamed Azhar. (2007). *Epistemologi dalam Pendidikan Islam* (Sarjana Pendidikan). Kuala Lumpur, Universiti Malaya.

Bandura, A. (1977). *Social Learning Theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.

Cavanagh, J. F., Frank, M. J., & Allen, J. J. B. (2011). Social Stress Reactivity Alters Reward and Punishment Learning. *Social Cognitive and Affective Neuroscience*, 6(3), 311-320.

Colman, A. M. (Ed.). (2012). *A Dictionary of Psychology* (3rd ed.). United Kingdom: Oxford University Press.

Crow, L. D., & Crow, A. (1983). *Psikologi Pendidikan untuk Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Durriyyah Sharifah Hasan Adli, Noor Naemah Abdul Rahman, & Mohd. Yakub@Zulkifli Mohd. Yusoff. (2003, 7-9 September). *Isu dalam Bidang Neurosains dan Perspektif Islam Mengenainya*. Kertas Kerja telah Dibentangkan di Seminar Antarabangsa: Islam dan Cabaran Sains dan Teknologi Abad ke-21, Johor Bahru.

Fry, H., Ketteridge, S., & Marshall, S. (2003). *A Handbook for Teaching & Learning in Higher Education: Enhancing Academic Practice* (2nd ed.). London: Kogan Page.

Ghouri, A. M. (Ed.). (2012). *Mu'jam al-Mustholah al-Hadith [Kamus Istilah Hadis]* (1st ed.). Selangor: Darul Syakir Enterprise.

Goldenson, R. M. (Ed.). (1984). *Logman Dictionary of Psychology and Psychiatry*. London: Logman.

Green, T. F., Ericson, D. P., & Seidman, R. M. (1980). *Predicting The Behavior of The Educational System*. New York: Syracuse University Press.

Guitart-Masip, M., Huys, Q. J. M., Fuentemilla, L., Dayan, P., Duzel, E., & Dolan, R. J. (2012). Go and No-Go Learning in Reward and Punishment: Interactions Between Affect and Effect. *Neuroimage*, 62(1), 154-166.

Haque, A. (2004). Psychology from Islamic Perspective: Contributions of Early Muslim Scholars and Challenges to Contemporary Muslim Psychologists. *Journal of Religion and Health*, 43(4), 357-377.

Haque, A. (1998). Psychology and Religion: Their Relationship and Integration from an Islamic Perspective. *The American Journal of Islamic Social Sciences*, 15(4), 97-109.

Harper, D. (2013). Online Etymology Dictionary. Diakses dari www.etymonline.com/index.php?term=psychology.

He, J., Jin, X. Y., Zhang, M., Huang, X., Shui, R. D., & Shen, M. W. (2013). Anger and Selective Attention to Reward and Punishment in Children. *Journal of Experimental Child Psychology*, 115(3), 389-404.

HealthTap. (2015). How Does The Peripheral Nervous System Connect to The Central Nervous System and Vice Versa? Diakses pada Sep 5, 2015 dari HealthTap website: https://www.healthtap.com/user_questions/115692.

Huk, A. (t.t). Visual Pathways Figures 1 (Basic anatomy of a neuron). Diakses pada Sep 5, 2015 dari Standford University website: <http://www-psych.stanford.edu/~lera/psych115s/notes/lecture3/figures1.html>.

Hyde, W. D. (1913). *The Five Great Philosophies of Life*. New York: The MacMillan Co.

Hyman, I. A. (1997). *School Discipline and School Violence, The Teacher Variance Approach*. Boston: Allyn and Bacon.

- Ibn Sina. (1982). *Kitab al-Siyasa* (Fuad A. Mun'im Ahmad. ed.). Alexandria: Muassasah Shabab al-Jamiah.
- Idris Awang. (2009). *Penyelidikan Ilmiah: Amalan dalam Pengajian Islam*. Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd.
- Idris Jusoh. (2008). Program Ulul Albab. Diakses pada Sep 5, 2015 dari Laman Web Idris Bin Jusoh: http://www.silveromedia.com.my/idrisjusoh/?page_id=501.
- Idris Zakaria. (2000). Falsafah dan Sistem Pendidikan: Perbandingan Antara Plato dan Ibn Sina. *Jurnal Akidah dan Pemikiran (Afkar)*, 1, 107.
- Imam Abdul Fattah Imam. (2000). Epistemologi: Satu Perbincangan Awal. *Jurnal Akidah dan Pemikiran (Afkar)*, 1, 55.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2007). *Ayat-ayat Larangan*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Jamal Abdul Rahman. (2000). *Tahapan Mendidik Anak, Teladan Rasulullah*. Bandung: Irsyad Baitus Salam.
- Kadzin, A. E. (1977). *The Token Economy: An Review and Evaluation*. New York: Plenum Press.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2011). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamus Dewan. (2010). (4th ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kandel, E. R., Schwartz, J. H., & Jessell, T. M. (2013). *Principles of Neural Science* (5th ed.). New York: McGraw-Hill.
- Khalim Zainal. (2008). Memahami Tingkah laku Remaja Bermasalah dari Perspektif Teori Tingkah laku, Humanistik, Psikoanalitik dan Tret Personaliti. *Jurnal Pengajian Umum*, 9.
- Khurshid Ahmad. (1975). *Prinsip-prinsip Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Lacey, A. R. (Ed.). (1996). *A Dictionary of Philosophy*. London: Routledge.
Lindgren, H. C. (1976). *Educational Psychology in The Classroom*. New York: John Wiley & Sons.

Mahmood Nazar Mohamed. (2005). *Pegantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mat Rofa Ismail. (2006). *Falsafah Sains: Pendekatan Kualitatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah, Sahih al-Bukhariy. (2000a). *Kitab al-Itq, Bab Karahiyat al-Tatawul 'ala al-Raqiq*. Riyadh: Dar al-Salam,, h. 201, no. 2554.

Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah, Sahih al-Bukhariy. (2000b). *Kitab al-Jana'iz, Bab Ma Qila fi Awlad al-Musyrikin*. Riyadh: Dar al-Salam. h. 108, no. 1385.

Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah. Sahih al-Bukhariy. (2000c). *Kitab al-Libas, Bab al-Thiab al-Biyad*. Riyadh: Dar al-Salam, h. 497, no. 5827.

Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah, Sunan Ibn Majah. (2000a). *Kitab al-Ruhun, Bab Ajr al-Ujara'*. Riyadh: Dar al-Salam, h. 2623, no. 2443.

Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah, Sunan Tirmizi. (2000). *Kitab al-Birri wa al-Silati, Bab Ma Ja'a fi al-Athana'i bi al-Ma'ruf*. Riyadh: Dar al-Salam, h. 1855, no. 2035.

Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah, Sahih Muslim. (2000). *Kitab al-Iman, Bab al-Dalil 'ala Man Mata La Yusyrik Bi Allah Syai'an Dakhala al-Jannah wa in Man Mata Musyrikan Dakhala al-Nar*. Riyadh: Dar al-Salam, h. 694, no. 269.

Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah, Al-Mu'jam al-Kabir Li at-Thobrani. (2000). *Bab 'Ain, 'Ali ibn Abdillah ibn 'Abbas an Abihi*. Riyadh: Dar al-Salam, h. 285, no. 10672.

Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah. Sahih al-Bukhariy. (2000d). *Kitab al-At'imah, Bab al-Tasmiah ala al-To'ami wa al-Akli bi al-Yamin*. Riyadh: Dar al-Salam, h. 464, no. 5376.

Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah, Sunan Ibn Majah. (2000b). *Kitab as-Soidi, Bab an-Nahyi an al-khazfi.* Riyadh: Dar al-Salam, h. 2672, no. 3226.

Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah, Sunan Abi Da'ud. (2000). *Kitab al-Solat, Bab Mata Ya'muru al-Ghulam fi al-Solat.* Riyadh: Dar al-Salam, h. 1259, no. 495.

Mohd Anuar Mamat. (2011). *Tujuan Pendidikan Menurut Al-Quran dan Al-Sunnah: Suatu Tinjauan Awal Mengenai Hubungannya dengan Istilah Pendidikan Bahasa Arab.* Kertas Kerja telah Dibentangkan di Seminar 2nd International Conference on Islamic Education 2011 (ICIEd2011), Selangor: Hotel Equatorial Bangi-Putrajaya.

Mohd. Nasir Omar. (2013). *Falsafah Akhlak.* Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Nurul Hisyam Mohamed. (2012). *Kedudukan Akal Sebagai Sumber Ilmu Usuluddin: Kajian Terhadap Isu Mukjizat dalam Tafsir Al-Quran.* Kertas Kerja Telah Dibentangkan di International Seminar on Al-Quran in Contemporary Society (SQ2012), Kuala Terengganu.

Mohd. Yakub@Zulkifli Mohd. Yusoff, & Sharifah Norshah Bani Syed Bidin. (2006, 13 & 14 Jun 2006). *Uslub Tabsyir dan Indhar: Fungsi dan Impak dalam Membentuk Personaliti Ideal.* Kertas Kerja telah Dibentangkan di Seminar Kebangsaan Pengajian Umum (SKPU 2006), Hotel Hyatt Regency, Johor Bahru.

Mohd Yakub@Zulkifli Mohd. Yusoff. (Ed.). (2011). *Kamus Al-Quran: Rujukan Lengkap Kosa Kata dalam Al-Quran.* Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.

Mohd. Yakub@Zulkifli Mohd. Yusoff. (2013). *Fungsi Tadabbur dalam Menguak I'jaz Al-Quran dan Mukjizatnya.* Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Mohd Zaidi Ismail. (2013). *Neurosains dan Isu-isu Asas Agama dan Falsafah.* Kertas Kerja telah Dibentangkan di Persidangan Meja Bulat, Islam dan Neurosains, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur.

Mok, S. S. (2003). *Psikologi Pendidikan.* Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Mok, S. S. (2009). *Literatur dan Kaedah Penyelidikan.* Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Muhaimin & Abdul Mujib. (1993). *Pemikiran Pendidikan Islam: Kajian Filosofis dan Kerangka Dasar Operasionalisasi*. Bandung: Trigenda Karya.

Muhaimin, Suti'ah, & Nur Ali. (2008). *Paradigma Pendidikan Islam, Upaya Mengefektifkan Pendidikan Agama Islam di Sekolah*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.

Muhammad, A. J. (1998). *Kitab al-Ta'rifat*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.

Muhammad, A. (2008). *Tafsir Ibnu Katsir (Lubaabout Tafsir Min Ibni Katsiir)* Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.

Muhammad 'Ustman Najat. (2008). *Psikologi Rasulullah S.A.W.* (Yahya Nuryadi, Terj.). Kuala Lumpur: Darul Nu'man.

Muhammad Jarir. (1992). *Tafsir Al-Tabari Al-Musamma Jami' Al-Bayan Fi Ta'wil Al-Quran*. Beirut: Dar Al-Kutb Al-'Ilmiyyah.

Muhammad Nur Abdul Hafizh Suwaid. (2010). *Prophetic Parenting: Cara Nabi S.A.W. Mendidik Anak*. Yogyakarta: Pro-U Media.

Muhammad Sa'id Mursi. (2003). *Melahirkan Anak Masya Allah: Sebuah Terobosan Baru Dunia Pendidikan Moden (Fan Tarbiyah al-Awlad fi al-Islam)*. Jakarta: Cendekia.

Myers, C. E. (2006). Hippocampus. Diakses pada Sep 5, 2015 dari Memorylessonline: www.memorylessonline.com/glossary/hippocampus.html.

Nana Sudjana. (1995). *Dasar-dasar Belajar Mengajar*. Bandung: Sinar Baru, Algesindo.

Nicholls, G. (2002). *Developing Teaching and Learning in Higher Education*. London: Routledge Falmer.

Nora Amirah Roslan & Mohd. Eddy Abdullah. (2011). *Keberkesanan Kaedah Token Semasa Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Jasmani*. Kertas Kerja telah Dibentangkan di Seminar Penyelidikan Tindakan PISMP 2.

Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Malaysia: Mc graw Hill Education.

Osman Bakar. (2008). *Tauhid dan Sains: Perspektif Islam Tentang Agama dan Sains* (2 Ed.). Selangor: Pustaka Hidayah.

Rohaida Mohd. Saat, Zulfa Izza Mohamed@Hashim, Mohamad Khairudin Bajuri, Mohd. Yakub@Zulkifli Mohd. Yusoff, Noor Naemah Abdul Rahman, & Durriyyah Sharifah Hasan Adli. (2011). Memorization Activity and Use of Reinforcement in Learning: Content Analysis from Neuroscience and Islamic Perspectives. *Journal of Applied Sciences*, 11(7), 1113-1120.

Schacter, D. L., Gilbert, D. T., & Wegner, D. M. (2012). *Psychology* (2 ed.). New York: Worth Publishers.

Schmidt, R. F. (1975). *Fundamentals of Neurophysiology* (Mohd. Afandi Muhamad, Terjemahan. 3 ed.). New York: Springer-Verlag.

Shahir Akram Hassan. (2012, 1-2 Disember). *Kedudukan Wahyu dan Akal dalam Penyelidikan*. Kertas Kerja Telah Dibentangkan di International Seminar on Al-Quran in Contemporary Society (SQ2012), Kuala Terengganu.

Sharifah Norshah Bani Syed Bidin. (2009). *Impak Uslub Tabsyir dan Indhar dalam Membentuk Personaliti: Kajian di Sekolah Henry Gurney, Teluk Mas, Melaka dan Batu Gajah, Perak*. (Doktor Falsafah), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Sheikh Abdullah Basmeih. (2001). *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Sidek Baba. (2011). *Tajdid Ilmu dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Yayasan Ilmuwan.

Sincero, S. M. (Okt 18, 2011). Classical Conditioning. Diakses pada Sep 5, 2015 dari Explorable.com: <https://explorable.com/classical-conditioning>.

Skinner, B. F. (1968). *The Technology of Teaching*. New York: Appleton-Century-Crofts.

Skinner, B. F. (1982). *Skinner for The Classroom: Selected Papers*. Champaign IL: Research Press.

Sukristanto. (2007). Pengelolaan Pendidikan Anak Usia Dini dan Pendidikan Dasar Secara Efektif untuk Mewujudkan Tatatan Pendidikan Berkualitas. *Dalam Jurnal Paedagog*, 2(6), 90-92.

Teguh. (2009). Konsep Pendidikan Menurut Fazlur Rahman. *Jurnal Ta'allum*, 19(2), 105 - 118.

Ulwan, A. N. (1998). *Tarbiatul Awlad fil Islam*. (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Terj.). Kaherah: Darus Salam.

Wahbah Al-Zuhayli. (2000). *Falsafah al-Tarbiyyah Fi al-Quran*. Damsyiq: Dar al-Maktabi.

Wan Suhaimi Wan Abdullah. (2013). *Neurosains dan Hakikat Insan dalam Islam: Penghujahan Ibn Sina, Al-Ghazali dan Al-Baghdadi Tentang Keruhanian Jiwa Insan*. Kertas Kerja telah Dibentangkan di Persidangan Meja Bulat, Islam dan Neurosains, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur.

Webb, D. (2008). Psychology Audio. Diakses pada Sep 5, 2015 dari All-about-psychology.com: <http://www.all-about-psychology.com/psychology-audio.html>.

Wiersma, W., & Jurs, S. G. (2009). *Research Methods in Education: An Introduction* (9th ed.). United States, America: Allyn dan Bacon.

Yayasan Terengganu. (t.t.). *Modul Sukatan Hafazan Al-Quran Sekolah Menengah Imtiaz*, Yayasan Terengganu. Terengganu: Penerbit Yayasan Terengganu.

Yusof Al-Qaradhwai. (1980). *Minhaj al-Tarbiyyah Fi al-Islam*. Jakarta: Bulang Bintang.

Zulfa Izza Mohamed @ Hashim. (2013). *Penghafazan Al-Quran dalam Kalangan Murid Menengah Rendah di Kuala Terengganu: Kajian dari Perspektif Neurosains Kognitif*. (Sarjana Falsafah), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

SENARAI PENERBITAN DAN PENGLIBATAN SEMINAR

A. PENERBITAN

Jurnal Akademik

Mohamad Khairudin Bajuri, Rohaida Mohd. Saat, Mohd. Yakub@Zulkifli Mohd. Yusoff, Noor Naemah Abdul Rahman & Durriyyah Sharifah Hasan Adli. (2014). Pendekatan Peneguhan bagi Aktiviti Hafalan Al-Quran dalam Kalangan Murid di Peringkat Menengah Rendah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, bil. 8, 113.

Rohaida Mohd. Saat, Zulfa Izza Mohd. Hashim, **Mohamad Khairudin Bajuri**, Mohd. Yakub @ Zulkifli Mohd. Yusoff, Noor Naemah Abdul Rahman dan Durriyyah Sharifah Hasan Adli. (2011). *Memorization Activity and Use of Reinforcement in Learning: Content Analysis from Neuroscience and Islamic Perspectives*. Journal of Applied Sciences Volume 11, Number 7, 1113-1120.

Diindeks oleh Science alert, New York, USA: ISI/WOS.
<http://scialert.net/archivedetails.php?issn=1812-5654&issueno=159>.

Bab Buku

Mohamad Khairudin Bajuri, Rohaida Mohd. Saat, Mohd. Yakub @ Zulkifli Mohd. Yusoff, Noor Naemah Abdul Rahman dan Durriyyah Sharifah Hasan Adli (2012). *Penggunaan Ganjaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran dari Perspektif Neurosains dan Tradisi Islam: Suatu Perbandingan*. Bab 14, Buku Dimensi Islam dalam Wacana Sains. Penerbit Yayasan Ilmuwan. ISBN: 978-983-44372-6-8

Prosiding

Mohamad Khairul Azali Sahak, **Mohamad Khairudin Bajuri**, Noor Hashida Hashim dan Durriyyah Sharifah Hasan Adli (2012). *Saranan Penggunaan Habbatus Sauda' dalam Tradisi Islam dan Aplikasinya dalam Kajian Sains Kesihatan*. E-Prosiding dalam Kertas Kerja International Seminar on Al-Quran in Contemporary Society 2012 (SQ2012), 1 – 2 Disember 2012., Hotel Permai, Terengganu, Malaysia. Anjuran Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Wise University dan IKIM. ISBN: 978-983-9842-59-3.

Mohamad Khairudin Bajuri, Rohaida Mohd. Saat, Mohd. Yakub @ Zulkifli Mohd. Yusoff, Noor Naemah Abdul Rahman dan Durriyyah Sharifah Hasan Adli (2012). *Pendekatan Peneguhan Bagi Aktiviti Hafalan Al-Quran dalam Kalangan Murid di Peringkat Menengah Rendah*, E-Prosiding dalam Kertas Kerja International Seminar on Al-Quran in Contemporary Society 2012 (SQ2012), 1 – 2 Disember 2012, Hotel Permai, Terengganu, Malaysia. Anjuran Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Wise University dan IKIM. ISBN: 978-983-9842-59-3.

Mohamad Khairudin Bajuri, Rohaida Mohd. Saat, Mohd. Yakub @ Zulkifli Mohd. Yusoff, Noor Naemah Abdul Rahman dan Durriyyah Sharifah Hasan Adli (2012). *Konsep Ganjaran dalam Aktiviti Pembelajaran: Pengamalannya di Sebuah Sekolah Menengah Agama di Terengganu*, Prosiding dalam Kertas Kerja The 2nd Annual International Qur’anic Conferences 2012, 22 – 23 Februari 2012, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia. Anjuran Universiti Malaya. ISBN: 978-967-5534-20-1.

Mohamad Khairudin Bajuri, Rohaida Mohd. Saat, Mohd. Yakub @ Zulkifli Mohd. Yusoff, Noor Naemah Abdul Rahman dan Durriyyah Sharifah Hasan Adli (2011). *Konsep ‘Uqubah dan Pengukuhan Aktiviti Pembelajaran: Pengamalannya dalam Sistem Pendidikan di Sebuah Sekolah Menengah Agama di Terengganu*, Prosiding dalam Kertas Kerja 2nd International Conference on Islamic Education 2011 (ICIEd2011), 19 -21 Disember 2011, Hotel Equatorial Bangi – Putrajaya, Selangor, Malaysia. Anjuran KUIS dan Persatuan Intelektual Muslim Malaysia (PIMM). ISBN: 978-967-10160-2-2.

Mohamad Khairudin Bajuri, Rohaida Mohd. Saat, Mohd. Yakub @ Zulkifli Mohd. Yusoff, Noor Naemah Abdul Rahman dan Durriyyah Sharifah Hasan Adli (2010). *Penggunaan Ganjaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran dari Perspektif Neurosains dan Tradisi Islam: Suatu Perbandingan*, Prosiding dalam Kertas Kerja Seminar Islam, Sains dan Teknologi: Kupasan Beberapa Isu, 4 – 5 ogos 2010, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Anjuran Universiti Malaya dan Yayasan Ilmuwan. Tiada ISBN.

Zulfa Izza Mohamed @ Hashim, **Mohamad Khairudin Bajuri**, Rohaida Mohd. Saat, Mohd. Yakub @Zulkifli Mohd. Yusoff, Noor Naemah Abdul Rahman dan Durriyyah Sharifah Hasan Adli (2010). *Memorization Activity and Use of Reinforcement in Learning: Content Analysis from Neuroscience and Islamic Perspectives*, E-Prosiding dalam Kertas Kerja International Conference on Fundamental Applied Science 2010 (ICFAS 2010), 15 – 17 Jun 2010, Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Malaysia. Anjuran Universiti Teknologi Petronas (UTP). ISBN: 978-983-2271-19-2.

B. PENGLIBATAN SEMINAR

Pembentangan Kertas Kerja

2012

Saranan Penggunaan Habbatus Sauda' dalam Tradisi Islam dan Aplikasinya dalam Kajian Sains Kesihatan. International Seminar on Al-Quran in Contemporary Society 2012 (SQ2012), 1 – 2 Disember 2012,. Hotel Permai, Terengganu, Malaysia. Anjuran Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Wise University dan IKIM.

Pendekatan Peneguhan Bagi Aktiviti Hafalan Al-Quran dalam Kalangan Murid di Peringkat Menengah Rendah. International Seminar on Al-Quran in Contemporary Society 2012 (SQ2012), 1 – 2 Disember 2012, Hotel Permai, Terengganu, Malaysia. Anjuran Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Wise University dan IKIM.

Konsep Ganjaran dalam Aktiviti Pembelajaran: Pengamalannya di Sebuah Sekolah Menengah Agama di Terengganu. The 2nd Annual International Qur'anic Conferences 2012, 22 – 23 Februari 2012, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia. Anjuran Universiti Malaya.

2011

Konsep ‘Uqbah dan Pengukuhan Aktiviti Pembelajaran: Pengamalannya dalam Sistem Pendidikan di Sebuah Sekolah Menengah Agama di Terengganu. 2nd International Conference on Islamic Education 2011 (ICIEd2011), 19 -21 Disember 2011, Hotel Equatorial Bangi – Putrajaya, Selangor, Malaysia. Anjuran KUIS dan Persatuan Intelektual Muslim Malaysia (PIMM).

Pelaksanaan Konsep Pendidikan Berteras al-Qur'an oleh Muhammadiyah dan Nahdatul Ulama: Kajian Perbandingan di Pesantren Sekitar Yogyakarta, Indonesia. The Annual International Quranic Conference 2011, 11 – 12 Januari 2011, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Anjuran Centre of Quranic Research (CQR).

Pemberian Ganjaran dan Hukuman Berasaskan Al-Qur'an: Pengamalan dalam Sistem Pendidikan Berteraskan Islam di Yogyakarta, Indonesia. The Annual International Quranic Conference 2011, 11 – 12 Januari 2011, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Anjuran Centre of Quranic Research (CQR).

2010

Use of Reinforcement in Learning: Content Analysis from Behavioural Science and Islamic Perspectives. Weekly Wednesday Forum, 20 Oktober 2010, Centre for Religious and Cross Cultural Studies (CRCS). Anjuran Universitas Gadjah Mada (UGM).

Penggunaan Ganjaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran dari Perspektif Neurosains dan Tradisi Islam: Suatu Perbandingan. Seminar Islam, Sains dan Teknologi: Kupasan Beberapa Isu, 4 – 5 ogos 2010, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Anjuran Universiti Malaya dan Yayasan Ilmuwan.

Memorization Activity and Use of Reinforcement in Learning: Content Analysis from Neuroscience and Islamic Perspectives. International Conference on Fundamental Applied Science 2010 (ICFAS 2010), 15 – 17 Jun 2010, Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Malaysia. Anjuran Universiti Teknologi Petronas (UTP).

Penggunaan Ganjaran dalam Pengukuhan Pembelajaran di Peringkat Menengah Rendah Sekolah Menengah Agama Rakyat dari Perspektif Sains Kelakuan. Seminar Ijazah Tinggi Institut Pengajian Siswazah, Mac 2010, Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya. Anjuran Universiti Malaya.

Pembentangan Poster

2012

Pengamalan Aktiviti Hukuman dalam Pembelajaran: Kajian di Sebuah Sekolah Menengah Aliran Agama. International Seminar on Research in Islamic Studies II (ISRIS II), 15 – 16 Februari 2012, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia. Anjuran Universiti Malaya.

2010

Aktiviti Penghafalan dan Penggunaan Ganjaran dalam Pembelajaran: Analisis Kandungan dari Perspektif Neurosains dan Islam. Innovation and Creativity Expo 2010 University of Malaya (UMEXPO 2010), 1 – 3 April 2010, Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya. Anjuran Universiti Malaya.

(a) *Journal of Applied Sciences*

Journal of Applied Sciences 11 (7): 1113-1120, 2011
ISSN 1812-5654 / DOI: 10.3923/jas.2011.1113.1120
© 2011 Asian Network for Scientific Information

Memorization Activity and use of Reinforcement in Learning:Content Analysis from Neuroscience and Islamic Perspectives

¹R.M. Saat, ²Z.I.M. Hashim, ³M.K. Bajuri, ³M.Y.Z. Mohamed Yusoff,

³N.N. Abdul Rahman and ⁴D.S. Hasan Adli

¹Faculty of Education, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

²Institute of Graduate Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

³Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

⁴Faculty of Science, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Abstract: The field of neuroscience focuses on the nervous system. Activities of neurons, primary cells of the system, are responsible for all human behavior, e.g., physical activities (such as movements) and complex mental activities (such as planning). These brain functions that neuroscience researches of different approaches have totally entrusted to the neurons are considered from the Islamic perspective as activities traversing across diverse issues, including matters pertaining to religious responsibilities of a Muslim. The current constraints due to compartmentalization of knowledge could lead to confusion and/or conflicts among students, educators and the Muslim community from the various conventional science streams. In addition, individuals with Islamic studies background have different understanding and usage of terms which are commonly difficult to explain to those educated in the conventional science stream. Non-comprehensive understanding of the two parties on specific issues could result in a clash of views, thus, leading to any arising problematic issues being unsuccessfully addressed. This study focused on the learning process, a general acquisition process for new information, behavior and/or capabilities and consequent processing by the nervous system. Through content analysis approach, systematically collected information of memorization activities and the use of reinforcements; two activities associated to the process of formal learning, was looked at from the perspectives of neuroscience and Islam. Memorization of al-Quran, a practice commonly implemented in Islamic studies education, was also focused on. Findings show that although from both neuroscience and Islamic perspectives memorization and the use of rewards have similar features, significant differences were also noted.

Key words: Neuroscience, islamic perspective, learning, memorization, reinforcement

INTRODUCTION

Neuroscience is a multidisciplinary field of research focusing on the nervous system; related to central nervous system (brain and spinal cord) and/or peripheral nervous system (cranial and spinal nerves) (Kandel *et al.*, 2005). Further specialization of the field, includes behavioral science, developmental neurobiology, neurophysiology and others. The term 'neuro' is derived from the term 'neurons', referring to the main cells of the nervous system which process and interpret impulses received and, consequently, produce an appropriate response. Integration of neuronal activities enables the brain to interpret sensory stimuli (e.g., auditory, visual, smell, touch sensation and taste) and respond accordingly. The integration of specific information with others received simultaneously or previous ones already kept as memories and also influenced by emotion will consequently generate individualized responses.

Functions of brain that are generated by neurons traverse different issues when viewed from Islamic perspective (Hasan Adli *et al.*, 2003). Constraints due to separation/ segregation of academic specialization result in confusion and/or conflicts among Muslim individuals in various fields of conventional sciences, including those in the education field. Individuals with Islamic studies background commonly understand and have use of terms which are difficult to explain to those who are educated in conventional science stream, such as neuroscience. Non-comprehensive understanding of related issues could potentially cause misunderstandings and clashes in public opinions. One of such issues is learning, a process of acquiring new information, behavior, capability and is directly related to formation and accessibility of memories. Researches on learning often deal with the study of human behavior, including behavior modification through the use of rewards. Two activities, which could be associated with formal learning

Corresponding Author: Rohaida Mohamed Saat, Faculty of Education, University Malaysia, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

1113

**PENDEKATAN PENEGUHAN BAGI AKTIVITI HAFALAN AL-QURAN
DALAM KALANGAN PELAJAR DI PERINGKAT MENENGAH RENDAH**

**(Reinforcement Approaches for Al-Quran Memorization Activities amongst Students
in Lower Secondary Level)**

**Mohamad Khairudin Bajuri¹, Rohaida Mohd. Saat²,
M. Y. Zulkifli Mohd. Yusoff^{3,4}, Noor Naemah Abdul Rahman³ dan
Durriyyah Sharifah Hasan Adli⁵**

¹*Institut Pengajian Siswazah*, ²*Fakulti Pendidikan*,
³*Akademi Pengajian Islam*, ⁴*Centre of Quranic Research* dan ⁵*Fakulti Sains*,
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.
E-mel: rohaida@um.edu.my & khairudin@siswa.um.edu.my

ABSTRACT

Memorization is one of the mental functions generated by neuronal activities of the human central nervous system. Memorization activity involves the learning process after receiving external stimulation, such as information about something new, followed by the formation of memory, and its retention in the brain. This memory can then be accessed to be used, such as to recite al-Quran verses without visual or auditory aid. Through observation of performance or behavior of concerned individuals, it is found that external factors, like reinforcements in the form of reward (either positive reward or negative reward) and/or punishment are expected to have effects on efficiency of memory. This article discussed the changes to a specific behavior after being reinforced through targhib, tsawab, tarhib and 'uqubah approaches, as stated in the Islamic perspective and also practiced in the sample school, which is a religious secondary school in Terengganu. Discussed results from the study are the implementation of the common reinforcement practice involving reward (either positive reward or negative reward) and/or punishment in al-Quran memorization process in the school. The qualitative research method employed involved structured interviews as the main data source. A total of six (6) teachers and ten (10) students in lower secondary level were interviewed. It was discovered that activities that were commonly practiced as reinforcement to improve al-Quran memorization performance by students in the school included all positive reward, negative reward and punishment provision. Good practices and effective approaches

Bab dalam Buku

- (a) Bab dalam Buku: Dimensi Islam dalam Wacana Sains

BAB 14

PENGGUNAAN GANJARAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DARI PERSPEKTIF NEUROSAINS DAN TRADISI ISLAM: SUATU PERBANDINGAN

Mohamad Khairudin Bajuri, Rohaida Mohd. Saat,
M.Y. Zulkifli Mohd. Yusoff, Noor Naemah Abdul Rahman
& Durriyyah Sharifah Hasan Adli.

PENDAHULUAN

Berdasarkan penemuan kajian-kajian neurosains terdahulu melalui pelbagai pendekatan, didapati bahawa fungsi otak yang dipertanggungjawabkan kepada sel-sel neuron merentasi isu berbeza dari perspektif Islam. Malah isu-isu tersebut dibincangkan di bawah pelbagai topik dan turut melibatkan hukum-hakam. Kekangan pengasingan pengkhususan bidang pengajian telah mengakibatkan kekeliruan dan/atau konflik dalam kalangan pelajar, tenaga pendidik dan masyarakat Islam yang menceburi pelbagai bidang sains konvensional. Isu-isu yang dikaitkan dalam bidang pendidikan lazimnya dibincangkan secara berasingan antara sains konvensional dan dari perspektif Islam. Golongan yang berlatarbelakangkan bidang pengajian Islam mempunyai pemahaman dan penggunaan istilah yang sukar untuk diperjelaskan kepada golongan yang berpendidikan sains konvensional. Pemahaman